

**HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL PADA ZAMAN
PEMERINTAHAN PERDANA MENTERI RECEP TAYYIP
ERDOGAN (2003 – 2014)**

NUR SYAHIRAH BINTI NOR HIDAYAH

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

**HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL PADA ZAMAN
PEMERINTAHAN PERDANA MENTERI RECEP TAYYIP
ERDOGAN (2003 – 2014)**

NUR SYAHIRAH BINTI NOR HIDAYAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: NUR SYAHIRAH BINTI NOR HIDAYAH

No. Matrik: IGB 150050/17305689

Nama Ijazah: SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL PADA ZAMAN PEMERINTAHAN PERDANA
MENTERI RECEP TAYYIP ERDOGAN (2003-2014)

Bidang Penyelidikan: TAMADUN ISLAM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 16/10/2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 16/10/2023

Nama:

Jawatan

**HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL PADA ZAMAN PEMERINTAHAN
PERDANA MENTERI RECEP TAYYIP ERDOGAN (2003 – 2014)**

ABSTRAK

Hubungan kerjasama Turki dan Israel telah lama wujud sejak pengakuan Negara Turki majoritinya orang Islam akan kewujudan Negara Israel pada tahun 1949. Kerjasama merangkumi aspek politik, ekonomi dan ketenteraan. Kesenambungan warisan sekular dari Kamal Ataturk telah membawa kepada pakatan kerjasama antara Turki dan Israel. Pada abad ke-21 pula, selepas sebuah parti iaitu AKP telah mengambil alih tampuk pemerintahan Turki, banyak perubahan telah berlaku. Apabila seorang Perdana Menteri Turki yang baru dari Parti AKP iaitu Recep Tayyip Erdogan memerintah, beliau telah melakukan pembaharuan terutama dari aspek dasar luar Turki. Melalui pembaharuan dasar luar Turki yang baru ini, telah menyebabkan hubungan Turki dan Israel berlaku perubahan. Oleh itu, objektif disertasi bagi kajian ini merangkumi tiga objektif untuk dicapai iaitu i) membincangkan sejarah awal perkembangan hubungan Turki dan Israel ii) mengkaji biografi Perdana Menteri Erdogan dan sumbangannya iii) Menganalisis hubungan Turki dan Israel pada zaman Erdogan sebagai Perdana Menteri. Secara keseluruhannya, reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang merangkumi kajian sejarah. Dalam mengumpulkan maklumat, pengkaji telah menggunakan analisis komparatif dan analisis kritikal bagi mendapatkan sumber mengenai sejarah hubungan Turki dan Israel dan biografi Erdogan serta sumbangannya. Hasil dari kajian disertasi ini, dapat mengetahui mengenai hubungan Turki dan Israel selepas pembaharuan dasar luar Turki yang berlaku.

Kata Kunci: kerjasama Turki dan Israel, sekular, Recep Tayyip Erdogan, pembaharuan dasar luar Turki

TURKEY AND ISRAEL RELATION IN THE RULLING ERA OF PRIME

MINISTER RECEP TAYYIP ERDOGAN (2003-2014)

ABSTRACT

Relations between Turkey and Israel have existed for a long time since the Muslim majority Turkish recognition of the existence of the state of Israel in 1949. Such cooperation covers political, economics and military aspects. The continuity of the secular legacy of Kamal Ataturk has led to a pact of cooperation between Turkey and Israel. In the 21st century, after a party the AKP took over, the reins of Turkish goverment, many changes have taken place. When a new Turkish Prime Minister from AKP Party Recep Tayyip Erdogan came to power, he carried out reforms especially from the aspect of Turkish foreign policy. Through these new Turkish foreign policy reforms, Turkish-Israel relations have undergone a change. Therefore, the dissertation objective for this study include three objectives to be achieved namely i) discuss the early history of the development of Turkish-Israeli relations ii) study the biography of Prime Minister Erdogan and his contributions iii) analyze Turkish-Israeli relations during Erdogan's as Prime Minister of Turkey. Overall, the design of this study is a qualitatives study that includes historical studies. In gathering information, researchers have used comparative analysis and critical analysis to obtain sources on the history of Turkish-Israeli relations and the biography of Erdogan as well as his contributions. The results of this dissertation study, can find out about the relationship between Turkey and Israel after the reform of Turkish foreign policy took place.

Keywords: Turkish-Israeli cooperation, secular, Recep Tayyip Erdogan, Turkish reform foreign policy

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T. tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarganya. Dengan penuh rasa rendah hati dan kesyukuran yang tidak terhingga akhirnya saya telah berjaya menyiapkan penulisan tesis kajian ini.

Dengan ini, ucapan penghargaan jutaan terima kasih saya ingin tujukan terutama kepada penyelia saya Profesor Dr. Mohd Roslan Bin Mohd Nor dalam memberi panduan dan bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan kajian penulisan ini. Tidak dilupakan juga, kepada pensyarah-pensyarah, kakitangan jabatan dan pembantu penyelidik Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam yang banyak membantu, memberikan dorongan dan galakan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu, Syahidah, Fakhriah, Nik Zaitun Yusni dan Faizzati yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan juga, kepada keluarga saya terutama ibubapa saya Nor Hidayah Mohamad dan Robahyah Abd Manap serta adik-beradik saya Mohd Syakir, Syafiqah, Syahmi, Wafiy, Fadil, Izzani dan Allahyarham adik saya Syahid Ahmadi yang turut sama memberikan semangat dan galakan bagi saya menyiapkan kajian ini. Penghargaan diberikan juga kepada sarjana-sarjana yang lepas yang turut memberi sumbangan idea dan rujukan bagi saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalas semua jasa dan pertolongan kepada semua yang terlibat dalam penulisan saya ini tidak kira secara langsung atau tidak langsung.

Sekian.

Nama : Nur Syahirah binti Nor Hidayah

No. Matrik : IGB150050/17035689

E-mel : abidaallah@gmail.com

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
ABSTRAK.....	iii
PENGHARGAAN.....	v
SENARAI KANDUNGAN.....	vi
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI KEPENDEKAN.....	xi
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
SISTEM TRANSLITERASI.....	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian.....	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian.....	7
1.4 Objektif Kajian.....	7
1.5 Definisi Tajuk.....	8
1.6 Skop dan Batasan Penyelidikan.....	9
1.7 Kepentingan Penyelidikan.....	9
1.8 Kajian Kesusasteraan.....	10
1.9 Metodologi Kajian.....	18
1.10 Sistematika Penulisan.....	21

BAB 2: SEJARAH AWAL PERKEMBANGAN HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL	23
2.1 Pengenalan.....	23
2.2 Kejatuhan Daulah Islam Turki Uthmaniyah.....	24
2.3 Penubuhan Republik Turki.....	33
2.3.1 Biografi Kemal Ataturk.....	33
2.3.2 Penubuhan Republik Turki.....	37
2.4 Sejarah Kewujudan Negara Israel.....	63
2.5 Kerjasama Turki dengan Israel pada Peringkat Awal.....	72
2.5.1 Kerjasama Turki dengan Israel dari Segi Diplomatik, Ekonomi dan Ketenteraan dari Tahun 1949-2002.....	72
2.6 Kesimpulan.....	79
BAB 3: BIOGRAFI PERDANA MENTERI RECEP TAYYIP ERDOGAN DAN SUMBANGANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TURKI	85
3.1 Pengenalan.....	85
3.2 Biografi Recep Tayyip Erdogan.....	86
3.2.1 Sejarah Kelahiran dan Keluarga.....	86
3.2.2 Pendidikan.....	87
3.2.3 Perkahwinan.....	88
3.3 Sejarah Penglibatan Recep Tayyip Erdogan Dalam Politik Turki.....	88
3.4 Sumbangan dan Jasa Recep Tayyip Erdogan kepada Turki	102
3.5 Kesimpulan.....	117

BAB 4: HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL PADA ZAMAN PEMERINTAHAN PERDANA MENTERI RECEP TAYYIP ERDOGAN (2003-2014)	121
4.1 Pengenalan.....	121
4.2 Recep Tayyip Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki dan Pembaharuan yang Dilakukan Terhadap Dasar Luar Turki	122
4.3 Krisis-Krisis Antara Turki Dan Israel Semasa Recep Tayyip Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki Pada Tahun 2003-2014.....	139
4.3.1 Isu Serangan Israel Terhadap Gaza.....	139
4.3.2 Kerjasama Turki Dengan Negara Islam dan Arab.....	140
4.3.3 Forum Ekonomi Dunia Di Davos.....	142
4.3.4 Peristiwa Kapal Mavi Marmara.....	142
4.3.5 Latihan Ketenteraan (Helang Anatoli).....	144
4.4 Pembaharuan Dasar Luar Turki dengan Israel Ketika Recep Tayyip Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki dari Tahun 2003-2014.....	145
4.5 Implikasi Hubungan Turki Dan Israel Pada Masa Depan.....	152
4.6 Kesimpulan.....	153
BAB 5: PENUTUP	158
5.1 Pengenalan.....	158
5.2 Rumusan.....	158
5.2.1 Rumusan Bab 2 : Sejarah Awal Perkembangan Hubungan Turki dan Israel.....	158
5.2.2 Rumusan Bab 3 : Biografi Recep Tayyip Erdogan dan Sumbangannya Sebagai Perdana Menteri Turki.....	161
5.2.3 Rumusan Bab 4 : Hubungan Turki dan Israel pada Zaman Pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014).....	165

5.3 Implikasi Kajian.....	168
5.3 Cadangan.....	169
BIBLIOGRAFI.....	170
SENARAI PENERBITAN.....	178
LAMPIRAN	

Universiti Malaya

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.0	Kronologi Kemerosotan Daulah Turki Uthmaniyah pada abad ke-19 dan pada awal abad ke-20	32

Universiti Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

Sdn.	Sendirian
Bhd	Berhad
Ed	Edisi
Terj	Terjemahan
M.	Masihi
RPP	Republican People's Party
CHP	Cumhuriyet Halk Partisi
AKP	Adalet Ve Kalkınma Partisi
TSK	Türk Silahlı Kuvvetleri
MSP	Mili Sağlık Partisi
RP	Refah Partisi
PRU	Pilihanraya Umum
OIC	Organization of Islamic Cooperation
USD	United States Dollar
FJP	Freedom and Justice Party
FTA	Free Trade Agreement

SENARAI LAMPIRAN

PERKARA	LAMPIRAN
Lampiran A 1	Potret Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan
Lampiran A 2	Potret Presiden Pertama Turki Kamal Ataturk Pembangun Sekular Di Turki
Lampiran B	Gambar Perdana Menteri Erdogan Berjabat Tangan Dengan Perdana Menteri Israel Ariel Sharon, Pada 1 Mei 2005
Lampiran C 1	Peristiwa Perdana Menteri Erdogan Beredar Dari Seminar Forum Di Davos Pada Tahun 2009 Kerana Bengang Dengan Sikap Perdana Menteri Israel Shimon Peres Dan Sikap Biadab Serangan Israel Ke Atas Gaza
Lampiran C 2	Gambar Kapal Mavi Marmara Memperingati Anggota Yang Terkorban Dalam Misi Bantuan Kemanusiaan Ke Gaza Pada Tahun 2010

SISTEM TRANSLITERASI

Panduan pengejaan dari perkataan-perkataan Arab ke dalam ejaan Rumi berdasarkan transliterasi yang telah digunakan seperti berikut :

1. Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا, ء	a, 'a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	ه	h
خ	kh	ظ	ẓ	و	w
د	d	ع	'	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h, t
ر	r	ف	f		

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
	A	ا, آ	ā
	I	ي	ī
	U	و	ū

3. Diftong

Diftong	Transliterasi
اَ وِ	aw
اَ يِ	ay
اَ وِ وِ	uww
اَ يِ يِ	iy, ī

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Hubungan diplomatik antara Turki dan Israel secara umumnya telah lama wujud dari dahulu lagi, iaitu ketika berlaku migrasi sebahagian keluarga Yahudi ke kota Salonika di Yunani pada tahun 1492¹. Pada ketika itu, Turki dan Yunani merupakan di bawah wilayah kekuasaan dinasti Uthmaniyah. Hal ini berlaku, adalah di atas belas kasihan pemerintah Khalifah Uthmaniyah pada ketika itu. Menurut Sharif Taghian di dalam bukunya², apabila Andalusia telah musnah, Khalifah Turki Uthmaniyah telah menerima beberapa tetamu di wilayahnya terutama bangsa Yahudi yang melarikan diri dari Andalusia, sehinggakan pemerintah Uthmaniyah telah memberikan beberapa ekar tanah di Kota Salonika di Yunani untuk mereka dan Uthmaniyah ketika itu, sangat menghormati dan memuliakan mereka³.

Namun, hubungan Turki dan Israel secara khususnya adalah bermula pada tahun 1949 tapi ia bertitik tolak daripada sistem Khalifah Islam Uthmaniyah berubah kepada Republik Sekular yang diperkenalkan oleh Kemal Ataturk dan beliau menjadi sebagai Presiden Turki Sekular yang pertama. Kronologi perubahan pemerintahan Khalifah Daulah Islam Uthmaniyah kepada Republik Sekular boleh dilihat dengan bagaimana Kemal Ataturk mengatur strategi untuk menjatuhkan Khalifah Islam Uthmaniyah, ia

¹ Syarif Taghian, Recep Tayyip Erdogan : *Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, terj. Masturi Ilham dan Malik Supar (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2013), 438.

² *Ibid*, 438

³ *Ibid*.

bermula pada tahun 1908⁴, telah berlaku kebangkitan pemuda yang diketuai oleh Kemal Ataturk dan dikenali sebagai „Young Turk“⁵.

Organisasi ini yang mana ingin menjatuhkan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II⁶ pada ketika itu memerintah Turki Uthmaniyah dan Khalifah Islam. Setelah Khalifah Uthmaniyah jatuh, Kemal Ataturk menjadi sebagai Presiden Turki dan telah mengubah sistem Khalifah Islam kepada sistem sekular di Turki. Pada tahun 1923⁷, Turki menjadi Negara sekular dan dari sini titik tolak bermula hubungan diplomatik antara Turki dan Israel. Setelah Kemal tiada, pemerintahan sekular di Turki tetap dijalankan oleh pemerintah-pemerintah selepasnya.

Oleh yang demikian, pada tahun 1949⁸ Turki merupakan Negara pertama yang majoritinya orang Islam telah mengiktiraf kewujudan Negara Israel⁹ setelah, Presiden di Turki mengamalkan pemerintahan sekular yang dibawa oleh Kemal Ataturk. Selain itu, Turki telah menjalin hubungan dasar luarnya dengan Israel dan bekerjasama dalam bidang ketenteraan, politik dan ekonomi¹⁰. Walaupun, hubungan diplomatik antara Turki dan Israel nampak erat, tetapi hubungan dua hala antara Negara ini masih menghadapi pasang surut dan berselisihfahaman terutama hal yang berkaitan politik¹¹.

Kerjasama diplomatik antara Turki dan Israel mula nampak longgar dan samar-samar pada abad ke-21. Ketika, seorang pemimpin dari parti AKP (Adalet ve Kalkınma Partisi)¹² dilantik menjadi Perdana Menteri Turki iaitu Recep Tayyip Erdogan pada

⁴ M. Philips Price, *A History of Turkey: from Empire to Republic* (London : George Allen & Unwin Ltd, 1956), 82.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Syarif Taghian, Recep Tayyip Erdogan : *Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, terj. Masturi Ilham dan Malik Supar, 100.

⁸ Mensur Akgün, Sabiha Senyücel Gündoğar & Aybars Görgülü, “Politics in Troubled Times : Israel-Turkey Relations,” TESEV, December 2014, 2.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid., 1

¹¹ Ibid., 2

¹² Syarif Taghian, Recep Tayyip Erdogan : *Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 18

tahun 2003¹³. Berdasarkan pemerintahan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki setelah parti beliau memenangi pilihan raya Turki pada tahun 2002 dan 2007¹⁴, ramai pihak-pihak berkuasa dari luar menganggap Erdogan sebagai „non-threatening Islam“¹⁵ kerana pencapaian pemerintahan yang dilakukannya terutama dalam berdamai dengan Negara di Timur Tengah termasuk isu Palestin dan telah membawa identiti Islam¹⁶.

Namun, hubungan diplomatik dengan Israel masih lagi diteruskan walaupun berlaku salah faham antara Turki dan Israel. Pada masa yang sama juga, Perdana Menteri Erdogan telah membawa pembaharuan kepada Negara Republik Turki. Justeru, satu kajian khusus yang akan mengkaji mengenai hubungan Turki dan Israel pada zaman pemerintahan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki.

¹³ Ibid.

¹⁴ Bilal Sambur, “The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan,” *European Journal of Economic and Political Studies* 2, no.2 (2009), 121.

¹⁵ Arda Baykal, “Recep Tayyip Erdoğan,” *House of Commons Library*, 22 December 2009, 3.

¹⁶ Ibid.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Negara Turki yang majoritinya orang Islam telah mengiktiraf Israel. Turki juga mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Permulaan hubungannya berlaku setelah Turki mengamalkan pemerintahan republik pimpinan Kemal Ataturk sebagai Presiden. Sebelum ini, Turki merupakan Negara Islam iaitu semasa zaman pemerintahan Khalifah Turki Uthmaniyah. Pada tahun 1909¹⁷, pasukan tentera di bawah kepimpinan Kemal Ataturk ingin menjatuhkan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II¹⁸.

Pada tahun 1922¹⁹, dengan secara rasminya sistem kesultanan dan kekhalifahan Islam dihapuskan di Turki. Secara umum dan rasminya, pada tahun 1923²⁰ Negara Republik Turki telah ditubuhkan, Mustafa Kemal Ataturk sebagai Presiden dan telah mengubah sistem Khalifah kepada sistem sekular di Turki. Berdasarkan perubahan di dalam pemerintahan yang dilakukan oleh Kemal, telah membuatkan pemerintah selepasnya menyambung kesinambungan pemerintahannya dalam bentuk sekular. Oleh yang demikian, pada tahun 1949 Turki telah mengakui kewujudan Negara Israel dan sekaligus membuat pakatan kerjasama dengan Israel. Meskipun, Turki merupakan Negara yang majoritinya adalah umat Islam.

¹⁷ M. Philips Price, *A History of Turkey: from Empire to Republic*, 85.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Syarif Taghian, *Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, terj. Masturi Ilham dan Malik Supar (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2013), 100.

²⁰ *Ibid.*

Berdasarkan hubungan diplomatik ini, Turki telah mengadakan dasar luar dengan Israel terutama dalam bidang ketenteraan, politik dan ekonomi²¹. Hubungan dua hala antara Turki dan Israel berkembang sehingga berlaku perubahan apabila tampuk pemerintahan bertukar kepada pihak AKP pada tahun 2002²².

Pada abad ke-21, ketika Erdogan memerintah sebagai Perdana Menteri, beliau telah membuat dasar pembaharuan²³ di Turki samaada dalaman atau luaran seperti mengadakan hubungan terbuka dengan Negara Timur Tengah terutama mengenai isu Palestin²⁴. Berdasarkan pembaharuan yang dibuat, hubungan Turki dan Israel mula nampak sedikit perubahan. Namun begitu, krisis-krisis yang dihadapi oleh dua pihak ini lebih nampak ketara, semasa pelantikan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki²⁵ dari pembaharuan yang dilakukan. Negara Turki mula menampakkan sifat dingin dan negatif mereka terhadap Israel terutama ketika terjadinya serangan Israel di Gaza pada 27 Disember 2008²⁶.

Selain itu, hubungan diplomatik Israel dengan Turki mula nampak tegang apabila pada tahun 2009 satu sidang forum diadakan iaitu Forum Ekonomi Dunia di Davos²⁷. Semasa forum itu sedang berlangsung, Perdana Menteri Erdogan telah keluar dari forum tersebut dengan keadaan marah kerana Shimon Peres menyokong tentera Israel menyerang Palestin dan Erdogan diberi peluang bercakap hanya satu minit sahaja²⁸. Setelah insiden itu berlaku, Shimon Peres meminta maaf terhadap Erdogan.

²¹ Mensur Akgün, Sabiha Senyücel Gündoğar & Aybars Görgülü, "Politics in Troubled Times : Israel-Turkey Relations," 2.

²² Ibid., 2.

²³ Syarif Taghian, *Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 233

²⁴ Ibid., 288

²⁵ Bilal Sambur, "The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan," 121.

²⁶ Syarif Taghian, 457.

²⁷ Mensur Akgün, Sabiha Senyücel Gündoğar & Aybars Görgülü, "Politics in Troubled Times : Israel-Turkey Relations," TESEV, December 2014, 4.

²⁸ Mensur Akgün, Sabiha Senyücel Gündoğar & Aybars Görgülü, "Politics in Troubled Times : Israel-Turkey Relations," TESEV, December 2014, 4

Namun begitu, pada tanggal 31 Mei 2010²⁹, tentera Israel telah membuat kepungan dan menghalang kapal-kapal yang diketuai oleh kapal Mavi Marmara milik Negara Turki yang telah membawa bantuan kemanusiaan terhadap rakyat Palestin. Peristiwa tersebut telah mengorbankan lapan orang rakyat Turki dan telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan rakyat dan pemerintah Turki³⁰. Sejak dari itu, hubungan Turki dan Israel telah diminimumkan³¹.

Justeru itu, satu kajian ilmiah akan dilakukan untuk mengetahui situasi dan suasana hubungan Israel dengan Turki pada zaman pemerintahan Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan pada tahun 2003-2014.

²⁹ Ni Luh Desriani Utami, "Dampak Peristiwa Mavi Marmara Terhadap Hubungan Diplomatik Turki Israel", *Artikel Ilmiah Hasil Penilaian Mahasiswa* 1, no. 1 (2012) : 1.

³⁰ Ibid.

³¹ Mensur Akgün, Sabiha Senyücel Gündoğar & Aybars Görgülü, "Politics in Troubled Times : Israel-Turkey Relations," TESEV, December 2014, 7.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Mengenai kajian yang dijalankan iaitu „Hubungan Turki Dan Israel Pada Zaman Pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014)“; pengkaji mengetengahkan dan merumuskan beberapa pernyataan masalah yang berkaitan dengan penyelidikan pengkaji. Antara persoalan utama yang dikaji adalah seperti berikut:

- i. Bagaimana sejarah awal perkembangan hubungan Turki dan Israel ?
- ii. Siapakah Perdana Menteri Erdogan dan apakah sumbangannya kepada Turki ?
- iii. Apakah situasi hubungan Turki dan Israel pada zaman Erdogan sebagai Perdana Menteri?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian dilakukan, pengkaji meletakkan beberapa objektif yang utama untuk dicapai bagi kajian yang dijalankan iaitu :

- i. Membincangkan sejarah awal perkembangan hubungan Turki dengan Israel.
- ii. Mengkaji biografi Perdana Menteri Erdogan dan sumbangannya.
- iii. Menganalisis hubungan Turki dan Israel pada zaman Erdogan sebagai Perdana Menteri.

1.5 Definisi Tajuk

Dalam tajuk penyelidikan yang dipilih oleh pengkaji ini iaitu „**Hubungan Turki Dan Israel Pada Zaman Pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014)**“, ada perkataan-perkataan yang khusus perlu difahami dan diperjelaskan maksudnya untuk lebih memahami permasalahan dan skop kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Antara maksud perkataan tajuk pengkaji yang perlu difahami ialah :

- i. Hubungan : berdasarkan kamus am, perkataan ini bermaksud keadaan dihubungkan atau berhubung³². Selain itu, bermaksud sesuatu yang menghubungkan dua tempat iaitu hubungan antara dua pihak seperti hubungan diplomatik³³ dan bermaksud perikatan persekutuan³⁴. Berdasarkan maksud perkataan ini, kajian ini akan mengkaji hubungan diplomatik antara Israel dengan Turki.
- ii. Zaman : bermaksud masa, tempoh, dan jangka waktu yang panjang. Selain itu, berdasarkan kamus dewan zaman bermaksud masa dari segi pemerintahan³⁵ dan bermaksud tempoh masa dan era³⁶. Berdasarkan kamus bahasa melayu, zaman bermaksud ketika³⁷. Perkataan ini dalam kajian pengkaji berfokus pada masa pemerintahan iaitu masa Perdana Menteri Erdogan dari tahun 2003-2014.
- iii. Pemerintahan : perkataan ini pula bermaksud perbuatan memerintah dan pentadbiran yang berdasarkan demokrasi³⁸. Selain itu, berdasarkan kamus dewan ia bermaksud perihal memerintah atau cara (sistem) memerintah dan

³² Crescent News, *Kamus Am*, ed. Ke-1 (Kuala Lumpur : Crescent News (K.L) Sdn. Bhd., 1997), 361.

³³ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan (Edisi Baru)* (Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 430.

³⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 319.

³⁵ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan (Edisi Baru)* (Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1471.

³⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 1106.

³⁷ Pelanduk Publication, *Kamus Bahasa Melayu* (Selangor : Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 2002), 368.

³⁸ Crescent News, *Kamus Am*, ed. Ke-1 (Kuala Lumpur : Crescent News (K.L) Sdn. Bhd., 1997), 783.

pentadbiran³⁹. Berdasarkan perkataan ini, kajian pengkaji khusus pada pemerintahan Erdogan menjadi Perdana Menteri Turki.

- iv. Tahun : berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka laman sesawang perkataan ini bermaksud, jangka waktu atau masa yang lamanya dan bermaksud angka yang menyatakan tarikh⁴⁰. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan kajian yang khusus pada tahun Erdogan menjadi Perdana Menteri Turki iaitu pada tahun 2003 hingga 2014.

1.6 Skop dan Batasan Penyelidikan

Kajian pengkaji akan memfokuskan kepada hubungan Israel dengan Turki pada zaman sekarang iaitu semasa pemerintahan Perdana Menteri Erdogan dan terbatas pada tahun Erdogan menjadi Perdana Menteri Turki iaitu pada tahun 2003-2014 sahaja.

1.7 Kepentingan Penyelidikan

Berdasarkan kajian pengkaji, kajian ini mempunyai sumbangan dan kepentingannya terutama pada para intelektual dan masyarakat antaranya :

- i. Kajian ini dapat menjelaskan dan mengetahui sejarah awal perkembangan hubungan Turki dan Israel
- ii. Kajian ini juga dapat mengkaji dasar yang dilakukan oleh Perdana Menteri Erdogan terhadap hubungan diplomatik Turki dan Israel.

³⁹ Teuku Iskandar, Kamus Dewan (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 874.

⁴⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka, "Kamus Bahasa Melayu", laman sesawang, diakses 12 Julai 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tahun>.

- iii. Kajian ini juga dapat menganalisis hubungan Turki dan Israel pada zaman pemerintahan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki dan kesan terhadap masa depan Negara Turki.

1.8 Kajian Kesusasteraan

Bagi memahami kajian ini, pengkaji telah mencari dan mengumpul kajian-kajian lepas untuk lebih memahami isu yang dikaji⁴¹ dan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Oleh itu, pengkaji membahagikan kepada tiga tema berdasarkan bab-bab yang berkaitan dengan kajian dan untuk menghasilkan sebuah kajian kesusasteraan yang lebih sistematik dan teratur berdasarkan kepada topik-topik yang dikaji. Tiga tema tersebut iaitu tema pertama ialah **Sejarah Awal Perkembangan Hubungan Turki Dan Israel** selepas terbentuknya pemerintahan Republik Turki, diikuti dengan tema kedua iaitu **Latar Belakang Recep Tayyip Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki Dan Sumbangannya**. Manakala, tema terakhir adalah **Hubungan Turki Dan Israel Pada Zaman Erdogan Sebagai Perdana Menteri**.

1.8.1 Sejarah Awal Perkembangan Hubungan Turki dan Israel

Setelah membuat penelitian, ada sesetengah kajian yang lepas membincangkan mengenai sejarah awal perkembangan hubungan Turki dan Israel. Mengenai permulaan perkembangan hubungan Turki dan Israel ia bermula dengan kejatuhan Khilafah Islam Turki Uthmaniyah sehingga penubuhan Republik Turki yang diperkenalkan oleh Kemal Ataturk dan daripada itu Turki telah bekerjasama dengan Israel bermula dari tahun

⁴¹ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan dalam Pengajian Islam* (Shah Alam : Kamil dan Shaki Sdn. Bhd., 2009), 38.

1949. Terdapat beberapa buah buku, bab dalam buku dan artikel yang membincangkan tentang sejarah kejatuhan Turki Uthmaniyah dan penubuhan Republik Turki ini. Antara kajian yang berkaitan ialah sebuah buku yang bertajuk „**A History of Turkey from Empire to Republic**“⁴² karya oleh M. Philips Price yang menceritakan mengenai sejarah khalifah Uthmaniyah sehingga kejatuhan Turki Uthmaniyah, buku ini juga menyatakan sejarah Turki menjadi negara Republik ketika zaman Kemal Ataturk. Oleh itu, buku ini banyak memberikan maklumat mengenai sejarah Turki Uthmaniyah dan bagaimana Khilafah Turki Uthmaniyah jatuh serta penubuhan Republik Turki yang diperkenalkan oleh Kemal. dan ia bersifat umum kepada sejarah Turki itu sendiri.

Selain itu juga, sebuah buku arab yang bertajuk “**Hikāyat Atātūrḳ wal Islām**”⁴³ yang dikarang oleh Abdul Hamid Katib, di dalam buku ini membincangkan mengenai sejarah kejatuhan Khalifah Turki Uthmaniyah dan bagaimana Kemal Ataturk dapat menguasai Turki. Buku ini juga menerangkan mengenai Republik Turki dan perubahan yang dilakukan oleh Kemal Ataturk. Namun, buku ini hanya membincangkan Turki pada zaman Kemal Ataturk sahaja.

Kajian lepas mengenai sejarah dan dasar luar awal hubungan Turki dan Israel dari tahun 1949 hingga 2002 pula, sebuah makalah yang telah diterbitkan sebagai *buku* dan banyak bab buku di dalamnya dikaji oleh orang barat iaitu „**Turkish-Israeli Relations In A Trans-Atlantic Context : Wider Europe And The Greater Middle East**“⁴⁴ editor oleh Bruce Maddy-Weitzman dan Asher Susser yang mana di dalam buku ini bab bukunya terbahagi kepada lima bahagian yang mengkaji mengenai hubungan Turki dan Israel dalam konteks atlantik. Buku ini mengolah mengenai hubungan Turki, Israel, Amerika Syarikat dan kaitannya di Uni Eropah dan Timur Tengah.

⁴² M. Philips Price, *A History of Turkey: from Empire to Republic* (London : George Allen & Unwin Ltd, 1956)

⁴³ Abdul Hamid, “*Hikayat Turki wal Islam*”, (Mesir, 1993).

⁴⁴ Bruce Maddy-Weitzman Dan Asher Susser, ed., *Turkish – Israeli Relations In A Trans-Atlantic Context : Wider Europe and The Greater Middle East*. Moshe Dayan Centre, Universiti Tel Aviv, 2005.

Berdasarkan bahagian bab yang dibahagikan, bahagian pertama menerangkan mengenai kerjasama Turki dan Amerika Syarikat. Selain itu, di dalam buku ini juga bahagian kedua ada menerangkan mengenai hubungan Israel dan Turki tetapi hanya dalam konteks kerjasama di Timur Tengah dan makalah ini difokuskan kerjasama mereka sekitar Eropah dan Timur Tengah sahaja dan kajiannya terbatas kepada isu di sana serta ia melibatkan kerjasama tiga pihak iaitu Turki, Israel dan Amerika Syarikat. Kajian pengkaji hanya berfokus kepada Turki dan Israel sahaja. Bagi pengkaji, makalah ini ada menerangkan sebahagian maklumat yang dikaji dan dicari oleh pengkaji untuk memudahkan kajian ini.

Selain itu, pengkaji ada menganalisis sebuah *jurnal* yang boleh memberi maklumat serba sedikit untuk dijadikan rujukan pengkaji iaitu sebuah jurnal hasil karya oleh Dan Arbelle yang bertajuk „**The US – Turkey – Israel Triangle**“⁴⁵ yang mana di dalam jurnal ini ada menerangkan mengenai hubungan kerjasama di antara Turki, Israel dan Amerika Syarikat dan ia diistilahkan „triangle“ kerana kerjasama antara tiga Negara tersebut. Pengkaji melihat, jurnal ini mengandungi lima tajuk kecil di dalamnya yang banyak menerangkan mengenai kerjasama mereka dan ada menerangkan mengenai peristiwa Mavi Marmara yang mana berlaku persengketaan antara Turki dan Israel dan akan impak kepada Negara Turki. Namun, jurnal ini terbatas pada kerjasama mereka secara umum dan tidak berfokus pada tahun yang dikehendaki oleh pengkaji iaitu pada awal kerjasama Turki dan Israel serta pada zaman Perdana Menteri Erdogan. Pengkaji merasakan jurnal ini sedikit sebanyak ada memberi maklumat untuk kajian pengkaji.

Namun, ada sebuah jurnal oleh Jay Alan Sekulow yang bertajuk “**Turkey-Israel Relations**”⁴⁶ telah menerangkan mengenai sejarah perkembangan hubungan Turki dan Israel dari awal iaitu dari zaman Ataturk sehingga tahun 2010. Jurnal ini telah memberi

⁴⁵ Dan Arbelle, “The U.S. – Turkey – Israel Triangle”, *Analysis Paper*, no. 34 (Oktober 2014) : 1-54.

⁴⁶ Jay Alan Sekulow, “Turkey-Israel Relations”, *Journal of Oxford Centre for the Study of Law and Public Policy* 1, no. 1 (2015).

maklumat kepada pengkaji dalam kajiannya untuk bab dua ini. Namun begitu, jurnal ini menerangkan hubungan Turki dan Israel secara umum sehingga tahun 2010 sahaja.

1.8.2 Latar Belakang Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki dan Sumbangannya

Mengenai latar belakang Erdogan sebagai Perdana Menteri dan sumbangannya, ia berfokus kepada biografi Erdogan, sejarah keterlibatannya di dalam politik dan sumbangannya sebagai Perdana Menteri Turki. Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji mengenai biografi Erdogan.

Antaranya ialah sebuah buku Turki yang telah diterjemahkan hasil karya oleh Syarif Tagian terjemahan oleh Masturi Ilham dan Malik Supar. Buku yang bertajuk **“Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki”**⁴⁷. Buku ini mempunyai tujuh bab, setiap bab dengan tajuk besar beserta subtopik yang kecil. Penggunaan ayat dalam buku ini terutama dibahagian tajuk bab dan subtopik menggunakan ayat bermadah dan perumpamaan. Dalam buku ini ada membincangkan riwayat hidup Erdogan, cara berpolitik beliau, perubahan yang dilakukan semasa memerintah Turki. Dan di dalam buku ini juga ada sedikit sebanyak menceritakan hubungan Turki dan Israel. Oleh itu, buku ini ada memberi maklumat kepada pengkaji. Namun, perkataan yang digunakan di dalam buku ini yang diterjemah di dalam bahasa melayu sedikit sukar difahami.

Selain itu, sebuah buku karya dari tiga orang penulis iaitu Ahmad Azam Abd Rahman, Najmuddin Mohd Nawi dan Muhammad Suhail Ahmad yang bertajuk **“Erdogan Bukan Pejuang Islam?”**⁴⁸, buku ini ada membahaskan mengenai biografi

⁴⁷Syarif Taghian, *Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, terj. Masturi Ilham dan Malik Supar (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2013).

⁴⁸ Ahmad Azam Abd Rahman et al., *Erdogan bukan Pejuang Islam?*. (Batu Caves : Publishing House, 2017)

Erdogan dan sejarah beliau menyertai politik iaitu dari beliau dilahirkan sehingga beliau memenangi Pilihan Raya Umum Turki dan menjadi Perdana Menteri Turki. Di dalam buku ini juga ada menerangkan serba sedikit sumbangan Erdogan terhadap Turki. Akan tetapi, buku ini menerangkan secara ringkas sahaja mengenai kehidupan Erdogan dan buku ini lebih berfokus kepada peristiwa-peristiwa kudeta di Turki. Namun begitu, buku ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan mengenai biografi Erdogan dan keterlibatan beliau di dalam politik.

Selain itu, sebuah jurnal yang ditulis oleh İrfan Arik dan Cevit Yavuz yang bertajuk „**The Importance Of Leadership In International Relations (Recep Tayyip Erdoğan Sample)**”⁴⁹, di dalam jurnal ini penulis turut membincangkan kepentingan ciri-ciri pemimpin politik yang perlu ada pada setiap pemimpin negara, ciri-ciri ini ada pada Erdogan. Jurnal ini, ada maklumat mengenai sifat-sifat kepimpinan Erdogan semasa beliau menjadi pemimpin parti politik di Turki. Akan tetapi, jurnal ini hanya membincangkan mengenai pemimpin Negara dan terbatas kajiannya.

Di dalam artikel Metin Heper karya beliau yang berjudul “**Islam, Conservatism, and Democracy in Turkey: Comparing Turgut Özal and Recep Tayyip Erdoğan**”⁵⁰ membincangkan mengenai dua orang tokoh pemimpin Turki yang terkenal, mereka telah membawa perubahan di Turki dengan cara berbeza dan matlamat yang sama. Artikel ini, ada menerangkan mengenai kisah Erdogan dalam keterlibatan beliau memasuki parti politik Turki dan pembaharuan yang dilakukan semasa menjadi pemimpin Turki. Hal ini, dapat pengkaji mengambil maklumat mengenai keterlibatan Erdogan dalam parti politik Turki. Namun, artikel ini hanya fokus dan terhad pada sumbangan dan dasar yang dilakukan oleh dua orang tokoh pemimpin Turki ini.

⁴⁹ İrfan Arik dan Cevit Yavuz, “The Importance Of Leadership In International Relations (Recep Tayyip Erdoğan Sample)”, *International Journal of Research in Social Science* 4, no. 9 (Januari, 2015).

⁵⁰ Metin Heper, “Islam, Conservatism, and Democracy in Turkey: Comparing Turgut Özal and Recep Tayyip Erdoğan”, *Insight Turkey* 15, no. 2 (Spring, 2013) : 141-156.

1.8.3 Hubungan Turki dan Israel pada Zaman Erdogan sebagai Perdana Menteri

Kajian mengenai hubungan Turki dan Israel pada zaman Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki boleh dilihat berdasarkan dari pembaharuan dasar luar Turki yang baru ia bermula dengan pengkaji menerangkan dari pembaharuan dasar luar Turki yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan. Daripada pembaharuan dasar luar Turki ini berlakunya dan timbulnya krisis-krisis antara Turki dengan Israel yang mengakibatkan terjadinya perubahan terhadap hubungan Turki dengan Israel.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji mengenai hubungan Turki dengan Israel ini antaranya mengenai pembaharuan yang dilakukan oleh Erdogan semasa menjadi Perdana Menteri Turki, sebuah buku hasil kajian Ahmad Dzakirin yang bertajuk **“Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi Dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum”**⁵¹ ada membincangkan mengenai pembaharuan dasar luar Turki yang dilakukan oleh Erdogan dan kesannya terhadap Negara-negara yang bekerjasama dengan Negara Turki. Tetapi tidak dijelaskan kesan pembaharuan dasar luar Turki ini terhadap Israel. Namun, maklumat ini dapat membantu untuk pengkaji mengetahui mengenai pembaharuan yang dilakukan oleh Perdana Menteri Turki ketika itu.

Disamping itu, di dalam sebuah buku hasil kajian dari Mohammad Redzuan Othman dan Mashitah Sulaiman yang bertajuk **„Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki : Pemerksaan Islam dan Kepimpinan Erdogan”**⁵² ada membincangkan mengenai pembaharuan yang dilakukan oleh Perdana Menteri Erdogan dalam membentuk dasar luar Turki yang baru. Buku ini juga ada menengahkan mengenai

⁵¹ Ahmad Dzakirin, *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi Dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*. (Kuala Lumpur : Alam Maya Enterprise Sdn Bhd, 2012).

⁵² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerksaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015).

sekularisme yang dilakukan oleh Kemal Ataturk dan juga menerangkan biografi Erdogan.

Mengenai krisis-krisis antara Turki dan Israel selepas berlakunya pembaharuan dasar luar Turki, antara beberapa kajian lepas yang didapati oleh pengkaji ialah sebuah artikel oleh Ni Luh Desriana Utami yang bertajuk “**Dampak Peristiwa Mavi Marmara terhadap Hubungan Diplomatik Turki Israel**”⁵³ yang membincangkan mengenai peristiwa kapal Mavi Marmara yang dikepung oleh tentera Israel semasa ingin menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza. Telah memberi kesan negatif terhadap hubungan Turki dan Israel. Maka, artikel ini mempunyai kaitan dengan bab keempat pengkaji dalam kajian mengenai isu peristiwa Mavi Marmara. Namun, artikel ini tidak menyeluruh maklumatnya mengenai isu ini.

Seterusnya, kajian lepas yang lain yang dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji ialah yang bertajuk ‘**Israeli – Turkish Tensions And Their International Ramifications**’⁵⁴ ditulis oleh Efraim Inbar dan merupakan sebuah *artikel* mengenai ketegangan antara Turki dengan Israel dan kesannya. Artikel ini juga, ada menerangkan mengenai kerjasama Israel dan Turki dalam strategi mereka di mana akan diketahui apa yang mereka lakukan terutama dalam aspek politik, pemerintahan dan perluasan kuasa. Artikel ini juga, ada mengkaji mengenai dasar luar baru yang dibuat hasil kerjasama mereka malah, artikel ini ada menyebutkan mengenai kerumitan antarabangsa dengan campur tangan Amerika Syarikat yang mana Israel sememangnya sekutu dengan Amerika Syarikat dan sedikit sebanyak artikel ini membantu kajian pengkaji yang akan dibuat nanti.

⁵³ Ni Luh Desriana Utami, “Dampak Peristiwa Mavi Marmara Terhadap Hubungan Diplomatik Turki Israel”, *Artikel Ilmiah Hasil Penilaian Mahasiswa* 1, no. 1 (2012) : 1-5.

⁵⁴ Efraim Inbar, “Israeli – Turkish Tensions and Their International Ramifications”, *Orbis*, (Winter 2011) : 132-146.

Akhir sekali, ada sebuah *jurnal* yang dikaji oleh Amalia Putri Handayani yang berjudul „**Kebijakan Turki memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010**”⁵⁵ yang menerangkan mengenai hubungan Turki dan Israel selepas pembaharuan dasar luar Turki iaitu di dalam kajian tersebut, penulis membincangkan mengenai kerajaan Turki telah memutuskan hubungan ketenteraan dengan Israel yang mana pihak Turki telah memberhentikan supply senjata kepada Israel. Selain itu, pembatalan latihan ketenteraan dan memberhentikan pertukaran informasi intelijen. Akhir sekali, larangan penerbangan terhadap tentera Israel. Melalui kajian ini, pengkaji dapat maklumat untuk kajian pengkaji. Namun, jurnal ini lebih membincangkan kesan negatif hubungan Israel dan Turki yang mana hubungan ketenteraan diputuskan pada tahun 2010 dan ia terbatas pada ketenteraan sahaja dan tidak menyeluruh aspek yang lain dalam hubungan Israel dan Turki.

Semua data-data yang diperoleh dari kajian yang lepas telah dianalisis dan diteliti perbahasannya dengan baik serta diperolehinya dengan sumber yang tepat.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada maklumat dan bentuk-bentuk kaedah serta data penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan jenis data kualitatif. Bagi pengumpulan data dan penganalisan data pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk memastikan maklumat yang diperolehi dari sumber yang tepat.

⁵⁵ Amalia Putri Handayani, “Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010”, *Jurnal Transnasional* 3, no.2, (Februari 2012) : 1-20.

1.9.1 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah menggunakan kajian sejarah dalam menjalankan kajian ini. Kajian sejarah merupakan reka bentuk kajian yang menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku dan dikaji semula untuk mengetahui sesuatu konflik. Pengkaji mengumpulkan maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk kajian yang merangkumi sejarah hubungan Turki dan Israel, sejarah kejatuhan Khalifah Turki Islamiyyah, penubuhan republik Turki dan biografi Erdogan adalah melalui metode kajian sejarah ini. Daripada data-data dan maklumat yang berkaitan dengan topik dan bab kajian pengkaji, penilaian terhadap semua peristiwa-peristiwa yang lepas telah difahami oleh pengkaji bagi menghasilkan suatu kajian yang kukuh terutama bagi bab dua dan bab tiga pengkaji.

1.9.2 Pengumpulan Data

Pengkaji telah menggunakan data berdasarkan bentuk data kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Segala maklumat data yang dikumpul oleh pengkaji untuk menjadikan kajiannya lebih sempurna.

Pengkaji menggunakan data perpustakaan bagi mendapatkan bahan rujukan serta maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Melalui metode ini, pengkaji telah perolehi maklumat dari

buku, jurnal, makalah, tesis, disertasi, dokumen dan sebagainya. Semua bahan ini dikumpul untuk dijadikan rujukan bagi kajian pengkaji. Disamping itu, terdapat juga data-data yang diambil dari laman sesawang dan sumber media sosial yang berautoriti. Data-data yang diperolehi ini adalah terdiri daripada peta-peta dan gambar-gambar yang berkaitan dengan kajian.

Berdasarkan kajian pengkaji mengenai **„Hubungan Turki Dan Israel Pada Zaman Pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014)“**. Penulis mendapatkan maklumat yang utama dari data perpustakaan ini. Dapatan bagi semua maklumat ini pengkaji telah mengunjungi dan mendapatkan khidmat pinjaman dari pustakawan di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Antara perpustakaan yang menjadi tumpuan utama pengkaji dalam mendapatkan maklumat dan data ialah Perpustakaan Utama, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Zaaba di Universiti Malaya. Selain itu, banyak juga data pengkaji diperolehi dari khidmat pinjaman *interlibrary* iaitu daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga daripada *British Library*. Sumber data yang diambil oleh pengkaji adalah meliputi pengumpulan data yang didapati oleh pengkaji. Pengkaji mendapat sumber data lebih kepada buku, jurnal, dokumen, gambar, peta dan sebagainya serta berautoriti. Ia juga termasuk sumber historis.

1.9.3 Metode Analisis Data

Metode analisis yang digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis maklumat data yang didapati adalah metode analisis komparatif dan analisis kritikal.

Kaedah analisis komparatif merupakan kaedah utama digunakan dalam proses menganalisis data. Berdasarkan kaedah ini, maklumat yang didapati akan dibaca dan difahami serta dibandingkan dengan maklumat-maklumat lain yang ada iaitu cara ini menentukan fakta yang sahih atau lebih sahih, membandingkan teori untuk menentukan teori yang paling sesuai, membandingkan pendapat untuk mencari pendapat yang paling berasas dan membandingkan kaedah untuk mencari kaedah yang tepat⁵⁶.

Selain itu, kaedah analisis kritikal pula digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat berdasarkan satu data, fakta dan pendapat yang berautoriti untuk mendapat jawapan dan kesimpulan yang jelas dalam penelitian kajian pengkaji.

1.10 Sistematika Penulisan

Sistematika penulisan merupakan salah satu aspek yang penting bagi pengkaji menyusun kajian ini secara teratur dan lebih sistematik. Ia menerangkan cara pengkaji mengembangkan kajian dan maklumat yang didapati di dalam setiap bab. Pengkaji telah membahagikan kajian ini dengan tersusun di dalam lima bab. Bab tersebut ialah :

⁵⁶ Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir, 2009), 102.

BAB PERTAMA

Bab pertama merupakan bab pendahuluan memberi keterangan terhadap kajian yang dilakukan, antara yang dimuatkan di dalam bab ini adalah latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi tajuk, skop dan batasan kajian, kepeningan kajian, sorotan literature dan metodologi kajian.

BAB KEDUA

Bab kedua pula, penulis akan menerangkan mengenai sejarah awal perkembangan hubungan Turki dan Israel bermula dengan pendahuluan, kejatuhan Turki Uthmaniyah, penubuhan Republik Turki, sejarah kewujudan negara Israel, kerjasama Turki dengan Israel pada peringkat awal dan kesimpulan.

BAB KETIGA

Bab ketiga pula, penulis akan menjelaskan mengenai biografi Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan dan sumbangannya sebagai Perdana Menteri Turki. Kajian pengkaji diawali dengan pendahuluan, biografi Recep Tayyip Erdogan, sejarah penglibatan Recep Tayyip Erdogan dalam politik Turki, sumbangan dan jasa Recep Tayyip Erdogan kepada Turki dan kesimpulan.

BAB KEEMPAT

Bab empat pula, pengkaji telah membuat analisis terhadap kajiannya berdasarkan maklumat yang didapati melalui rujukan-rujukan dan sumber-sumber. Bab ini mengenai hubungan Turki dan Israel pada zaman pemerintahan Perdana Menteri Erdogan (2003-2014) bermula dengan pendahuluan, Recep Tayyip Erdogan sebagai Perdana Menteri

Turki dan pembaharuan yang dilakukan terhadap dasar luar Turki, krisis-krisis antara Turki dan Israel semasa Recep Tayyip Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki pada tahun 2003-2014, pembaharuan dasar luar Turki dengan Israel ketika Recep Tayyip Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki dari 2003-2014, implikasi hubungan Turki dan Israel pada masa depan dan kesimpulan.

BAB KELIMA

Bab kelima pula adalah bab yang terakhir di dalam kajian pengkaji yang mana, bab ini akan menjelaskan kesimpulan pengkaji yang merangkumi kesimpulan kajian pengkaji yang bermula dengan kesimpulan bab dua, bab tiga serta bab 4, pengkaji juga akan memberi cadangan terhadap kajian pengkaji ini dan implikasi kajian ini serta akhir sekali merupakan penutup.

BAB 2: SEJARAH AWAL PERKEMBANGAN HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL

2.1 Pengenalan

Wilayah Uthmaniyyah pada mulanya dikenali sebagai Beylik di dalam Kerajaan Turki Seljuk pada kurun ke-13. Pada tahun 1299, Uthman telah mengisytiharkan kemerdekaan dan membuka wilayah Uthmaniyyah serta mengasaskan Kerajaan Turki Uthmaniyyah selepas kejatuhan Kerajaan Seljuk¹. Uthman merupakan satu-satunya pewaris keturunan kerajaan Seljuk. Oleh yang demikian, rakyat yang berada dalam daulah ini dipanggil „al-Uthmaniyyin“. Turki Uthmaniyyah terus berkembang dan kukuh hasil dari pemerintahan khalifah-khalifahnya bermula tahun 1481 hingga abad ke-16. Namun, seperti tamadun atau pemerintahan kerajaan yang lain, Kerajaan Uthmaniyyah juga mengalami kemerosotan dan kemunduran.

Kaitan mengenai hubungan kerjasama Turki dan Israel pula sudah lama terjalin berdasarkan pendapat Syarif Taghian². Hubungan Turki dan Israel boleh dilihat dan dianalisis dari ratusan tahun yang lalu yang mana ia bermula dari keluarga Yahudi yang melarikan diri dari Andalusia setelah kerajaan tersebut runtuh pada tahun 1492. Kerajaan Uthmani sangat menghormati mereka hingga memberikan beberapa ekar tanah untuk mereka tinggal dan hidup di bawah perlindungan khalifah Uthmaniah pada waktu itu. Namun, hubungan kerjasama mereka lebih rasmi adalah bermula dengan pengakuan Turki ke atas kewujudan Negara Israel pada tahun 1949.

¹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerikasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 2015), 5.

² Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*. (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd. 2013), 438.

Oleh yang demikian, bab ini pengkaji akan menerangkan mengenai kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyah, penubuhan Republik Turki oleh Kemal Ataturk, kewujudan negara Israel, kerjasama Turki dengan Israel pada peringkat awal dari tahun 1949-2002 dan kesimpulan terhadap bab ini.

2.2 Kejatuhan Daulah Islam Turki Uthmaniyah

Kemerosotan Khilafah Turki Uthmaniyah telah bermula dari kewafatan Sultan Sulaiman al-Qanuni lagi. Setelah beliau meninggal³, telah banyak berlaku kekacauan dan huru-hara. Pentadbiran Khilafah Turki Uthmaniyah selepas kemangkatan Sultan Sulaiman pada tahun 1566⁴, telah menunjukkan kemunduran pemerintahan daulah ini.

Tambahan pula, bangsa Eropah pada zaman tersebut telah bangkit dalam bidang teknologi Maritim dan penemuan alternatif ke Asia dari Eropah. Ini telah menyebabkan Khilafah Turki Uthmaniyah tergugat⁵.

Selain itu, tujuh belas orang pemerintah Turki Uthmaniyah selepas Sultan Suleiman dari tahun 1566 sehingga tahun 1789⁶ merupakan pemerintah yang kurang berwibawa. Ini kerana, kebanyakan pemerintah yang memerintah menaiki takhta ketika usia yang muda dan tidak mempunyai pengalaman mentadbir. Di samping itu, berlaku perubahan proses dalam memilih sultan yang menaiki takhta termasuk juga proses pendidikan. Bagi proses pendidikan, mereka tidak diberikan latihan dan pendedahan di dalam selok-belok pentadbiran malah, mereka mendapat pendidikan yang terhad dan mereka ditempatkan tempat rahsia yang dipanggil harem⁷. Pergolakan di dalam

³ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 18.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid., 19

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

keluarga diraja juga berlaku untuk bersaing menjadi sultan dan sanggup melakukan pembunuhan bagi kenaikan takhta.

Di sini, dapat dikategorikan empat faktor yang menyebabkan kemunduran selepas Empayar Daulah Khilafah Turki Uthmaniyah Sultan Suleiman al-Qanuni⁸ iaitu pertamanya, selepas tempoh zaman pemerintahan Khilafah Suleiman al-Qanuni ada dua kekuasaan yang telah melemahkan kekuatan Empayar Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah iaitu, kekuasaan dunia Islam dan kekuasaan luar dari dunia Islam. Kekuasaan dunia Islam itu ialah daripada Dinasti Safawi di Persia manakala, kekuasaan dari luar pula ialah Austria dan beberapa kerajaan sempadan dengan Turki yang berada di wilayah Eropah. Mereka telah merebut dan menguasai wilayah kekuasaan Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah. Disebabkan perkara tersebut, Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah telah menghadapi peperangan untuk mengelakkan wilayahnya ditakluk. Perluasan Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah untuk ke Eropah juga semakin merosot akibat dari pemerintahnya memilih untuk mempertahankan empayarnya dan para tentera mereka tidak lagi berperang serta bertahan dari dalam.

Faktor keduanya pula, telah muncul dan tertubuhnya era Renaisans (Renaissance) di Eropah yang telah melahirkan amalan kolonialisme yang mana ia telah menduduki wilayah-wilayah kekuasaan Empayar Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah. Pada mulanya, Eropah telah menggunakan wilayah tersebut sebagai tempat untuk perdagangan bagi bahan revolusi perindustrian mereka. Setelah itu, lama-kelamaan mereka mula bekerjasama dengan mengenalkan budaya mereka dan telah mencampur tangan di dalam pemerintahan tempatan di wilayah tersebut.

Faktor yang ketiga pula, keupayaan para Sultan selepas Suleiman al-Qanuni untuk memimpin Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah semakin lemah. Mereka telah kurang terlibat di dalam mentadbir kerajaan dan menyebabkan urusan pemerintahan

⁸ Ahamd Junaidi, "Kebijakan Politik Recep Tayyip Erdogan dan Islamisme Turki Kontemporer," *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia* 6.1 (2016), 161.

ditadbir oleh Wazir iaitu Perdana Menteri di dalam Empayar Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah. Akibat daripada kelemahan Sultan untuk mentadbir kerajaan telah berlaku konflik dalaman antara putera diraja dan perebutan kuasa untuk menjadi dan memegang jawatan sebagai Sultan. Paling ketara rampasan kuasa ini berlaku antara empat putera Sultan Ahmad I iaitu di antara Mustafa I, Uthman II, Murad IV dan Ibrahim I. Perebutan kuasa ini juga, direbut oleh kesultanan perempuan iaitu Sultanah Turkan.

Terakhir sekali faktor yang keempat, meningkatnya populasi masyarakat yang mengamalkan pelbagai amalan budaya dan agama antara kelompok dan etnik-etnik yang berbeza ia juga dikenali „Heterogen“. Terutama perbezaan agama antara Muslim dengan Kristian. Ia termasuk konflik antara Muslim Turki dengan Muslim Arab dan antara Kristian Ortodoks dengan Kristian Katolik. Bagi menyelesaikan perkara ini, telah ditubuhkan satu sistem Millet yang boleh membenarkan kebebasan kepada kumpulan atau kaum yang minoriti untuk menguruskan komuniti mereka. Akan tetapi, kaum tersebut telah mengambil peluang dalam sistem Millet untuk membentuk satu organisasi pemberontakan. Dan ia telah mengakibatkan berlakunya peperangan kecil hingga membuatkan campur tangan daripada pihak luar. Ia juga telah mengheret kerajaan Khilafah Daulah Turki Uthmaniyah ke kancah peperangan.

Selain itu, pada tahun 1699 sebuah perjanjian yang ditandatangani boleh dianggap sebagai bermulanya era kelemahan penaklukan Daulah Islam Turki Uthmaniyah jika diukur dari aspek kehilangan wilayah kekuasaan dan penaklukan, yang mana berlakunya satu demi satu wilayah naungannya jatuh ke tangan Barat iaitu wilayah Padolia kepada Poland, Azov kepada Rusia, Hungary kepada Austria dan Morea kepada Venice. Perjanjian tersebut merupakan perjanjian Carlowitz⁹.

Di samping itu, kelemahan Khilafah Islam Turki Uthmaniyah juga boleh dibahagikan kepada dua tahap pertamanya, tempoh perpindahan kuasa pusat kepada

⁹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 19.

kuasa negeri atau dipanggil „desentralisasi“. Ia bermula dari pemerintahan Sultan Selim II (1566-1574) hingga tahun 1683. Keduanya, tempoh pergolakan dalaman hingga abad ke-18 iaitu berlakunya masalah dalam negara dan Daulah Turki Uthmaniyah telah kehilangan wilayah-wilayah yang sangat penting¹⁰.

Kelemahan Turki Uthmaniyah jelas ketara semasa pemerintahan Sultan Ahmed III (1703-1730). Ketika itu, telah berlaku pemberontakan yang dicituskan oleh tentera Janissari sebanyak lima kali di Istanbul¹¹. Kemudiannya, pada pemerintahan Sultan Selim III dari tahun 1789-1807 beliau telah merancang untuk membentuk sebuah pasukan tentera yang baru dikenali Nizam-i-Cedid¹². Tujuannya adalah untuk mempertingkatkan kekuatan dalam bidang ketenteraan tetapi usahanya telah ditentang oleh tentera Janissari yang mana, tentera Janissari tersebut telah memberontak dan memecat serta kemudiannya mereka telah membunuh Sultan Selim III.

Ketika pemerintahan Sultan Mahmud II dari tahun 1808 hingga 1839 pula, telah melakukan pembaharuan dengan memodenkan bidang ketenteraan Turki Uthmaniyah dan menghapuskan tentera Janissari¹³. Berdasarkan pembaharuan ini, sekolah ketenteraan yang ditubuhkan oleh Sultan Selim II di Istanbul telah dipertingkatkan dan pegawai tentera diberikan latihan mengikut sistem dari Eropah.

Tambahan pula, sekitar tahun 1839-1876¹⁴, kerajaan Turki Uthmaniyah pada ketika itu telah memperkenalkan dasar tanzimat untuk melakukan penyusunan dan pembaharuan dalam pemerintahan Turki Uthmaniyah. Proses dasar ini berlaku ketika pemerintahan Sultan Abdul Majid I dari tahun 1839-1861¹⁵. Tujuan utama tanzimat ini adalah untuk menangani kejatuhan empayar Turki Islam Uthmaniyah yang semakin merosot akibat kebangkitan Eropah. Dasar tanzimat ini juga merupakan satu proses

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid., 20.

¹⁴ Mohd Roslan Mohd Nor, “Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah”, dalam Baldatun Tayyibah: Model Uthmaniyah, 11.

¹⁵ Ibid.

pemodenan di Turki. Namun, dasar tanzimat ini tidak berjaya untuk mencapai matlamat yang mereka harapkan.

Di sini dapat dilihat, pemodenan Daulah Islam Turki Uthmaniyah bermula dengan memodenkan angkatan tentera mereka pada abad ke-19. Maka, institusi pertama yang menghantar pegawai kanan untuk menjalani latihan di Negara-negara Barat dan mengupah pakar asing¹⁶ merupakan pemerintahan Daulah Islam Turki Uthmaniyah. Dari kaedah ini, pasukan tentera laut dan pasukan tentera darat yang moden telah dibentuk dan juga menggunakan teknologi dan senjata yang baru seperti senapang dari Britain dan Jerman.

Walau bagaimanapun, Daulah Islam Turki Uthmaniyah masih tidak dapat menandingi kuasa-kuasa Barat meskipun, mereka telah berjaya memodenkan angkatan tenteranya¹⁷. Angkatan tentera Daulah Islam Turki Uthmaniyah ini termasuk angkatan tentera berkuda yang mana, tentera berkuda ini merupakan unit yang utama dalam tentera Turki Islam Uthmaniyah. Semasa melakukan latihan taktik peperangan, angkatan berkuda Uthmaniyah ini menggunakan pedang pendek dan panah seperti yang diamalkan oleh tentera Mongol. Selain itu, pegawai peribadi sultan pula merupakan tentera Janissari dan juga dikenali unit tentera elit Daulah Islam Turki Uthmaniyah. Tentera Turki Islam Uthmaniyah juga yang pernah menjadi tentera yang terkuat dan termoden di dunia dan telah menjadikannya kerajaan pertama yang menggunakan tentera bersenapang atau dikenali dalam Bahasa Inggerisnya muskets¹⁸.

Selain itu, pada pertengahan abad ke-19 kelemahan pemerintahan Daulah Islam Turki Uthmaniyah berterusan akibat daripada tentera kerajaan tersebut sentiasa mengalami kekalahan dalam mempertahankan wilayah kekuasaan mereka daripada

¹⁶ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 20.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid., 20.

dijajah Barat¹⁹. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II (1876-1909) yang menggantikan pemerintahan kekandanya iaitu Murad V yang memerintah dari Mei hingga Ogos pada tahun 1876 sahaja disebabkan pemerintahannya digulingkan. Beliau terpaksa menghadapi peperangan dengan Rusia dan perlu mengatasi kebangkitan Serbia dan Bulgaria di Balkan. Pada tahun 1880, Sultan Abdul Hamid II telah mengemukakan gagasan Pan-Islamisme sebagai usaha mengatasi kuasa Barat malah, pada waktu yang sama beliau terpaksa menyelesaikan krisis dalaman pula apabila bangsa Greek, Armenia dan Bulgaria menggesa untuk mendapatkan kuasa autonomi²⁰.

Setelah itu, Sultan Abdul Hamid II telah digulingkan oleh Gerakan Turki Muda pada 27 April 1909 dan digantikan oleh adindanya iaitu Muhammad Reshad V dari tahun 1909-1918. Hal ini berlaku, setelah Perhimpunan Agung Kebangsaan telah mengisytiharkan penggulingan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Ketika keputusan itu berlaku, Perhimpunan Agung Kebangsaan telah dipengerusikan oleh Said Pasha di Aya Sofya.

Pengeluaran fatwa penggulingan sultan dari takhta kerajaan berlaku kerana mereka mendakwa institusi sultan ini telah mencetuskan pemberontakan yang telah menyebabkan ramai orang dan rakyat terbunuh. Maka, Sultan Abdul Hamid II dan keluarganya telah dihantar ke Salonika dan Sultan Muhammad Reshad V telah menggantikan kekandanya Sultan Abdul Hamid II. Semasa pemerintahan Sultan Muhammad Reshad V ini pula dikatakan hanya sebagai boneka dan tidak berperanan dalam pemerintahan Turki.

Pemerintahan Turki yang sebenarnya telah dipegang oleh Pemimpin Tiga Serangkai iaitu Enver Pasha, Jemal Pasha dan Tal'at Pasha²¹. Mereka kemudiannya telah mengheret Turki Uthmaniyah ke kancah Perang Dunia Pertama dengan

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ibid.

²¹ Mohammad Redzuan Othman., 21

menyokong dan menyertai Jerman. Maka, pada awal abad ke-20 Turki Uthmaniyah telah mengalami kekalahan dalam Perang Dunia Pertama.

Britain dari Kuasa Bersekutu telah dapat menguasai Istanbul dan bandar-bandar yang lain. Oleh yang demikian, penentangan telah dilakukan oleh Mustafa Kemal di Cicilia dan Tal'at Pasha di Thrace. Keterlibatan Kemal dalam pergerakan kebangsaan bagi menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyah telah mendapat sokongan dari masyarakat Islam di Anatolia.

Berdasarkan strategi Mustafa Kemal tersebut, kemudiannya telah menubuhkan Republik Turki moden yang sekular²². Mustafa Kemal Ataturk juga telah komited di dalam usaha untuk melakukan pembaratan terhadap Daulah Islam Turki Uthmaniyah. Oleh itu, perubahan yang dilakukan oleh Mustafa Kemal Ataturk ini adalah hanya ingin berkiblatkan kepada Barat dengan menggunakan sistem yang akan memisahkan daripada agama dengan politik atau dikenali dengan sekularisme.

Dapat dirumuskan di sini, Daulah Khalifah Islam Turki Uthmaniyah musnah disebabkan oleh tujuh faktor iaitu yang pertamanya, para sultan-sultan Daulah Turki Uthmaniyah selepas zaman pemeritahan Sultan Sulaiman tidak termasuk Sultan Murad IV, Sultan Mustafa III dan Sultan Abdul Hamid II mempunyai kelemahan di dalam mentadbir dan mengurus kerajaan Turki Uthmaniyah. Yang keduanya pula, agenda utama Daulah Islam Turki Uthmaniyah iaitu jihad qital iaitu perang semakin dipinggirkan dan diabaikan dan telah menyebabkan musuh Islam semakin bertambah kuat dan mereka telah berjaya mengalahkan Daulah Islam Turki Uthmaniyah.


Yang ketiga, punca yang menyebabkan Daulah Turki Uthmaniyah jatuh adalah sumber tenaga dan sumber material Khilafah Islam Uthmaniyah semakin berkurangan yang mana, Daulah Islam Turki Uthmaniyah ini telah terlibat dengan peperangan yang jangka masanya terlalu panjang. Punca yang keempat pula, kerajaan Daulah Islam Turki

²² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 22.

Uthmaniyah mengalami kerugian disebabkan oleh penjelajahan laluan laut dan penemuan benua Amerika yang telah menyumbang kekayaan yang baru kepada Negara-negara Eropah pada abad ke-15. Punca seterusnya yang kelima, telah wujudnya revolusi perindustrian di Eropah yang telah mengukuhkan kewangan di Negara-negara Eropah serta mereka mempunyai teknologi khususnya dalam bidang pertahanan dan persenjataan. Yang keenam pula, di istana telah berlakunya campur tangan daripada wanita-wanita istana untuk memastikan anak-anak mereka supaya dapat menjadi Sultan Turki Uthmaniyah. Terakhir sekali yang ketujuh, berlakunya gaya hidup yang mewah dalam kalangan para pembesar istana dan pemerintah Daulah Turki Uthmaniyah yang telah menyebabkan terjerumusnya Negara ke dalam kebangkrapan²³.

²³ Ahmad Azam Ab Rahman & Najmuddin Mohd Nawi, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* (Batu Caves: Publishing House Sdn. Bhd., 2016), 25.

Carta 2.0 : Kronologi Kemerosotan Daulah Turki Uthmaniyah pada abad ke-19 dan pada awal abad ke-20



2.3 Penubuhan Republik Turki

Selepas kejatuhan ke atas Khilafah Islam Turki Uthmaniyah, Turki telah mengalami perubahan pemerintahan yang baru. Pemerintahan Turki yang baru ini telah membuatkan pemerintahan yang berasaskan khalifah Islam menjadi sebuah negara sekular. Turki juga telah menjadi sebuah negara bangsa moden dan disifatkan sebagai revolusi terbesar di dalam sejarah negara itu dan dunia Islam secara keseluruhannya. Ia juga, telah memberi kesan terhadap peradaban Islam di seluruh dunia.

Perubahan Khalifah Islam Turki Uthmaniyah kepada pemerintahan moden atau dikenali sekular ini diasaskan dan diperkenalkan oleh Kemal Ataturk atau dikenali al-Ghazi yang bermaksud orang yang memerangi. Kemal Ataturk ini juga dikatakan sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas musnahnya Kerajaan Khalifah Islam Turki Uthmaniyah pada tahun 1924²⁴.

2.3.1 Biografi Kemal Ataturk

Sebelum pengkaji membahas lebih lanjut mengenai pemerintahan Republik Turki atau dikenali sekular. Pengkaji akan menerangkan serba sedikit mengenai latar belakang pengasas pemerintahan republik ini dan beliau dikenali sebagai bapa pemodenan Turki iaitu Mustafa Kemal Ataturk.

Kemal Ataturk dilahirkan pada tahun 1881 di Salonika. Nama asal beliau ialah Mustafa dan nama keduanya ialah „Kemal“ yang bermaksud sempurna. Guru sekolahnya yang juga bernama Mustafa telah memberikan nama „Kemal“ kepada beliau. Nama „Kemal“ yang diberikan oleh gurunya itu semasa Ataturk

²⁴ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 29.

bersekolah di sekolah menengah tentera dan ketika itu, gurunya telah tertarik dengan kebolehan dan kepandaian Kemal Ataturk di dalam bidang matematik dan telah mencadangkan kepadanya nama Mustafa Kemal.

Bapanya bernama Ali Riza Afendi dan ibunya Zubayde Hanim. Bapa Kemal dipercayai seorang yang berketurunan Albania dan bapanya bekerja sebagai seorang kerani di Jabatan Kastam dan juga Yayasan Agama di Salonika. Bapa Kemal Ataturk juga, pernah bertugas di dalam tentera Daulah Uthmaniyah sebagai seorang Leftenan pada tahun 1876 di Batalion Sempadan Salonika. Setelah itu, bapa Kemal Ataturk telah menjadi peniaga kayu-kayan selepas bapanya meletakkan jawatan daripada perkhidmatan awam. Kemal Ataturk telah dibesarkan oleh ibunya disebabkan bapanya telah meninggal sejak Kemal Ataturk masih kecil lagi²⁵. Ibunya pula, Zubeyde Hanim merupakan seorang yang taat kepada agama dan ibu Kemal Ataturk ini merupakan seorang wanita Islam yang berbangsa Turki.

Pendidikan awal Mustafa Kemal adalah pada peringkat rendah di Sekolah Fatima Mollah Kadin tapi hanya sementara sahaja dan Ataturk telah memasuki Sekolah Semsî Efendi di Salonika atas dorongan bapanya. Menurut penulisan Pauline Lim Meng Juak di dalam bukunya²⁶, Kemal ingin dihantar ibunya untuk belajar di sekolah agama dengan harapan suatu hari nanti Kemal akan menjadi seorang guru agama. Akan tetapi, ayahnya pula ingin Kemal belajar lebih kepada pendidikan moden dan sekular. Oleh yang demikian, pendidikan awalnya adalah di sekolah agama kemudiannya dipindahkan ke sekolah pendidikan moden. Pada tahun 1885, Mustafa Kemal telah memasuki Sekolah Tinggi Tentera Manastir dan seterusnya telah memasuki Akademi

²⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 29.

²⁶ Pauline Lim Meng Juak. *Kemal Ataturk and The Building of A Modern Turkish Civilization*. Kuala Lumpur : University Malaya Press, 2004, 19.

Tentera pada tahun 1889. Selepas itu, Mustafa Kemal telah memasuki Kolej Tentera Uthmaniyah di Istanbul selama 3 tahun.

Menurut Mohammad Redzuan dan Mashitah Sulaiman di dalam buku mereka menjelaskan²⁷, Mustafa Kemal telah menamatkan pengajiannya pada usia 24 tahun di Akademi Tentera dengan pangkat kapten pada 11 Januari tahun 1905 dan telah ditugaskan di Kem Tentera Batalion Ketiga di Salonika. Menurut mereka berdua lagi di dalam buku tersebut, dari sinilah bermulanya Kemal untuk memusuhi Khalifah Turki Uthmaniyah dan berusaha menjatuhkan pemerintahan tersebut²⁸. Berdasarkan dari minatnya terhadap gerakan reformasi yang makin rancak berlaku di Eropah dan sebagai graduan dari kolej tentera, Kemal Ataturk telah memberi peringatan kepada rakan-rakan tenteranya supaya tidak tertipu dengan pemikiran dunia Islam. Akibatnya, Kemal Ataturk telah ditahan oleh pemerintah Daulah Turki Uthmaniyah pada waktu itu iaitu Sultan Abdul Hamid II. Kemal Ataturk telah ditahan selama beberapa bulan dan telah dihantar ke Damsyik, Syria.

Mengenai perkahwinan Kemal Ataturk pula, beliau pernah berkahwin dengan seorang wanita yang bernama Latief Hanim pada 29 Januari 1923²⁹ namun, perkahwinannya hanya bertahan selama dua tahun disebabkan isterinya tidak tahan dengan perangai peribadi Kemal Ataturk. Malah, mereka tidak dikurniakan cahaya mata. Oleh yang demikian, Kemal Ataturk telah mengambil anak angkat seramai tujuh orang iaitu Fikriye, Ülkü, Afet İnan, Nebile, Zehra, Sabiha Gökçen telah menjadi juruterbang wanita pertama di dunia, Rukiye dan

²⁷ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 30.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid., 44.

seorang anak lelaki Mustafa. Kemal Ataturk juga telah mengambil dua orang anak angkat lelaki iaitu Abdurrahim dan İhsan³⁰.

Selepas Kemal Ataturk ditahan, pada tahun 1906 tanggal bulan Oktober Kemal Ataturk bersama rakan-rakannya telah mengasaskan sebuah persatuan yang dikenali „Vatan ve Hureyat“ bermaksud „Tanah Air dan Kebebasan“. Persatuan ini telah menggerakkan aktiviti revolusi di Syria³¹. Gerakan ini ditubuhkan semasa Kemal ditahan selama beberapa bulan di Damsyik, Syria akibat dari kegiatan reformasinya untuk menggulingkan kekhalifahan Turki Uthmaniyah³².

Kemudiannya, pada tahun 1909 Kemal Ataturk telah menyertai sebuah badan pertubuhan politik dan bergabung dengan Jawatankuasa Kesatuan dan Pembangunan (Committee for Union and Progress (CUP) atau dinamai Ittihal Ve Terakki Cemiyeti). Tujuan utama pertubuhan ini adalah untuk menyingkirkan Daulah Uthmaniyah yang menurut mereka pemerintahan Daulah Islam Turki Uthmaniyah telah mengamalkan sistem pemerintah autokratik, rasuah dan pentadbiran yang tidak cekap³³. Jawatankuasa Kesatuan dan Pembangunan (Committee for Union and Progress (CUP) atau Ittihal Ve Terakki Cemiyeti) ini ditubuhkan oleh golongan “Turki Muda” dan dianggotai oleh golongan tentera. Jawatankuasa Kesatuan dan Pembangunan (Committee for Union and Progress (CUP) ini, telah mendesak sultan pemerintah Daulah Turki Uthmaniyah supaya mengembalikan perlembagaan 1908 dan kemudiannya ingin merampas kuasa sultan.

³⁰ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 44.

³¹ Ibid., 31.

³² Ibid.

³³ Ibid.

Kemal Ataturk tidak menyenangi dengan beberapa polisi di dalam Jawatankuasa Kesatuan dan Pembangunan (Committee for Union and Progress (CUP) ini dan Kemal juga selalu mengkritik kepimpinan pertubuhan tersebut. Akibatnya, Kemal Ataturk merasakan politik akan membahayakan pasukan tentera dan Kemal mengambil keputusan untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada kemampuan ketenteraannya.

Di dalam ketenteraan pula, penampilan Kemal Ataturk semakin menonjol dari pangkat Leftenan kepada Kapten dan seterusnya naik pangkat Jeneral³⁴. Beliau juga, pernah mendapat gelaran „Gazi“ dan dianggap sebagai wira bangsa Turki kerana telah menyertai beberapa peperangan antaranya ialah perang Balkan dan perang Gallipoli. Menurut Abu Hanifah dan Mohd Redzuan di dalam jurnal mereka³⁵, semasa Turki menyertai Perang Dunia Pertama, Kemal Ataturk ditugaskan untuk memimpin tentera Turki dalam perang Gallipoli walaupun Turki mengalami kekalahan namun tetap berjaya mengelakkan British memasuki Istanbul. Keberanian dan strategi yang dilakukan oleh Kemal Ataturk ini telah mengangkatnya sebagai hero dalam peperangan tersebut³⁶. Kemal Ataturk juga digelar „The Saviour of Gallipoli“ di dalam akhbar Turki disebabkan kemenangan tersebut³⁷.

2.3.2 Penubuhan Republik Turki

Semasa Perang Dunia Pertama 1914-1918, kerajaan Turki Uthmaniyah telah menyertai peperangan tersebut yang mana, pada Ogos 1914 pemerintahan Daulah Turki Uthmaniyah telah menandatangani perjanjian dengan Pakatan

³⁴ Ibid., 31.

³⁵ Abu Hanifah dan Mohammad Redzuan Othman, „Kemal Ataturk Dan Pembaharuan Di Turki : Polemik Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an Dan 1930-an“, *Jurnal Sejarah* (2011): 107.

³⁶ Ibid.

³⁷ Ibid.

Pusat dan menyebabkan pemerintahan Daulah Turki Uthmaniyah yang berpusat di Istanbul semakin merosot.

Hal ini berlaku akibat dari pengaruh Enver Pasha dan penguasaan tentera di dalam Jawatankuasa Kesatuan dan Pembangunan (Committee for Union and Progress (CUP) yang telah mengheret Daulah Uthmaniyah ke kancang peperangan yang akhirnya telah membawaa kepada kekalahan. Penglibatannya dalam Perang Dunia Pertama bersama dengan Kuasa Pusat iaitu Jerman dan Austria-Hungary telah mendapat kekalahan. Oleh yang demikian, banyak wilayah Kesultanan Uthmaniyah dikuasai oleh Negara Bersekutu yang terdiri daripada Negara British, Perancis, Rusia dan Itali³⁸.

Pada tahun 1917, Kemal Ataturk pernah dihantar oleh Kerajaan Uthmaniyah untuk mengetuai Pasukan Tentera Ketujuh ke Palestin. Namun, pasukan pertahanan Uthmaniyah ini telah berhenti daripada terus mara untuk menentang serangan British. Tindakan ini telah dilakukan oleh Kemal dan telah menimbulkan banyak spekulasi dan tanda tanya dalam kalangan pemikir Islam kontemporari seperti ada agenda di sebalik tindakan tersebut.

Maka, tentera Uthmaniyah telah ditewaskan pada awal bulan Disember 1917 di dalam peperangan di Palestin dan mengakibatkan Bait al-Muqaddis telah dapat dikepung. Apabila tentera Daulah Uthmaniyah dikalahkan, Kemal Ataturk telah mengutuskan telegraf kepada Sultan Daulah Turki Uthmaniyah yang mana, Kemal meminta baginda Sultan untuk menyegerakan penubuhan kabinet yang baru sambil menerangkan keadaan perang yang dahsyat berlaku. Kemal Ataturk telah mencadangkan agar kabinet yang baru ini memasukkan dirinya, Rauf Orbay dan Ali Fethi Okyar sebagai anggota kabinet. Kemal Ataturk juga meminta agar dirinya dilantik sebagai Menteri Perang di samping

³⁸ Mohammad Redzuan Othman, 32.

Kemal Atatürk menandatangani gencatan senjata bagi menghentikan operasi ketenteraan.

Berdasarkan daripada Perjanjian Senjata Mudros 1918, selepas Daulah Turki Uthmaniyah kalah di dalam Perang Dunia Pertama banyak wilayah Kesultanan Daulah Uthmaniyah telah dikuasai oleh empat kuasa besar iaitu Rusia, British, Itali dan Perancis. Manakala, ketiga-tiga pemimpin utama Jawatankuasa Kesatuan dan Pembangunan (Committee for Union and Progress (CUP) telah melarikan diri ke luar Negara dengan menaiki sebuah kapal Jerman³⁹.

Pada tahun 1918, Daulah Turki Uthmaniyah telah membuat perjanjian sulit dengan pihak Negara Bersekutu dan berdasarkan perjanjian tersebut seluruh wilayah Daulah Uthmaniyah dibahagi-bahagikan kepada Negara Bersekutu⁴⁰. Hal ini membuatkan, Sultan Mehmed VI yang menaiki takhta ketika itu ingin menyelamatkan saki-baki wilayah Uthmaniyah dengan menghantar wakil utusan ke Paris daripada diduduki oleh tentera Bersekutu⁴¹ akan tetapi, tindakannya gagal.

Kemal Atatürk telah merancang penentangan untuk membebaskan Turki Uthmaniyah daripada penjajahan British dengan bantuan beberapa unit dan organisasi tentera yang menyokongnya di Anatolia. Kemal Atatürk juga telah terlibat dalam pergerakan kebangsaan secara aktif apabila beliau dilantik menjadi sebagai Inspektor Jeneral oleh Sultan Muhammad Rashad V (1909 – 1918) dalam Pasukan Tentera Divisyen Kesembilan di Anatolia. Pada 19 Mei 1919 Kemal telah sampai di Samsun. Strategi perancangannya di Samsun

³⁹ Mohammad Redzuan Othman, 32.

⁴⁰ Ibid., 32.

⁴¹ Ibid., 33.

dianggap sebagai permulaan perang kemerdekaan Turki moden⁴² dan tujuan perjuangannya adalah untuk membebaskan bumi Islam, masyarakat Islam dan khalifah daripada cengkaman kafir⁴³.

Maka, tentera Daulah Turki Uthmaniyah telah berjaya menguasai Bergama dan Kusadasi pada 14 September 1922 dan Perancis telah menyerahkan Timur Thrace. Dan akhirnya, pada 18 September 1922 Kemal Ataturk berjaya mengalahkan tentera penjajah di Anatolia. Pada waktu itu pemimpin Islam dan juga para ulama⁴⁴ sama ada di Turki atau di seluruh dunia telah tertarik dengan memberikan sokongan terhadap Kemal Ataturk disebabkan kehebatannya menerajui perjuangan menentang tentera Greek yang disokong oleh tentera Bersekutu. Kemal juga, telah melancarkan jihad untuk menyatukan dan menyelamatkan umat Islam. Antara pemimpin Islam dan ulama yang menyokongnya adalah seperti Bediuzzaman Said Nursi yang merupakan seorang tokoh mujaddid Islam Turki dan Sayyid Ahmad Syarif al-Sanusi dari Libya.

Pada waktu itu, umat Islam di Turki terpaksa menerima Perjanjian Sevres di mana perjanjian itu berlaku selepas tamatnya Perang Dunia Pertama antara Daulah Uthmaniyah dengan Pasukan Berikat. Perjanjian⁴⁴ ini ditandatangani pada 12 Ogos 1920 oleh Sultan Mehmed VI akibat daripada sultan dan para pembesar di Istanbul ketika itu tidak mampu melawan perluasan kuasa penjajah British dan Tentera Bersekutu serta mereka juga merasa telah hilang semangat untuk berjuang. Perjanjian tersebut telah meletakkan syarat yang sangat menekan masyarakat Islam Turki. Berdasarkan perjanjian tersebut bangsa Turki boleh memerintah dan berdaulat hanya di bahagian kecil Anatolia

⁴² Muhammad Redzuan Othman, 33.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Ibid., 34.

dan kerajaannya harus di bawah kuasa tentera dan kewangan pemerintahan tersebut dikawal oleh negara-negara asing.

Semasa Daulah Islam Turki Uthmaniyah berada diambang kemusnahan dan keruntuhan, Kemal Ataturk telah meneruskan misi perjuangan bagi menegakkan sebuah Negara Turki yang berdaulat. Semasa kongres yang diadakan di Erzurum dan Sivas, Kemal Ataturk telah meminta kepada Pakatan Bersekutu memberikan status rasmi dan wilayah-wilayah yang diduduki oleh penduduk masyarakat Turki tidak dipecah belahkan dalam kalangan mereka.

Bagi memberikan sokongan terhadap masyarakat Islam Turki dalam pembentukan Negara Turki yang baru, sebuah lagu kebangsaan Turki telah diperkenalkan oleh Perhimpunan Agung Kebangsaan. Lagu kebangsaan Turki ini diambil daripada syair keagamaan dan gubahannya oleh Mehmet Akif. Pada waktu itu, umat Islam seperti telah terpujau dengan ketokohan dan imej yang ditonjolkan oleh Kemal Ataturk. Mereka juga, percaya bahawa perjuangan ini merupakan perjuangan yang ikhlas bagi menebus semula maruah dan martabat Islam. Maka, tidak hairanlah jika pada waktu itu gerakan perjuangan Kemal Ataturk ini sambutan dalam kalangan umat Islam di Turki.

Akan tetapi, tujuan perjuangannya untuk membebaskan Daulah Uthmaniyah merupakan tipu daya Kemal Ataturk sahaja. Perkara ini diketahui, apabila Kemal membubarkan parlimen yang diketuai oleh Tewfik Pasha pada 16 Mac 1920 dan mengumumkan berakhirnya pemerintahan kedaulatan Khalifah Turki Uthmaniyah. Pada 23 Mac 1920 pula, Perhimpunan Agung Kebangsaan ditubuhkan dan Mustafa Kemal Ataturk dilantik sebagai presiden. Pada 24 Julai 1923 pembentukan sebuah Negara Turki yang baru telah diiktiraf di peringkat

antarabangsa melalui Perjanjian Lausanne⁴⁵. Manakala pada 29 Oktober 1923 pula, Negara Turki telah diisytiharkan secara rasmi sebagai Republik Turki menggantikan keruntuhan Daulah Turki Uthmaniyah dan Ankara menjadi ibu negaranya yang baru⁴⁶. Manakala, Khalifah Islam Daulah Uthmaniyah yang terakhir iaitu Sultan Mehmet VI telah disingkirkan dan baginda telah melarikan diri secara rahsia ke Malta pada 17 November 1922 dengan menaiki kapal perang British iaitu *The Malaya*. Baginda Sultan Mehmet VI telah mangkat pada 15 Mei 1926 di San Remo, Itali dan baginda dimakamkan di Damsyik, Syria. Maka, bermulanya era moden Turki yang baru dengan mengamalkan pemerintahan sekular yang diperkenalkan oleh Kemal Ataturk dan beliau menjadi sebagai presiden pertama Turki.

Kemal Ataturk telah membawa pembaharuan dalam membentuk bangsa dan Negara Turki yang moden dengan menjadikan Barat sebagai model. Perubahan yang dilakukan oleh Kemal Ataturk ini yang melibatkan pembangunan sosial dan politik untuk membentuk identiti kebangsaan telah mencetuskan kontroversi kerana perkara ini khususnya berkaitan dengan kedudukan Islam sebagai ad-Din. Hal ini, disebabkan Kemal Ataturk melakukan norma hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Selepas perlantikan Kemal sebagai pemerintah Turki, beliau telah melaksanakan beberapa dasar pembaharuan dalam sistem pemerintahan Turki. Prinsip dasar ini dipanggil Kemalisme atau disebut „Nilai Kemalis“ dan terdiri daripada enam prinsip yang dilaksanakan untuk membentuk acuan yang baru di negara Turki atau dikenali Republik Turki. Enam prinsip tersebut ialah⁴⁷ :

⁴⁵ Ibid., 34

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ M. Arfan Mu‘ammar, “Kritik Terhadap Sekularisasi Turki : Telaah Historis Transformasi Turki Usmani”, *Episteme 11*, no. 1 (Jun 2016) : 138.

i) Republikanisme

Merujuk kepada Negara Turki moden yang melaksanakan sistem demokrasi yang dipimpin oleh presiden⁴⁸. Ia juga lebih kepada proses menggantikan Kesultanan Uthmaniyah kepada republik Turki dan bukannya pemerintah yang autokratik⁴⁹.

ii) Nasionalisme

Prinsip ini tidak berdasarkan agama dan ras akan tetapi, ia berdasarkan kewarganegaraan⁵⁰. Ia juga asas kepada patriotism kebangsaan bagi masyarakat Turki⁵¹.

iii) Populisme

Ia merujuk kepada perlindungan hak asasi manusia terhadap hukuman⁵² dan ia juga bermaksud penguasaan mutlak oleh rakyat⁵³.

iv) Etatisme

Ia menggambarkan usaha Republik Turki bagi menangani masalah yang tidak mampu dilaksanakan oleh sektor swasta dalam pembangunan ekonomi⁵⁴. Pemerintah juga berhak campur tangan dalam pengelolaan ekonomi demi kepentingan rakyat⁵⁵.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Mohammad Redzuan Othman, 35.

⁵⁰ M. Arfan Mu'ammam, 138

⁵¹ Mohammad Redzuan Othman, 35.

⁵² M. Arfan Mu'ammam, 138.

⁵³ Mohammad Redzuan Othman, 35.

⁵⁴ Ibid., 36.

⁵⁵ M. Arfan Mu'ammam, 138.

v) Sekularisme

Ia memisahkan agama dan Negara⁵⁶ yang mana dilaksanakan dalam sistem perundangan, pendidikan dan perlembagaan Turki dan dipisahkan dari politik Negara⁵⁷.

vi) Revolusionisme

Merupakan proses modenisasi yang menjadikan Turki sebuah negara yang mempunyai peradaban tinggi standing dengan Negara Barat⁵⁸ dan menerima transformasi secara tetap⁵⁹.

Melalui enam prinsip ini maka, telah berubah sistem pentadbiran Turki dari Khalifah Islam Uthmaniyah yang berdiri selama 640 tahun kepada Republik Turki yang moden. Perubahan tersebut telah membuatkan kehidupan masyarakat Turki turut berubah. Melalui prinsip ini, dasar sekularisme adalah merupakan paksi yang terpenting dalam program pembaratan masyarakat Turki secara keseluruhannya⁶⁰. Ia dilaksanakan dengan menafikan peranan dan fungsi Islam sebagai teras utama yang sekian lamanya berakar-umbi dalam peradaban masyarakat Turki. Kemal Ataturk ingin memutuskan hubungan masyarakat Turki dengan sejarahnya yang lalu supaya Turki dapat memasuki ke dalam peradaban barat⁶¹. Kemal Ataturk telah menegaskan bahawa, bangsa bertamadun ialah bangsa yang dipandu oleh akal, logik dan pemikiran bebas⁶².

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Mohammad Redzuan Othman, 35.

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ M. Arfan Mu'ammam, 139.

⁶⁰ Mohammad Redzuan Othman, 36.

⁶¹ M. Arfan Mu'ammam, 139.

⁶² Mohammad Redzuan Othman, 36.

Oleh yang demikian, selepas Turki diisytihar sebagai sebuah Negara yang Republik, Kemal Ataturk telah menghapuskan pemerintahan khalifah yang menjadi lambang politik umat Islam dengan memperkenalkan tiga undang-undang baru. Maka, pada 13 Mac 1924 Perhimpunan Agung Kebangsaan Turki telah meluluskan undang-undang tersebut dan tiga undang-undang itu ialah⁶³:

- i. Menghapuskan sistem khalifah.
- ii. Menghapuskan Kementerian Syariah dan Wakaf.
- iii. Menyatukan sistem pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan

Berdasarkan perubahan dari tiga undang-undang yang baru ini, Kemal Ataturk memberi alasan mengenai penghapusan sistem khalifah adalah disebabkan khalifah merupakan pengkhianat bangsa Turki kerana bersekongkol dengan kuasa asing⁶⁴.

Pemansuhan Kementerian Kehakiman Syariah pula telah digantikan dengan Badan Kehakiman Sivil yang mengikut citarasa kesesuaian Sistem Perundangan Sivil Swiss, Undang-undang Jenayah Itali dan Undang-undang Jerman. Undang-undang yang diperkenalkan Kemal ini juga telah memperuntukkan hak sama rata antara lelaki dan wanita di dalam pewarisan harta dan perkahwinan⁶⁵. Urusan mengenai perkahwinan, Kemal Ataturk telah mengharamkan amalan poligami dan kaum wanita mempunyai hak di dalam urusan penceraian. Dari sudut perkahwinan ini juga, ia didaftarkan mengikut undang-undang sivil dan amalan yang mengikut ajaran Islam hanya dijadikan sebagai pilihan seperti upacara majlis akad nikah.

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Ibid, 37.

⁶⁵ Ibid.

Bagi mana-mana pasangan yang ingin menikah, mereka hanya perlu datang sendiri ke Pejabat Pendaftaran dengan membawa hanya dua orang saksi sahaja. Bagi akad nikah yang merupakan syarat nikah juga tidak diwajibkan dan pasangan yang ingin membuat akad nikah boleh dilakukan di rumah mereka. Di sini dapat dilihat, peranan imam sangatlah besar terutama dalam bab akad nikah dan sistem baru yang diperkenalkan oleh Kemal Ataturk ini sukar diterima oleh masyarakat kerana mereka telah mengamalkan amalan tradisi Islam sejak turun-temurun lagi serta peranan imam semasa akad nikah sangatlah penting.

Bagi urusan penceraian pula, menurut ajaran Islam wanita yang telah bercerai perlu menjalani idah sebanyak tiga kali haid. Bagi wanita yang kematian suami pula, perlu menjalani idah selama empat bulan sepuluh hari. Akan tetapi, menurut peraturan baru yang diperkenalkan oleh Kemal ini seorang wanita yang telah bercerai atau kematian suami hanya boleh berkahwin semula selepas 300 hari. Peraturan yang baru tersebut juga telah membenarkan wanita berkahwin dengan mana-mana lelaki walaupun berlainan agama meskipun, dalam ajaran Islam telah mengharamkan seorang wanita berkahwin dengan lelaki bukan Islam⁶⁶.

Urusan poligami pula, Kemal Ataturk telah memperkenalkan satu peraturan baru yang telah menghalang lelaki berpoligami yang mana, ajaran Islam telah membenarkannya. Selain itu, hak kuasa talak dibenarkan kepada wanita dengan memohon kepada pihak hakim. Ia termasuk juga urusan harta pusaka di mana peraturan baru tersebut telah memberikan bahagian harta pusaka yang sama rata antara lelaki dan wanita. Hal ini pertentangan dengan ajaran

⁶⁶ Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman, "Kemal Ataturk dan Pembaharuan di Turki : Polemik dalam Akhbar dan Majalah Melayu pada Tahun 1920-an dan 1930-an. 115.

Islam yang telah menentukan bahawa lelaki diberi dua bahagian harta pusaka berbeza dengan wanita yang menerima satu bahagian sahaja.

Manakala, sistem pendidikan pula telah diselaraskan mengikut acuan sekular. Pada Mac 1924, sistem pendidikan sekular dijadikan dasar utama bagi setiap peringkat pengajian⁶⁷. Pada tahun seterusnya, semua madrasah, sekolah agama rakyat, gerakan tarikat dan amalan sufi telah dimansuhkan⁶⁸. Ia turut menimpa kepada sebuah Fakulti Usuluddin di Universiti Ankara dan Darulfunun. Institusi pendidikan inilah yang akan menjadi salah satu ejen utama untuk menyebarkan dan mengembangkan dasar sekularisme ini.

Institusi pendidikan ini juga telah dikawal dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Proses sekularisasi ini akan berkesan apabila pendekatan pendidikan digunakan dengan menerapkan kepercayaan terhadap sains dan metodologi secara nasional dan saintifik. Satu bentuk pemikiran yang meyakinkan dasar Kemalisme ini ialah ungkapan yang sering diucapkan iaitu "*Science, the truest guide in life*" yang mana, telah menjadikan sains sebagai suatu yang bersifat mutlak kepada semua persoalan hidup dan untuk mencari kebenaran⁶⁹. Proses perubahan pendidikan juga dilakukan dengan menubuhkan sekolah vokasional, sekolah teknik, akademi tentera dan maktab perguruan. Pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi, Fakulti Bahasa dan Linguistik serta Fakulti Sejarah dan Geografi telah dibuka di Universiti Ankara. Berdasarkan institusi-institusi ini, identiti bahasa dan menjejak kembali sejarah bangsa Turki yang berkaitan dengan keagungan bangsa Hun dan Hitti telah memperkenalkan. Mengenai identiti dan sejarah kemegahan bangsa Turki bersama-sama dengan Islam tidak diambil sebagai suatu modul untuk belajar dan pengajaran.

⁶⁷ Mohammad Redzuan Othman, 37.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Ibid.

Kemudiannya, proses sekularisasi ini diteruskan dengan memperkenalkan program penturkian atau “Turkifikasi” yang dilakukan secara agresif⁷⁰. Proses ini, dilakukan dengan menukar budaya Islam dalam masyarakat kepada budaya yang berteraskan kebangsaan Turki. Pada 26 Februari 1933, satu arahan telah dikeluarkan untuk menghendaki seruan azan perlu dilaungkan dalam bahasa Turki dan bukan lagi dalam bahasa Arab⁷¹.

Al-Quran juga telah diterjemahkan dalam bahasa Turki yang dilakukan oleh Mehmet Akif. Namun terpaksa dibatalkan atas desakan Syeikh Rashid Rida disebabkan khawatir usaha yang dilakukannya itu boleh mengakibatkan terpesongnya akidah umat Islam⁷². Di sini, Kemal Ataturk telah mengarahkan supaya al-Quran dialih bahasa ke dalam bahasa Turki dan bagi pentafsirannya juga telah dibuat dalam bahasa Turki. Bagi melaksanakan peraturan tersebut, Kemal Ataturk telah mewujudkan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada golongan ulama termasuklah Mehmet Akif. Fungsi jawatankuasa tersebut adalah untuk menyemak dan memeriksa mana-mana bahagian al-Quran yang telah siap diterjemah dan ditafsirkan bagi memastikan setiap isi kandungannya sama dengan maksud asal dalam bahasa Arab.

Selain daripada pelaksanaan tiga undang-undang tersebut, banyak lagi pembaharuan yang dilakukan oleh Kemal Ataturk untuk menjadikan Turki sebagai negara yang sekular. Antara cara lain untuk mensekularkan masyarakat Turki ialah dengan mengharamkan dan melarang pemakaian secara Islam. Masyarakat Turki Islam Uthmaniyah terkenal dengan pemakaian tarbus (fez) iaitu pakaian tradisi Turki bagi kaum lelaki dan pakaian bagi wanita Islam

⁷⁰ Ibid, 38.

⁷¹ Ibid.

⁷² Ibid.

dikenali cadur telah dihapuskan⁷³. Pemakaian serban juga tidak dibenarkan dan lelaki Turki dibenarkan memakai topi ala Barat sahaja ia termasuk juga bagi golongan ulama dan guru agama yang dipaksa memakai topi. Kemal Ataturk telah memperketatkan amalan pemakaian ini dengan dikenakan seksaan bagi mana-mana golongan lelaki yang masih memakai tarbus dan bagi golongan wanita pula, yang masih memakai penutup muka ketika berjalan di tempat awam akan ditangkap. Bagi pasukan tentera juga telah dibekalkan pakaian seragam baru beserta topi ala Barat. Oleh itu, Menteri Perdagangan Turki juga telah melancarkan usaha untuk memperbanyakkan fabrik kain bagi pembuatan topi. Ia adalah satu usaha bagi menggalakkan dan menambahkan bekalan topi terhadap masyarakat Turki untuk memakainya.

Selain itu, Kemal Ataturk juga telah menghapuskan amalan-amalan yang merangkupi warisan silam Turki terutama yang berkaitan dengan Islam. Kemal Ataturk telah menutup beberapa buah masjid di Turki antaranya, masjid Aya Sophia yang menjadi lambang kejayaan Islam pada tahun 1453 yang mana Sultan Muhammad Al-Fateh ketika itu telah dapat menakluki kota Istanbul⁷⁴. Masjid ini telah diubah statusnya menjadi gereja dan selepas itu dijadikan sebuah muzium. Walaubagaimanapun, Aya Sophia telah kembali menjadi masjid semula setelah selama 86 tahun sekular Turki menjadikannya sebagai sebuah muzium. Pada bulan Julai 2020, Presiden Turki iaitu Recep Tayyip Erdogan telah mengisytiharkan Aya Sophia sebagai masjid semula dan beliau telah mendirikan sembahyang beramai-ramai di masjid tersebut⁷⁵.

⁷³ Mohammad Redzuan Othman, 37.

⁷⁴ Ibid., 9.

⁷⁵ Daily Sabah, "Istanbul reverted Hagia Sophia Mosque welcomes millions in a year", laman sesawang *Daily Sabah*, dikemaskini 23 Julai 2021, dicapai 2 Disember 2021, <https://www.google.com/amp/s/www.dailysabah.com/turkey/istanbul/istanbuls-reverted-hagia-sophia-mosque-welcomes-millions-in-a-year/amp>.

Selain dari penutupan masjid, Kemal Ataturk juga telah menghapuskan perayaan Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha serta ibadah Haji dilarang dilakukan oleh masyarakat Islam Turki⁷⁶. Manakala, perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan pula Kemal Ataturk telah melarang amalan poligami dan telah membenarkan wanita Islam berkahwin dengan lelaki bukan Islam. Kemal Ataturk juga telah membatalkan cuti pada hari Jumaat yang mana, pada hari itu telah menjadi cuti mingguan bagi golongan pekerja. Kemal Ataturk juga, telah membenarkan minuman arak di tempat terbuka dalam kalangan masyarakat Islam dan hal ini merupakan sebagai lambang yang menunjukkan masyarakat Turki semakin ketara dengan masyarakat Barat. Kemal Ataturk juga telah menubuhkan industri minuman arak ini di Turki dan telah menggalakkan pengeluaran arak di dalam negara dan ia dipegang oleh pihak kerajaan. Turki telah mengeluarkan produk araknya sendiri dan berjenama *raki*, Kemal Ataturk merasa bangga dengan pengeluaran jenama arak tersebut dan telah menggalakkan pemasarannya diperluaskan⁷⁷.

Proses program pembaratan Kemal Ataturk ini, turut melibatkan jenis tulisan yang digunakan oleh Kerajaan Turki Islam Uthmaniyah sebelum ini yang mana tulisan Arab telah digantikan dengan tulisan Latin atau Rumi. Pelaksanaan tulisan ini dikuatkuasakan pada 1 November 1928 dan tidak dibenarkan kegunaan tulisan Arab dalam urusan harian kecuali urusan yang berkaitan dengan Islam⁷⁸. Mulai bulan Disember 1928 pula, semua surat khabar, surat-menyurat dan buku harus dicetak dalam tulisan Latin atau Rumi. Bermula pada Januari 1929 pula, semua surat-menyurat dan buku-buku di pejabat kerajaan termasuk buku-buku sekolah harus menggunakan tulisan Rumi atau Latin. Mulai

⁷⁶ Mohammad Redzuan Othman, 40.

⁷⁷ Ibid.

⁷⁸ Ibid..

bulan Jun 1929 pula, seluruh pelusuk negara Turki perlu diguna pakaikan tulisan Rumi atau Latin. Berekoran daripada itu, Kemal Ataturk telah menguatkuasakan pula undang-undang yang telah menegah para peniaga daripada menjual barangan mereka menggunakan bahasa asing sebaliknya, perlu menggunakan bahasa Turki dalam urusan jual beli mereka.

Kemal Ataturk juga telah memperkenalkan peraturan baru yang mana, telah mewajibkan setiap orang Turki menggunakan nama keluarga bagi membolehkan identiti bangsa Turki sesuai dengan orang Barat. Peraturan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 1935 dan Kemal Ataturk juga telah menggunakan nama keluarga dengan nama Ataturk yang bererti „Bapa Bangsa Turki“. Telah diharamkan kepada masyarakat Turki dengan gelaran Bey, Efendi atau Pasha dan berkuatkuasa pada 26 November 1934⁷⁹.

Oleh yang demikian, program sekularisasi yang dilaksanakan oleh Kemal Ataturk ini telah sampai pada tahap kemuncak apabila, Perlembagaan Turki 1924 telah memansuhkan Artikel 2 yang menerangkan bahawa agama bagi negara Turki adalah Islam. Artikel ini telah dipinda dengan artikel lain dalam perlembagaan 1937 yang menerangkan bahawa, negara Turki secara rasminya sebuah negara sekular⁸⁰. Secara rasminya Turki telah terpisah dari sejarah silamnya yang telah menjadikan Islam sebagai teras utama dan perlembagaan Negara. Pengiktirafan terhadap sistem sekular ini telah menyebabkan segala urusan pentadbiran yang melibatkan Islam tidak digunakan sama sekali dan dihalang. Bagi masyarakat Turki dan sesiapa sahaja yang cuba

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Ibid.

mengembalikan Turki ke zaman Islam telah dianggap sebagai melakukan jenayah dan boleh dihukum dengan hukuman yang berat⁸¹.

Kemal Atatürk menganggap amalan Islam sudah ketinggalan zaman dan merupakan punca kepada kelemahan bangsa Turki. Untuk menunjukkan Turki merupakan bangsa yang maju, orang Turki perlulah memperagakan dirinya sebagai orang Barat. Dalam perkara ini, Kemal Atatürk merasakan bahawa cara pemakaian wanita Turki sudah ketinggalan zaman dan perlu diubah mengikut imej bangsa Turki yang moden.

Oleh yang demikian, Kemal Atatürk telah melarang pemakaian secara Islam dan telah mewajibkan pemakaian fesyen ala-ala Barat. Kemal pernah mempersendakan wanita Turki yang berpakaian secara Islam dengan mengatakan bahawa tudung kepala yang dipakai oleh mereka seolah-olah untuk menyembunyikan wajah mereka. Pada pandangan Kemal lagi, perbuatan itu dianggap aneh dan pemakaiannya melambangkan ciri-ciri bangsa yang tidak bertamadun serta ia boleh menjadi bahan ejekan daripada bangsa lain. Maka, dalam hal ini Kemal Atatürk berpendapat bahawa wanita Turki Islam perlu dibebaskan daripada belenggu tradisi Islam dalam masyarakat Turki. Bagi menunjukkan Kemal Atatürk memperjuangkan hak wanita dan nasib kaum wanita, beliau telah menegaskan bahawa mereka perlu mendapatkan pendidikan dan pekerjaan terutama pekerjaan di dalam perkhidmatan awam dan juga mereka berhak mengambil bahagian dalam apa jua kerjaya seperti peguam, guru, hakim mahupun anggota polis.

Dapat dilihat di sini, Kemal Atatürk ingin semua kerjaya dan bidang yang diceburi oleh kaum lelaki terbuka juga untuk kaum wanita. Hasil daripada

⁸¹ Ibid. 41.

itu, sejak awal tahun 1930-an penyertaan wanita untuk bekerja di pasaran semakin bertambah. Perjuangan Kemal Ataturk pada nasib wanita ini telah lama dirancang bagi memberikan mereka hak yang sama terutama dalam pilihan raya dan pemerintahan Turki. Rancangan kebebasan untuk wanita ini dilihat telah mencapai matlamatnya apabila wanita Turki sering digambarkan telah menikmati kebebasan hidup yang lebih baik. Kesan daripada itu juga, di Istanbul wanita Turki bukan sahaja bebas memilih pasangan hidup malah, mereka telah mendapat peluang yang lebih baik untuk menyambung pengajian dan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi terutama di Eropah dan Amerika. Mereka juga telah mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik termasuklah menjadi peguam. Ada juga, terdapat wanita Turki yang menjadi kerani dan penulis di pejabat.

Keadaan ini dapat membezakan pada masa itu, dengan keadaan wanita Sham di mana mereka baru sahaja pada tahap diberi jawatan sebagai guru sekolah rendah dan hanya terdapat enam orang pelajar perempuan sahaja di sekolah perubatan di Damsyiq. Pada waktu itu, kerajaan mereka enggan menyediakan pendidikan untuk wanita yang menyebabkan wanita Syam terpaksa merancang dan menubuhkan pembinaan sekolah perempuan bagi menyediakan pelajaran seperti perusahaan dan pertukangan⁸².

Pada tahun 1929, Kemal Ataturk juga merasa berbangga apabila Turki telah menjadi Negara Islam yang pertama yang telah mengajurkan Pertandingan Ratu Cantik „Miss Turkey“. Pada tahun 1930, Ratu Cantik Turki telah menyertai pertandingan „Miss Universe“ di Rio de Janeiro dan selepas Turki memasuki dalam NATO, dua tahun selepas itu Ratu Cantik Turki iaitu Keriman Halis telah memenangi gelaran sebagai *Miss Universe* dan juga diikuti oleh Gunseli Basar yang telah memenangi gelaran sebagai *Miss Europe* pada tahun 1952. Wanita ini

⁸² Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman, 119.

telah menjadi simbol kepada kebebasan wanita Turki. Namun, pembaharuan yang dilakukan oleh Kemal Ataturk untuk konsep kebebasan wanita ini tidak terbatas dan cenderung kepada Barat⁸³. Pada pandangan Kemal lagi, penyertaan Turki di dalam Pertandingan Ratu Cantik Dunia dan Eropah merupakan suatu kebanggaan dan tanda kejayaannya membawa golongan wanita Turki keluar dari „kepompong“ budaya Islam yang dianggapnya kolot. Kemal ingin membawa wanita Turki kepada hidup gaya barat yang amat dikagumi oleh beliau.

Disamping itu, Kemal Ataturk juga telah menguatkuasakan Sistem Waktu Antarabangsa sebagai usaha melaksanakan program pembaratan dan membuatkan Turki lebih dekat dengan Barat⁸⁴. Pada 26 November 1925, Kalendar Gregorian diperkenalkan bagi menggantikan Kalender Hijrah.

Bagi sektor perdagangan dan ekonomi pula, Kemal Ataturk telah memperkenalkan sistem matrik dan ukur dalam sistem transaksi bagi memudahkan Turki berurusan dengan Barat⁸⁵. Pada sektor perundangan pula, Kod Perundangan Sivil Turki diperkenalkan dan undang-undang ini diambil dari Undang-Undang Sivil Switzerland. Pada tahun 1926, Menteri Kehakiman iaitu Muhammad Essad Bey telah mengemukakan kepada Perhimpunan Agung Kebangsaan sejumlah seribu lapan ratus kod undang-undang baru yang diambil daripada Undang-undang Sivil Switzerland. Maka, pada 17 Februari 1926, kod perundangan ini telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung Kebangsaan dan perundangan ini juga menggantikan sistem sivil dan sistem Syariah yang lama⁸⁶. Pelaksanaan undang-undang ini dilakukan pada 4 Oktober 1926⁸⁷. Di sini juga, Kemal Ataturk telah meletakkan hak sama rata di antara wanita dan lelaki yang

⁸³ Mohammad Redzuan Othman, 42.

⁸⁴ Ibid., 43.

⁸⁵ Ibid., 43.

⁸⁶ Ibid.

⁸⁷ Ibid.

mana, ia termasuklah dengan hak yang membenarkan wanita mengundi dan bertanding dalam pilihan raya untuk pemilihan ke Perhimpunan Agung Kebangsaan.

Selain itu, Kemal Atatürk telah menubuhkan sebuah parti dengan tujuan untuk mengikuti amalan moden yang digunakan oleh Negara Barat. Parti itu dikenali Parti Republik Rakyat atau dipanggil CHP „Cumhuriyet Halk Partisi“ dalam bahasa Turki dan dikenali juga Republican People’s Party (RPP). Penubuhan parti ini juga telah mendorong beberapa panglima tentera yang rapat dengan Kemal dalam Perang Pembebasan Turki iaitu seperti Rauf Orbay dan juga wira Perang Balkan iaitu Kazim Karabekir dan Ali Fuat Cebesoy telah bertindak keluar dari parti tersebut. Malah, mereka telah menubuhkan parti yang baru iaitu parti tersebut dinamai Parti Republik Progresif (Terakiperver Cumhuriyet Firkasi) dan ditubuhkan pada 17 November 1924. Namun, parti ini telah diharamkan pada 5 Jun 1925.

Parti ini ditubuhkan oleh Kazim Karabekir dan Ali Fuat Cebesoy sebagai parti pembangkang untuk membawa corak yang baru dalam politik Turki sekitar tahun 1920-an. Ia telah diharamkan oleh kerana dituduh cenderung kepada orientasi Islam dan terlibat dengan pemberontakan Sheikh Said Pulu di mana Sheikh ini telah menyokong puak Kurdi. Kesannya, Kazim Karabekir dan beberapa orang ahli parti tersebut telah dipenjarakan dan beliau dibebaskan kerana didapati tidak bersalah. Akan tetapi, beliau tetap dihukum dan ditahan di dalam sebuah rumah bersama-sama dengan 82 orang lagi anggota pembangkang selama dua dekad. Kazim Karabekir semasa pemerintahan Presiden Ismet Inonu, telah dipilih sebagai anggota parlimen dan dilantik sebagai Speaker Dewan Negara selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua dan Kazim Karabekir telah

meninggal dunia sebelum pilihan raya demokratik pertama di Turki yang diadakan pada tahun 1950.

Manakala, pada tahun 1930 pula telah terbentuknya sebuah parti pembangkang lagi iaitu Parti Republikan Liberal (Serbest Cumhuriyet Firkasi), yang diperkenalkan oleh Ali Fethi Okyar yang juga merupakan bekas tentera dan kenalan rapat Kemal Ataturk juga. Kemal Ataturk telah meminta agar Okyar menubuhkan sebuah parti pembangkang untuk menghadapi dan berhadapan dengan parti pemerintah iaitu Parti Republik Rakyat (CHP). Tujuan Kemal Ataturk menyuruh Okyar menubuhkan partinya sendiri adalah untuk mewujudkan tradisi demokrasi pelbagai parti di Turki. Akan tetapi, parti ini juga telah dibubarkan oleh Kemal pada November 1930 disebabkan parti ini juga telah cenderung untuk menentang pembaharuan yang dilakukan oleh Kemal terutama mengenai sekularisme. Berdasarkan pembubaran parti ini, telah membuatkan Turki sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem satu parti⁸⁸.

Hal ini berlaku disebabkan, penubuhan parti-parti pembangkang ini telah mengancam kedudukan Parti Republik Rakyat (CHP) dan rakyat telah menyokong parti tersebut. Kemal Ataturk juga, telah menuduh parti-parti tersebut disokong oleh golongan reaksioner yang mana, pada Kemal Ataturk mereka boleh mengancam kewujudan Republik Turki dan juga telah menentang usaha untuk memajukan Turki⁸⁹. Tindakan Kemal ini, jelas sekali telah memisahkan budaya Turki dari agama Islam. Malah, sekolah-sekolah agama, aktiviti keagamaan telah diharamkan dan golongan ulama pula telah dikawal dengan ketat. Semua perubahan-perubahan yang dilakukan ini banyak dibuat

⁸⁸ Mohammad Redzuan Othman, 44.

⁸⁹ Ibid.

semasa beliau menjadi Presiden Turki dan pada akhirnya, tahun 1938 Kemal Ataturk telah meninggal⁹⁰.

Sebelum Kemal Ataturk meninggal, beliau telah jatuh sakit. Tahap kesihatan Kemal Ataturk telah memburuk sejak dari tahun 1937 lagi dan beliau sentiasa jatuh sakit. Menurut hasil pemeriksaan dari Dr. Fissinger doktor yang didatangkan khas dari perancis ini untuk merawat Kemal Ataturk, mendapati bahawa Kemal Ataturk telah menghidapi penyakit sitosis hati dan bahasa sainsnya *cirrhosis*. Kemal Ataturk menghidap penyakit ini disebabkan gaya hidup Kemal sebelum ini sering kali mengambil arak.

Sebelum Kemal Ataturk meninggal, beliau banyak mengalami dan menderita pelbagai serta bermacam penyakit antaranya, Kemal Ataturk pernah mengalami demam panas sehingga membuatkan dirinya merasa rimas. Semasa beliau mengalami demam panas ini, pembantunya perlu meletakkan ketulan ais di dalam selimutnya untuk menyejukkan Kemal. Berdasarkan penulis autobiografi Kemal iaitu Lord Kinross, telah menggambarkan bagaimana pasukan bomba terpaksa diarahkan menyiram air ke dinding biliknya setiap hari⁹¹. Kemal Ataturk juga, telah dibawa ke tengah laut dengan bot baharunya iaitu *Savarona* untuk meredakan demam panasnya. Namun, Kemal Ataturk masih merasa panas sehingga diletakkan ketulan ais untuk menyejukkan kabinnya. Selain itu, perutnya Kemal Ataturk semakin membengkak sehingga menyebabkan beliau sukar untuk bernafas. Kemal Ataturk juga pernah mengadu sakit kepala dan pernah menghidap penyakit kulit yang telah menyebabkan seluruh badannya merasa gatal-gatal.

⁹⁰ Ibid, 44.

⁹¹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemeraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 45.

Selain itu juga, selepas Kemal Ataturk menghadiri majlis makan malam di Park Hotel beliau telah diserang dengan penyakit radang paru-paru atau dikenali *pneumonia* dengan suhu badannya yang sangat tinggi⁹². Di tambah pula, Kemal Ataturk mengalami saluran darah di kakinya membengkak pada 29 Oktober 1938 dan selang beberapa hari, Kemal telah mengalami koma selama lebih 48 jam. Selepas Kemal Ataturk membuka mata, beliau telah hilang ingatan akan tetapi kembali ingat semula. Semasa pada 6 November 1938, Kemal Ataturk telah disuntik bagi mengeluarkan cecair daripada badannya dan beliau telah koma semula dan pada 10 November 1938 akhirnya, Kemal Ataturk telah menghembuskan nafas terakhirnya pada pukul 9.05 pagi⁹³. Mayat Kemal Ataturk telah disimpan di Istana Presiden selama tiga hari tiga malam. Selepas tiga hari itu, mayat Kemal Ataturk telah diuruskan di atas permintaan kakaknya iaitu Makbule yang mana, kakaknya meminta ulama Turki untuk memandikan, mengkafankan dan menyembahyangkan jenazah Kemal Ataturk.

Akhirnya, Kemal Ataturk telah dikebumikan di dalam keranda timah selepas disembahyangkan di Istana Dolma Bahche yang mana, dihadiri oleh beberapa orang pemimpin kanannya dan mereka saling bercanggah pendapat di dalam isu sama ada perlu atau tidak mayat Kemal Ataturk ini disembahyangkan. Dalam upacara rasmi pada 21 November 1938, jenazah Kemal Ataturk telah dibawa ke Muzium Etnografi yang terletak di Ankara. Keranda Kemal Ataturk akhirnya telah diabadikan setelah 15 tahun kematiannya di Mausoleum pada 10 November 1953 apabila ia telah siap dibina.

Walaupun bagaimanapun, selepas kematian Kemal Ataturk legasi sistem sekularisasinya telah disambung dan diwarisi oleh presiden selepasnya dan

⁹² Ibid., 46.

⁹³ Ibid.

merupakan kawan karibnya sendiri iaitu Ismet Inonu. Pelantikannya sebagai Presiden Turki bermula dari tahun 1938 hingga 1950⁹⁴ dan merupakan Presiden Turki yang menyambung tradisi amalan sekular dalam pemerintahan Turki.

Namun begitu semasa pemerintahannya, Ismet Inonu telah memberi sedikit kelonggaran kepada masyarakat Turki untuk melakukan pembaharuan yang bersesuaian dengan sistem demokrasi yang semakin berkembang di Eropah. Oleh yang demikian, telah munculnya dua golongan dalam masyarakat Turki yang inginkan kebebasan dan pembaharuan⁹⁵. Golongan pertama ialah golongan ahli sufi dan tarekat yang ingin mengerjakan amalan mereka secara bebas dan inginkan kehidupan beragama. Kumpulan kedua pula, golongan yang inginkan berpolitik yang mana mereka mahu setiap individu berpegang dan berjuang melalui politik, ianya diketuai oleh Celal Bayar dan Adnan Menderes. Manakala, golongan pertama pula didukung oleh Bediuzzaman Said al-Nursi⁹⁶.

Golongan yang pertama ini yang didokong oleh Bediuzzaman Said al-Nursi (1876/7-1960) telah memimpin sebuah gerakan pembaharuan Islam yang dikenali sebagai gerakan Nurcu. Gerakan ini telah menekankan kepada amalan sufi malah ia menekankan juga kepada reformasi masyarakat Turki melalui kegiatan pendidikan. Bediuzzaman Said al-Nursi itu sendiri sememangnya seorang berpengetahuan tinggi di dalam bidang akademik. Antara bidang akademik yang beliau mahir ialah sejarah, astronomi, matematik, fizik, kimia, geologi, antropologi dan juga geografi.

Penulisan Bediuzzaman Said al-Nursi yang terkenal dan tersebar di seluruh Turki ialah *Risalah-i Nur*. Bediuzzaman Said al-Nursi mula berkecimpung di dalam politik ketika berada di Mardin. Pada waktu itu,

⁹⁴ _____ . Facts About Turkey. Istanbul : Turkey News Agency, 1998, 156.

⁹⁵ Mohammad Redzuan Othman, 47.

⁹⁶ Ibid.

Bediuzzaman Said al-Nursi telah bergabung dengan gerakan Turki Muda (CUP) iaitu Committee for Union and Progress namun, apabila beliau melihat Kemal Atatürk lebih cenderung kepada melaksanakan sistem sekular dan bercanggah dengan Islam. Bediuzzaman Said al-Nursi telah membuat keputusan untuk meninggalkan politik dan menumpukan perhatian terhadap penulisan dan pendidikan bagi memulihkan akidah dan akhlak umat Islam. Gerakan yang diasaskan oleh Bediuzzaman Said al-Nursi ini kemudiannya telah digerakkan oleh beberapa kumpulan dan salah satu kumpulan tersebut ialah yang dipimpin oleh Fethullah Gulen yang menggunakan rangkaian institusi pendidikan, televisyen serta stesen radio dan juga penerbitan⁹⁷. Ia telah berjaya memainkan peranan dalam memodenkan masyarakat Turki dengan mengikuti ajaran Islam.

Sebuah lagi gerakan terkini yang mewarisi aliran pemikiran Bediuzzaman Said al-Nursi ini ialah Yayasan Hayrat atau dikenali *Hayrat Vakfi* Yayasan ini telah ditubuhkan pada tahun 1974 oleh Ahmed Husrev Altınbaşak di Küçükçekmece, Istanbul. Yayasan Hayrat ini menjalankan aktiviti sukarelawan, bantuan dan kebajikan kepada institusi pendidikan dan mereka juga memberikan sumbangan kepada golongan miskin, pesakit yang miskin, ibu tunggal serta anak-anak yatim⁹⁸. Yayasan ini juga mempunyai hubungan rangkaian dengan sekolah swasta, perpustakaan dan institusi pendidikan serta menyediakan juga biasiswa kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar Negara dalam bidang sains. Selain itu, Yayasan Hayrat ini juga telah terlibat dengan bidang penerbitan dan pengedaran buku-buku saintifik, agama, sejarah dan al-Quran⁹⁹.

⁹⁷ Mohammad Redzuan Othman, 48.

⁹⁸ Ibid., 48.

⁹⁹ Ibid., 49.

Bagi kumpulan kedua pula, yang juga inginkan pembaharuan masyarakat Turki ke arah yang lebih liberal yang berjuang melalui landasan politik. Ia diterajui oleh Celal Bayar dan Adnan Menderes ini telah menubuhkan Parti Demokrat dan pada tahun 1950 telah berjaya mengambil alih kuasa dari CHP. Parti Demokrat ini merupakan parti pembangkang yang keempat yang telah wujud secara sah selepas Parti Progresif Republikan ditubuhkan pada tahun 1924 oleh Jeneral Bersara Kazim Karabiker, Parti Republikan Liberal yang ditubuhkan pada tahun 1930 oleh Ali Fethi Okyar dan juga Parti Pembangunan Nasional atau dikenali *Milli Kalkınma Partisi* ditubuhkan pada tahun 1945 oleh Nuri Demirag¹⁰⁰. Kebangkitan Parti Demokrat ini telah memberikan kesan yang sangat besar dalam kehidupan harian masyarakat Turki terhadap pelaksanaan Islam. Mata pelajaran agama telah dibenarkan kembali untuk diajarkan di sekolah awam berdasarkan sistem liberal yang diamalkan oleh Parti Demokrat.

Selain itu, ada beberapa perubahan lain yang dilakukan oleh Parti Demokrat ini, ia termasuklah pembinaan madrasah dan masjid, membenarkan masyarakat Islam menunaikan ibadah haji dan umrah di tanah suci Makkah, menyiarkan bacaan al-Quran di stesen radio, mengembalikan semula seruan azan yang dikumandangkan ke dalam bahasa Arab dan juga membenarkan pemakaian secara Islam¹⁰¹. Adapun, Parti Demokrat ini tidak mengutamakan landasan perjuangan kepada Islam akan tetapi, disebabkan pendekatannya yang liberal dan dituntut oleh rakyat Turki yang mahukan Islam diamalkan kembali secara bebas telah mendorong parti tersebut untuk memenuhi kemahuan popular masyarakat bagi memperolehi sokongan mereka¹⁰².

¹⁰⁰ Ibid.

¹⁰¹ Ibid., 50.

¹⁰² Ibid., 50.

Namun, pemerintahan Parti Demokrat ini telah berakhir pada tahun 1960 apabila tentera telah mengambil alih kuasa dengan tindakan merampas kuasa. Tindakan yang dilakukan oleh pihak tentera ini adalah kerana mereka mendapati bahawa pengaruh mereka semakin merosot dan idealisme sekularisme semakin tercabar. Pada waktu itu, Adnan Menderes dan beberapa orang pemimpin kanan Parti Demokrat telah terpaksa bertanggungjawab di atas dasar perubahan yang berlaku kepada masyarakat Turki dari apa yang dibawa melalui Parti Demokrat itu. Perdana Menteri Turki Adnan Menderes dan dua orang ahli Kabinet iaitu Fatin Rustu Zorlu dan Hasan Polatkan didapati bersalah kerana menyalahgunakan kuasa oleh mahkamah tentera dan mereka telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati pada 16 September 1961 di Pulau Imrali¹⁰³.

Sebelum hukuman ini dijalankan oleh pihak tentera, Adnan Menderes serta dua orang rakannya telah dipenjarakan di Yassiada sebuah pulau kecil yang terletak di Laut Marmara. Mereka dituduh telah menyalahi perlembagaan Turki, dibicarakan dan digantung beberapa bulan selepas itu. Maka, pada 16 September 2013 telah diadakan sambutan ulang tahun ke-52 bagi memperingati peristiwa hitam penggantungan Perdana Menteri Turki iaitu Adnan Menderes ini. Ribuan rakyat Turki telah membanjiri pusara Adnan Menderes di Istanbul bagi memperingati dan penghormatan kepada mantan dan bekas perdana menteri tersebut. Setelah itu, sebuah parti yang baru telah ditubuhkan menjelang tahun 1970 yang mana, sebuah parti iaitu Milli Nizam Partisi atau singkatannya MNP telah ditubuhkan. Parti Milli Nizam Partisi MNP ini merupakan parti politik yang berasaskan Islam dan yang pertama ditubuhkan semenjak Turki diisytiharkan sebagai sebuah negara yang republik.

¹⁰³ Mohammad Redzuan Othman, 50.

Semasa zaman pemerintahan Ismet Inonu ini, pada tahun 1949 Turki merupakan negara pertama yang majoritinya orang Islam telah mengiktiraf negara Israel dan secara langsung telah membuat ikatan kerjasama dasar luarnya dengan Israel.

2.4 Sejarah Kewujudan Negara Israel

Sebelum pengkaji membahas mengenai kerjasama dasar luar Turki dengan Israel, pengkaji akan mengetengahkan mengenai sejarah kewujudan negara Israel ini. Kewujudan negara Israel adalah bermula Semasa Perang Dunia II.

Ketika itu, orang Yahudi telah terlibat dalam perang tersebut dengan jumlah yang besar¹⁰⁴. Jumlah penglibatan orang Yahudi yang mendaftar waktu itu sekitar 119000 untuk berkhidmat sebagai tentera. Pada akhir tahun 1942, orang Yahudi Palestin telah berkhidmat di dalam tentera dan aktif dengan angkatan bersenjata Inggeris. Penglibatan mereka seramai 19,000 orang dan sekitar 10 peratus daripada mereka adalah orang perempuan. Tentera Yahudi ini merupakan sebahagian kekuatan tentera yang telah menyertai operasi di Itali dan Afrika Utara. Manakala, Unit Komando Khusus Yahudi berperang di Libya dan Ethiopia. Mereka juga terlibat pada tahun 1941 dalam penjajahan pasukan tentera Berikat di Syria dan Lubnan.

Oleh yang demikian, penyertaan mereka di dalam peperangan telah membuatkan orang-orang Yahudi ini mengharapkan daripada orang Inggeris untuk tidak melupakan

¹⁰⁴ Mohd Roslan Mohd Noor, Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel, (2010), 41.

perjuangan mereka apabila perang berakhir. Mereka juga merasakan ini peluang dan masa yang tepat bagi mereka kembali menilai masalah perpindahan orang Yahudi ke Palestin¹⁰⁵.

Hal ini adalah disebabkan berlakunya anti Yahudi atau dikenali anti-Semitism yang telah muncul di Eropah sebelum Perang Dunia Kedua berlaku. Maka, orang Yahudi sangat percaya dan yakin bahawa Palestin merupakan tempat terbaik untuk mereka membina semula kehidupan dan imej bangsa mereka yang telah rosak. Pada tahun 1945, di Poland dan Eropah Timur telah berlaku fenomena yang besar terhadap masyarakat Yahudi sehinggakan mereka melarikan diri ke kem-kem pelarian di Barat. Keadaan ini berlaku setelah orang Yahudi kembali ke rumah mereka di Poland, didapati berlaku ketegangan di mana anti-Semitism telah merebak kepada masyarakat Poland untuk membenci bangsa Yahudi. Ini termasuk juga golongan Yahudi pada era sebelum Perang Dunia Pertama yang terpaksa melarikan diri dari cengkaman anti-semitism dari waktu itu dikenali „pogroms“ yang telah menguasai kehidupan mereka¹⁰⁶.

Akibat dari situasi anti-Semitism ini, ramai dari orang Yahudi telah menjadi orang pelarian dan ia dikenali juga dengan nama *displaced person* (DP). Dan dari situasi ini juga, satu kongres telah dilaksanakan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap golongan ini. Sebahagian orang Yahudi telah menumpukan perhatian kepada membawa pelarian ke Palestin apabila mereka telah melihat keluarga mereka terlibat di dalam pembunuhan beramai-ramai oleh pihak Nazi. Yahudi Palestin pula, telah berjaya menyokong dan menubuhkan negara Israel dengan semangat dan keberanian serta berjuang membela nasib kaum mereka. Pada waktu itu juga, Yahudi Amerika telah memainkan peranan penting dengan melobi kepada kerajaan Amerika dan hasilnya penubuhan negara Israel telah mendapat sokongan dari Amerika.

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Mohd Roslan Mohd Noor, Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel, (2010), 41.

Oleh itu, pada April 1945 Harry Truman telah dilantik sebagai Presiden Israel. Beliau juga telah menjadi sasaran kuasa rayuan dan pelobi Zionis. Jadinya, Presiden Harry Truman ini tidak pernah menyimpang di dalam memberikan simpati terhadap Zionis. Beliau juga pernah menulis di dalam autobiografinya iaitu¹⁰⁷

“Saya sudah membaca Deklarasi Balfour dengan berhati-hati, di mana Great Britain telah memberikan komitmen untuk sebuah tanah air bagi Yahudi. Saya telah membiasakan diri dengan sejarah serta soalan tentang sebuah tanah air bagi Yahudi dan kedudukan Inggeris dan Arab (dalam isu ini)... saya merasakan bahawa ia boleh memungkinkan kita untuk memerhati kepentingan jangka panjang bagi negara kita, sementara itu pada masa yang sama membantu mereka (Yahudi) yang tidak bernasib baik hasil penganiayaan (ke atas mereka) untuk mendapatkan rumah”.

Setelah itu, Pada tahun 1947 Jawatankuasa Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Persoalan Palestin (UNSCOP) telah mengesyorkan bahagian barat Palestin dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pertamanya bahagian Barat Palestin merupakan sebuah negara Yahudi, keduanya merupakan sebuah negara Arab dan ketiga adalah wilayah yang dikawal atau diperintah oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Corpus separatum) di sekitar bandar Baitulmaqdis. Pelan pembahagian tiga kategori ini atau dikenali (Partition Plan) telah diluluskan pada 29 November 1947 terhasil dari Resolusi Perhimpunan Agung PBB 181¹⁰⁸.

Berdasarkan Resolusi itu dikatakan telah memberi lebih keuntungan kepada orang Yahudi berbanding dengan laporan Suruhanjaya Peel. Resolusi ini juga, dihitung seramai 33 suara yang menyokong, 13 undi menentang dan 10 undi lagi dianggap tidak hadir. Ini bermakna adanya majoriti yang menyokong dan memudahkan pemisahan tanah Palestin kepada beberapa bahagian. Sekiranya 10 perwakilan orang yang tidak

¹⁰⁷ Ibid., 42.

¹⁰⁸ Mohd Roslan Mohd Noor, Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel, (2010), 42.

hadir itu muncul, ia tetap juga tidak akan mengubah sokongan untuk mewujudkan sebuah negara Yahudi di Palestin¹⁰⁹.

Oleh itu, ramai rakyat Palestin menentang rancangan pemisahan Palestin kepada beberapa bahagian namun, ia tidak berjaya. Oleh yang demikian, ada pihak yang melihat bahawa rakyat Palestin mempunyai hak untuk mendapatkan kembali tanah mereka, kerana pada asalnya Palestin memang milik mereka. Jadinya, inilah cara untuk memberikan kefahaman dan peringatan kepada orang-orang Yahudi bahawa negara mereka adalah hasil daripada pencerobohan tanah rakyat Palestin.

Seorang penyelidik yang bernama Calvin berkata, hampir dekad pertama kewujudan rejim Israel boleh dilihat sebagai tempoh perubahan demografi yang asas dengan peningkatan pesat dalam populasi Yahudi. Dua faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan demografi dan peningkatan secara mendadak jumlah Yahudi di Palestin.

Faktor pertamanya adalah rakyat Palestin telah menjadi pelarian di mana mereka telah melarikan diri ke sempadan tanah air mereka iaitu Jordan, Syria dan Mesir. Mereka juga, terpaksa mencari tempat perlindungan sementara semasa tempoh kejadian pelarian tersebut. Ia juga telah menjadi bertambah buruk apabila Israel telah menduduki sebanyak 94 peratus daripada harta peninggalan yang diitnggalkan oleh pelarian Palestin semasa mereka melarikan diri¹¹⁰. Mereka melarikan diri disebabkan harta-harta peninggalan mereka telah dirampas oleh pihak Yahudi dan mereka terpaksa melarikan diri serta mengalami keperitan hidup. Namun, beberapa orang penduduk Palestin ada yang melihat bahawa mereka telah berusaha untuk mendapatkan semula harta peninggalan mereka dalam bentuk hasil tanaman yang telah dituai mereka sebelum ini.

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Mohd Roslan Mohd Noor, *Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*, (2010), 43.

Ada juga, penduduk Palestin yang membawa harta yang ditinggalkan mereka ke rumah baru mereka¹¹¹.

Faktor kedua pula, berlakunya perubahan demografi yang drastik iaitu di Palestin orang Yahudi secara sukarela telah berpindah beramai-ramai datang ke Israel dan lebih kurang seramai tujuh ratus ribu pendatang Yahudi telah sampai sepanjang tempoh empat tahun pertama kewujudan Israel¹¹². Secara keseluruhannya, jumlah ini dua kali lipat ganda daripada penduduk Israel yang ada. Adapun, pihak Zionis telah mendesak dan memujuk sesetengah kelompok masyarakat Yahudi untuk berpindah ke Israel yang mana mereka telah menjanjikan tempat tinggal untuk keluarga mereka. Dan juga, mereka dipengaruhi dengan kepercayaan agama mereka terhadap tanah bumi tersebut sebagai „tanah yang dijanjikan“¹¹³. Sebahagian masyarakat Yahudi tersebut yang datang ke Palestin kerana mereka telah dianiaya dan ditindas di negara-negara yang mereka tinggal sebelum ini. Cattan ada menyatakan bahawa, statistik sebahagian besar pendatang Yahudi ke Israel adalah berasal dari Poland, Romania, Czechoslovakia dan Jerman.

Disamping itu, semasa menghadapi proses kelahiran Negara Israel. Telah berlaku perang psikologi dan kata-kata sinis sering dilakukan terhadap masyarakat Arab yang tidak bersatu dan mempunyai ketua yang teruk. Perbuatan ini, berlaku disebabkan untuk menghadapi kelahiran Negara Israel dan ia dilakukan oleh pasukan Irgun dan juga pasukan Haganah. Kumpulan ini, merupakan kumpulan terroris yang terkenal dalam kalangan masyarakat Yahudi dan kumpulan ini juga telah merancang keganasan terhadap masyarakat Palestin¹¹⁴.

Oleh yang demikian, pasukan Irgun telah melakukan pembunuhan terhadap lebih kurang 250 warga awam umat Islam Palestin di desa Deir Yassin pada 9 atau 10

¹¹¹ Ibid.

¹¹² Ibid.

¹¹³ Mohd Roslan Mohd Noor, Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel, (2010), 43.

¹¹⁴ Ibid., 44.

April 1948¹¹⁵. Manakala, pasukan Haganah pula telah mengusir dan melancarkan serangan terhadap semua penduduk di perkampungan yang didiami oleh suku Arab kelas menengah pada 26 Mei tahun yang sama¹¹⁶. Peristiwa itu hanya sebahagian dari kumpulan tersebut telah melakukan keganasan terhadap rakyat Palestin dan banyak lagi keganasan yang telah dilakukan oleh kumpulan Irgun dan Haganah. Perkara ini tidak dapat diterima kerana keganasan yang dilakukan oleh pasukan Zionis Yahudi adalah ketika Palestin masih lagi di bawah mandat British dan negara Israel ketika itu masih belum diisytiharkan wujud.

Dalam perkara ini, Armstrong berpendapat bahawa walaupun Palestin berada di bawah tempoh Mandat British, Zionis telah berjaya mencengkam dan menzahirkan kewujudan mereka. Hal ini telah menyebabkan masyarakat Arab menjadi lemah dan Palestin dapat diambil oleh Zionis serta negara Israel berjaya ditubuhkan.

Ben-Gurion, telah mengadakan upacara di Tel Aviv Museum untuk memewartakan kelahiran negara yang baru iaitu Israel. Upacara ini diadakan pada 14 Mei 1948. Walaubagaimanapun, keganasan terhadap masyarakat Palestin masih dilakukan dan semakin memuncak. Pada 15 Mei esok harinya, selepas Inggeris secara rasmi telah keluar dari Palestin, pasukan Irgun telah menyerang Jaffa. Serangan keganasan tersebut, seakan-akan seperti serangan di Deir Yassin malah, ia lebih teruk lagi dan telah menyebabkan tujuh puluh ribu penduduk Palestin di kawasan tersebut dan kawasan bandar telah melarikan diri. Israel telah menjadi lebih bersemangat lagi dalam melakukan keganasan apabila beberapa minit pembentukan negara Israel.

Presiden Amerika Syarikat iaitu Harry Truman telah memberikan sokongan termasuk negara-negara yang lainnya seperti Romania, Uruguay dan Britain. Ini merupakan, salah satu bentuk kemenangan bagi Israel apabila disokong oleh kuasa besar dunia. Dua hari selepas itu, pada beberapa negara lain seperti Ireland, Poland,

¹¹⁵ Ibid.

¹¹⁶ Ibid.

Soviet Union dan lain-lain negara telah mengiktiraf kewujudan negara Israel. Secara rasminya, Amerika Syarikat telah menyokong kewujudan negara Israel pada 31 Januari 1949. Oleh itu, pengisytiharaan kewujudan negara Israel ini telah melukakan hati masyarakat dan penduduk Palestin. Peristiwa itu telah mengesahkan bahawa sosio – politik Timur Tengah akan bermula dengan landskap yang baru¹¹⁷.

Maka, sebahagian sarjana berpendapat bahawa kewujudan Negara Israel tidak dapat sebarang dokongan dari aspek undang-undang antarabangsa. Dalam perkara ini, Cattan berpendapat bahawa Israel tidak memenuhi syarat-syarat bagi mewujudkan sebuah negara dibawah undang-undang antarabangsa. Syarat-syarat yang itu ialah ia mempunyai tiga keperluan iaitu yang pertamanya masyarakat (people). Keduanya, sebuah wilayah yang mempunyai sempadan tersendiri (defined territory). Terakhir sekali yang ketiga, kerajaan (Government)¹¹⁸.

Pendapat Cattan lagi, sebahagian besar Yahudi di Palestin pada waktu itu bukan warganegara Palestin di mana mereka golongan Yahudi ini adalah pendatang (immigrants) yang datang ke Palestin. Akan tetapi, golongan pendatang Yahudi ini telah menghalau penduduk asal Palestin dengan kezaliman, keganasan dan kekerasan. Namun, perkara itu tetap berlaku dan telah membuatkan tertubuhnya negara Israel.

Maka, dapat diterangkan di sini mengenai sejarah kewujudan negara Israel ini, mereka telah berjaya menduduki Palestin dan Barat Baitulmaqdis semasa pengisytiharaan kewujudan negara tersebut pada tahun 1948. Israel telah dapat menguasai daripada seluruh keluasan Baitulmaqdis hampir 81.4%. Pada tahun yang sama, kawasan bahagian Timur Baitulmaqdis atau dikenali dengan panggilan dan nama East Jerusalem masih tidak ditawan lagi oleh Israel. Akan tetapi, Israel terus melebarkan sayapnya untuk menawan dan memiliki kawasan sebanyak 85% dengan membina

¹¹⁷ Mohd Roslan Mohd Noor, Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel, (2010), 45.

¹¹⁸ Ibid., 45.

perumahan dan penempatan bagi orang Yahudi. Mereka telah mengambil tanah milik rakyat Palestin dan kawasan perkampungan orang Arab pula telah dirampas.

Pada peringkat permulaan penaklukan Israel di Palestin, Baitulmaqdis telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Barat dan Timur. Antara dua bahagian tersebut, salah satu bahagian iaitu di Barat telah diperintah oleh Israel. Dalam pada masa yang singkat, Israel telah mengusir seramai 30,000 bangsa Arab keluar dari bahagian Barat Baitulmaqdis. Adapun, bahagian Timur Baitulmaqdis pula telah diletakkan di bawah naungan pemerintahan Jordan. Israel telah berindak menjadikan Baitulmaqdis Barat sebagai ibu kota mereka pada 23 Januari 1950¹¹⁹. Tindakan Israel ini telah membuatkan masyarakat Arab marah kerana Baitulmaqdis merupakan tempat suci yang tidak harus dirampas dengan cara kekerasan dan kezaliman.

Mengenai Palestin menduduki di bawah naungan British pula, setelah pengisytiharaan Palestin diletakkan di bawah *British Mandate* telah memberi laluan mudah kepada Yahudi bagi merampas Palestin. Pada Mei 1980, telah berlaku satu tindakan ekstrim yang telah dilakukan oleh pihak zionis terhadap Masjid al-Aqsa apabila mereka mencuba meletupkan masjid tersebut. Pada 17 Oktober 1989 pula, sekumpulan orang Yahudi telah meletakkan batu-batu berhampiran pintu masuk Masjid al-Aqsa untuk membina Haikal Sulaiman. Golongan Yahudi tersebut percaya bahawa Masjid al-Aqsa merupakan bekas tapak Haikal Sulaiman dan perlu dirobohkan masjid tersebut untuk mendapatkan semula Haikal Sulaiman. Tindakan ini merupakan satu kekacauan yang dilakukan oleh Zionis.

Di sini dapat dilihat juga pihak Zionis mempunyai agendanya untuk menguasai Palestin. Perancangan agenda Zionis yang ingin mereka capai untuk menguasai Palestin adalah tertumpu kepada empat perkara¹²⁰. Pertamanya, melakukan promosi mengikut kesesuaian mengenai penjajahan Palestin melalui sistem pertanian Yahudi dan pekerja

¹¹⁹ Mohd Roslan Mohd Noor, *Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*, (2010), 46.

¹²⁰ Mohd Roslan Mohd Noor, "Konflik Israel – Palestin Dari Aspek Sejarah Modendan Langkah Pembebasan Dari Cengkaman Zionis", *Jurnal Al-Tamaddun* Bil. 5 (2010), 75.

industri. Keduanya, telah mewujudkan organisasi dan kerjasama dengan seluruh jentera Yahudi dengan cara menguasai institusi, tempatan atau antarabangsa dengan mengikut undang-undang setiap negara. Ketiganya pula, menguatkan dan meningkatkan kesedaran serta sentiment kebangsaan Yahudi. Terakhir sekali, yang keempat telah melakukan persediaan untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan dan jika perlu untuk menjalankan tujuan serta agenda Zionis.

Maka, berdasarkan agenda perkara ini, dapat difahami untuk menjayakan agenda Zionis ini yang utamanya, dengan cara melobi bagi mendapatkan pengiktirafan terhadap strategi mereka. Oleh disebabkan kebolehan mereka untuk melobi ini telah menyebabkan kuasa besar pada ketika itu iaitu Britain telah menyokong penubuhan negara untuk orang Yahudi di Palestin ini.

Oleh itu, sehingga kini Yahudi zionis terus mendominasi tanah Palestin. Akibat daripada penjajahan tersebut telah menyebabkan saban hari nyawa rakyat Palestin tergadai. Nasib rakyat Palestin tidak mendapat pembelaan daripada kuasa besar dunia terutama Amerika Syarikat untuk menangani masalah ini. Apa yang berlaku ialah pihak kuasa besar sentiasa memberikan sokongan terhadap Israel dan terus menafikan hak rakyat Palestin yang merupakan penduduk asal tanah tersebut sebelum mereka diusir keluar dengan keganasan dan kezaliman.

Menurut pendapat Yusuf al-Qardawi, mengatakan bahawa bagi umat Islam mereka tidak boleh memerangai orang-orang Yahudi jika hanya mereka orang Yahudi. Akan tetapi, ia berbeza jika penentangan terhadap Zionis yang mana mereka ini berkefahaman masyarakat Yahudi yang ekstrem untuk merampas dan menakluk tanah Palestin bagi mewujudkan negara Israel. Ini menjelaskan, penentangan yang dilakukan terhadap zionis dan Israel adalah kerana mereka telah menduduki tanah Palestin milik masyarakat muslim dan orang Arab.

Maka, orang-orang Arab mempunyai hak untuk menuntut kembali tanah milik mereka. Adapun, disebabkan ketidakadilan kuasa besar dunia terhadap nasib mereka pada abad ini telah membuatkan mereka tidak mampu untuk mendapatkan semula hak mereka. Bahkan, mereka juga dinafikan hak untuk kembali ke Palestin tidak seperti mana orang Yahudi yang dapat menikmati untuk kembali semula ke negara Israel. Di sini, sangat jelas sebab penentangan terhadap mereka berdasarkan sikap tidak adil Yahudi dan keganasan yang dilakukan oleh mereka.

2.5 Kerjasama Turki dengan Israel Pada Peringkat Awal

Berdasarkan pemerintahan sistem sekular yang diwarisi daripada zaman Kemal Ataturk, Ismet Inonu telah menyambung warisan tersebut dan telah membuka laluan untuk bekerjasama dengan Israel. Maka, Negara Turki dan Israel telah menjalinkan hubungan kerjasama antara mereka.

Hubungan kerjasama Turki dengan Israel boleh dilihat berdasarkan dasar luar Turki dengan Israel dari segi diplomatik, ekonomi, ketenteraan dan kesenjataan. Maka, bahagian ini akan menjelaskan secara ringkas kerjasama Turki dengan Israel dari segi diplomatik, ekonomi dan ketenteraan dari tahun 1949-2002.

2.5.1 Kerjasama Turki dengan Israel dari Segi Diplomatik, Ekonomi dan Ketenteraan dari Tahun 1949-2002.

Dari segi diplomatik :

Selepas Turki mengakui kewujudan Negara Israel pada tahun 1949, Turki dengan rasminya telah mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel. Disamping itu, menurut sebuah artikel oleh Jay Alan Sekulow¹²¹, mengatakan bahawa selepas Turki mengiktiraf kewujudan Negara Israel, kedua-dua negara tersebut telah menjalinkan hubungan diplomatik antara mereka.

Oleh itu, hubungan diplomatik antara Turki dan Israel boleh dilihat melalui kerjasama dalam pakatan-pakatan yang mereka persetujui bersama. Terutamanya pada tahun 1950, selepas mengakui kewujudan Negara tersebut dan secara rasminya Turki telah membuat hubungan diplomatik yang pertama dengan Israel melalui penyampaian „Letter of Credence of Seyfullah Esin“ iaitu surat kepercayaan Seyfullah Esin kepada Presiden Israel iaitu Chaim Weizmann¹²². Malah, Israel telah melantik diplomat kanan Eliyahu Sasson sebagai duta Israel di Ankara. Maka, hubungan dua hala antara Turki dan Israel telah mencapai tahap duta pada tahun 1952¹²³.

Pada tahun 1956, hubungan diplomatik mereka berkurangan ke tahap „d'affaires Charges“ akibat dari krisis Terusan Suez¹²⁴ yang mana pada waktu itu Mesir ingin memilikkan Terusan Suez. Hal ini telah mengakibatkan campur tangan PBB (Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu). Terusan Suez merupakan tempat laluan dagang import dan eksport serta memberi keuntungan ekonomi yang banyak kerana ia merupakan tempat laluan pendek atau dikenali „jalan pintas“ antara India, Eropah, Australia dan Timur. Akibatnya, berlaku krisis

¹²¹ Jay Alan Sekulow, “Turkey-Israel Relations”. *Journal of the Oxford Centre for the Study of Law & Public Policy*. 1(1), . (2015). 5.

¹²² Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel In The 2000s: a Constructivist Perspective” (PhD thesis, Middle East Technical University, 2016) (unpublished), 83.

¹²³ Ibid., 85.

¹²⁴ Romanos-Antonios Trechlis. *A Comperative Study of The Turkey-Israel Partnership And The Greece-Cyprus-Israel Axis*. (Centre d'Etudes Diplomatiques et Strategiques d'Athenes – CEDS, 2014), 22.

antara Mesir, Britain, Israel, Inggeris dan Perancis untuk memiliki Terusan tersebut.

Pada tahun 1958, David Ben-Gurion telah mengumumkan penubuhan „The Peripheral Pact“ bagi mengepung dunia Arab. Oleh itu, satu perjumpaan rahsia di antara Perdana Menteri Israel dan Turki iaitu David Ben-Gurion dan Adnan Menderes telah diadakan untuk menubuhkan penubuhan tersebut. Penubuhan ini terdiri daripada Turki, Iran dan Ethiopia serta negara-negara ini mengamalkan pemerintahan sekular. Pakatan ini berlaku disebabkan ketiga-tiga negara ini melihat penguasaan Nasser iaitu presiden Mesir bekerjasama dengan Soviet Union untuk menguasai Timur Tengah amat membahayakan mereka¹²⁵.

Hubungan diplomatik Turki dan Israel berlangsung sehingga tahun 1960. Namun, pada tahun 1964 Turki telah beralih arah dan memberi perhatian kepada Negara Arab dan dunia ketiga akibat dari krisis Cyprus. Krisis Cyprus terjadi adalah kerana pergaduhan antara puak atau etnik Siprus Yunani dan Siprus Turki yang mana masing-masing mengakui kepulauan Cyprus adalah milik mereka. Maka, Turki perlu menyelesaikan krisis tersebut.

Namun, hubungan diplomatik Turki dan Israel masih lagi berterusan tetapi dalam keadaan yang tidak ketara. Ia kerana dari tahun 1973 hingga akhir perang dingin, Turki telah bekerjasama dengan Dunia Arab terutama Palestin. Pada tahun 1980, hubungan Turki dan Israel semakin merosot akibat dari Israel mengumumkan Jerusalem sebagai ibu kota mereka. Tetapi, sejak dari itu sehingga pertengahan 2000 kerjasama Israel dan Turki dalam aspek lain masih dikekalkan. Malah, dengan perubahan sistem pemerintahan Turki selepas

¹²⁵ Abadi, J., "Israel and Turkey: From Covert to Overt Relations," *Journal of Conflict Studies*. 15(2). (1995).

kemenangan AKP sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap hubungan diplomatik antara dua negara ini¹²⁶.

Dari segi ekonomi :

Dari segi ekonomi pula, menurut Allison Good¹²⁷, dalam kajiannya beliau mengatakan bahawa kerjasama Turki dan Israel dalam sektor ekonomi telah bermula dari tahun 1948 hingga 17 Januari 2009. Pada 1950 pula, Israel dan Turki telah menandatangani perjanjian perdagangan yang mana sebuah “koridor udara secara langsung” Turki dibuka di antara Istanbul dan Tel Aviv. Turki juga, telah menjemput Israel untuk mengambil bahagian dalam „Pameran Industri Antarabangsa Izmir“ pada tahun 1951¹²⁸.

Akan tetapi, pada tahun 1956 kerjasama perdagangan antara mereka telah terjejas akibat dari krisis Terusan Suez¹²⁹. Pada tahun 1970 pula, Turki telah bekerjasama dengan Negara Arab dalam krisis minyak dan kurang bekerjasama dengan Israel. Walau bagaimanapun, hubungan perdagangan antara Israel dan Turki mula bertambah baik pada tahun 1980 ia disebabkan kerjasama politik antara mereka. Malah, hubungan perdagangan Turki dan Israel semakin berkembang pada tahun 90-an¹³⁰.

¹²⁶ Ibid.

¹²⁷ Allison Good, “East Mediterranean Natural Gas and Israel’s Regional Foreign Policy” (Master thesis, The George Washington University, 2014), 22.

¹²⁸ Ibid., 23.

¹²⁹ İlhan Güll dan Miraç Yazıcı, “Describing Turkey-Israel Relationships With Its Trade Dimension,” *International Journal of Economics, Commerce and Management*. 4(10) (2016), 105.

¹³⁰ Ibid., 104.

Satu perjanjian „Kerjasama Pelancongan“ telah ditandatangani pada tahun Jun 1992 dan hasil pada tahun tersebut seramai 300 000 ribu pelancong dari Israel melawat Turki dan berterusan setiap tahun serta semakin meningkat¹³¹. Ia berbeza sangat ketara daripada tahun 1986 yang hanya seramai 7000 jumlah pelancong sahaja yang datang melawat Turki. Selain itu, pada tahun 1996 Turki dan Israel telah menandatangani perjanjian kerjasama perdagangan bebas. Ia juga termasuk perubahan secara mendadak telah berlaku apabila pada bulan Mac 1996, Presiden Turki Süleyman Demirel telah datang melawat Israel bagi menandatangani perjanjian kesepakatan mengenai kerjasama ekonomi, perdagangan bebas, mempromosi dan melindungi palaburan dua hala dan pencegahan cukai dua kali. Menjelang tahun 1994, eksport Israel ke Turki tidak lagi melebihi eksport Turki ke Israel.

Perdagangan dua hala antara Turki Israel telah meningkat dan berkembang pesat daripada sebanyak USD 54 juta pada tahun 1987 kepada USD 100 juta pada tahun 1991 dan pada tahun 1995 bertambah sebanyak USD 440 juta serta pada tahun 1998 bertambah lagi sebanyak USD 750 juta. Tambahan pula, pasaran eksport Turki pada Israel semakin meningkat seperti logam, tekstil, bahan kimia dan produk pengangkutan. Maka, kerjasama ekonomi antara Turki dan Israel meningkat dari tahun 1995 hingga 2015¹³². Manakala, kerjasama antara Turki dan Israel dari aspek ekonomi dan keselamatan di sektor awam dan swasta pula telah berterusan sehingga tahun 2000¹³³.

¹³¹ Allison Good, “East Mediterranean Natural Gas and Israel’s Regional Foreign Policy”, 25.

¹³² Ilhan Güll dan Miraç Yazıcı, “Describing Turkey-Israel Relationships With Its Trade Dimension,” 104.

¹³³ Allison Good, 25.

Dari segi ketenteraan :

Berdasarkan ketenteraan pula, melalui sistem ketenteraan Turki yang dikenali Angkatan Tentera Turki (*Türk Silahlı Kuvvetleri-TSK*) yang memainkan peranan penting dalam kerjasama dengan Israel. Menurut Syarif Taghian¹³⁴, Turki telah mengadakan tiga kesepakatan dalam sistem pertahanan dengan Israel iaitu pada tahun 1992, 1993 dan 1994. Pengaruh TSK dalam dasar luar Turki telah membawa kepada termeterainya beberapa perjanjian dalam sistem ketenteraan dan sistem pertahanan Negara Turki dan Israel ketika tahun 90-an. Pada tahun 1992, menteri pertahanan dari Turki dan Israel telah menandatangani dokumen untuk bekerjasama manakala pada tahun 1993 pula, Negara Turki dan Israel menandatangani „Memorandum mengenai Persefahaman Bersama dan Garis Panduan“¹³⁵.

Pada bulan Februari 1996 pula, Turki dan Israel telah menandatangani perjanjian kerjasama di dalam latihan ketenteraan atau dikenali *Military Training Cooperation Agreement* (MTCA). Setelah itu, pada bulan Mac 1996 pihak ketenteraan Turki dan Israel telah mengumumkan bahawa mereka telah sepakat untuk mengadakan latihan ketenteraan bersama. Setelah itu, pada bulan April 1996, 8 buah pesawat tempur F-16 hak milik Israel telah berkunjung ke pengkalan udara Akinci Turki buat kali pertamanya untuk dilakukan latihan bersama dan berlangsung selama seminggu¹³⁶.

¹³⁴ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*.

¹³⁵ Eyal Berelovich. (2014). Turkish-Israeli Military Relations and Security Cooperation. *Turkish Review*. 4(6), 616-624.

¹³⁶ Amalia Putri Handayani, “Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010,” *Jurnal Transnasional*. 3(2), (2012). 2.

Akan tetapi, gabungan pertama kali latihan tersebut dilakukan pada 7 Januari 1998. Kerjasama yang ditandatangani (MTCA) tersebut juga termasuk dalam bentuk kerjasama industri pertahanan di mana, Turki dan Israel telah bersepakat untuk projek meningkatkan sistem lima puluh empat jet tempur F-4 Phantom Turki yang bernilai USD650 juta yang sebelum ini pernah tertunda. Projek tersebut merangkumi pemasangan sistem avionik canggih seperti sistem radar, kemampuan alat *elektronik warfare* dan sistem navigasi dalam pesawat tempur F-4 Phantom Turki¹³⁷.

Selain itu, Turki dan Israel telah menandatangani perjanjian Kesepakatan Kerjasama Industri Pertahanan atau dikenali *Defense Industry Cooperation Agreement* (DICA) yang berkaitan dengan pertukaran keahlian dan pengetahuan teknikal. Pada bulan Disember 1996 pula, Turki dan Israel telah menandatangani Pakatan untuk memasuki Airbone Rescue Systems berkaitan helikopter yang bernilai sebanyak USD 15 Juta. Pada bulan Mei 1997 pula, mereka telah bersepakat bekerjasama dalam menghasilkan peluru berpandu yang bernilai sebanyak USD 100 juta. Pada Disember 1997 ketika Israel telah memenangi satu tender iaitu Israel Aircraft Industries yang bernilai USD 75 juta, ia telah menandatangani kesepakatan dengan Turki untuk menaiktarafkan jet tempur F-5 Turki dan menggantikan tank kereta kebal Turki dengan tank Merkava Israel yang bernilai USD 3 juta¹³⁸.

Di sini, perusahaan-perusahaan industri ketenteraan Israel sering kali mendapat kontrak penjualan senjata ketenteraan kepada angkatan senjata Turki ia termasuklah menerima tender-tender untuk keperluan tentera Turki. Perusahaan Israel ini merupakan penerima utama yang menguntungkan bagi

¹³⁷ Amalia Putri Handayani, "Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010," 3.

¹³⁸ Ibid.

mengadakan peralatan tentera Turki. Kerjasama dalam sektor ketenteraan ini mencapai kejayaan dari tahun 1996 hingga 1998. Pada tahun 2002 pula, perindustrian tentera Israel telah mendapat sebuah tender yang bernilai 668 juta dolar AS (Amerika Syarikat) untuk memperbaharui 170 tank kereta kebal M60.

Pada abad ke-21 pula, kerjasama yang dilakukan kekal dijalankan dan mempunyai beberapa penambahan pakatan yang baru yang akan dilaksanakan. Namun, kesepakatan tersebut harus diberhentikan akibat Turki telah mengeluarkan kata putus untuk menolak kerjasama ketenteraan dengan Israel. Hal ini terjadi kerana, tragedi yang berlaku pada 31 Mei 2010 yang mana Israel telah menyerang kapal Mavi Marmara kepunyaan Turki dalam misi konvoi kemanusiaan mereka untuk membantu Palestin¹³⁹.

2.6 Kesimpulan

Berdasarkan pengkajian bagi bab ini, pengkaji mendapati bahawa Daulah Islam Turki Uthmaniyah merupakan kekuasaan yang kaya dengan pelbagai kebudayaan dari Arab dan Eropah. Ia juga kaya dengan pelbagai latar belakang agama dan budaya kerana empayarnya yang meluas. Maka itu, lahirlah budaya yang bermacam pada suatu masa di dalam empayar ini dan telah berdiri megah di bawah naungan pemerintahan Islam.

Namun, selepas kejatuhan Turki Uthmaniyah yang dikatakan salah satu penyebabnya adalah dari perintah Daulah Turki Uthmaniyah itu sendiri yang semakin

¹³⁹ Ibid., 10.

lemah. Telah berlaku penukaran pemerintahan Turki dari Khalifah Daulah Islam Uthmaniyah kepada sekular iaitu Republik Turki. Sistem ini telah diperkenalkan oleh Kemal Ataturk di mana ia telah menukarkan identiti bangsa Turki ini dengan program pemodenan Kemal dan yang dikenali “Turkifikasi” yang mana, segala identiti dan segala bentuk kepelbagaian dari sistem Khalifah Islam Turki Uthmaniyah telah disingkirkan dari segenap kehidupan masyarakat. Perubahan ini telah membawa pembaharuan yang baharu bagi pemerintahan Turki dan sekaligus Negara Turki dipandang oleh barat dan Zionist.

Sepanjang pemerintahan Kemal Ataturk, ini merupakan kejayaan yang besar baginya apabila satu negara bangsa yang baru telah dibentuk. Banyak perubahan yang dilakukan oleh Kemal Ataturk terhadap pentadbiran dan pemerintahan Turki. Kemal Ataturk lebih cenderung untuk mengamalkan konsep pemerintahan sekular dan mengikut cita rasa Barat. Pada tahun 1924, dengan rasminya Negara Turki sebagai Negara yang mengamalkan sekular dan agama Islam bukan agama rasmi bagi Negara Turki. Namun, elemen Islam sangat sukar untuk diketepikan dalam kalangan masyarakat Turki memandangkan 96 peratus daripada 74 juta penduduk Turki adalah rakyatnya beragama Islam. Walaupun elemen sekular dan barat telah didedahkan kepada segenap rakyat Turki itu tidak bermaksud yang mereka ini kurang mengamalkan ajaran Islam.

Walaupun elemen ini telah membuatkan Kemal Ataturk memberi fokus kepada golongan elit dan intelektual yang mana mereka kebanyakannya berada di kawasan Bandar. Tetapi dapat dilihat, perkara yang berlaku sehingga kini adalah majoritinya rakyat Turki masih memilih Islam sebagai agama mereka dan pada masa yang sama mereka tidak menolak sekular.

Dasar sekularisme Kemal Ataturk telah diwarisi oleh pemimpin-pemimpin selepasnya. Kesenambungan warisan kemalisme ini telah diwarisi oleh rakannya yang telah memerintah Negara Turki selepas kematian Kemal Ataturk iaitu Ismet Inonu. Ismet Inonu telah memerintah dari 1938 hingga 1950. Akan tetapi, semasa pemerintahan Ismet Inonu ini, beliau telah memberikan terhadap rakyat Turki dengan memberi ruang kepada mereka untuk melakukan pelbagai parti supaya kehidupan mereka lebih liberal dan bebas. Maka dari kelonggaran ini, telah wujud dua golongan dan kumpulan dalam kalangan masyarakat Turki. Kumpulan pertama ialah mereka yang tergolong dalam mengikut kumpulan ahli sufi dan tarekat, mereka mahu mengerjakan amalan mereka secara bebas dan ingin mengembalikan kehidupan beragama Islam dalam masyarakat. Golongan dan kumpulan yang kedua pula, mereka yang menginginkan suasana politik yang lebih liberal di mana setiap individu perlu dihormati pegangan politiknya dan kepercayaannya.

Mengenai kewujudan negara Israel pula, ia bermula dengan berlakunya situasi anti-Semitism iaitu anti Yahudi. Anti-Semitism ini telah muncul di Eropah sebelum Perang Dunia II (1939-1945). Maka, akibat dari anti Yahudi ini ramai orang-orang Yahudi telah menjadi pelarian. Dari situasi inilah orang Yahudi percaya bahawa Palestin merupakan tempat yang terbaik untuk membina semula kehidupan mereka dan imej bangsa yang telah rosak.

Pada tahun 1947, Jawatankuasa Khusus PBB terhadap Palestin (UNSCOP) telah menyarankan bahagian Barat Palestin dibahagikan menjadi kepada tiga kategori iaitu, pertamanya sebagai sebuah negara Yahudi, keduanya menjadi sebuah negara Arab dan ketiganya menjadi sebuah wilayah yang diperintah atau dikuasai oleh PBB di sekitar Bandar Baitulmaqdis. Ramai rakyat Palestin menentang rancangan pembahagian ini tetapi, ia tidak dapat memberi kesan sedikit pun. Bermacam-macam situasi telah terjadi dalam menghadapi penubuhan negara Israel ini. Antara yang jelas berlaku ialah ucapan

dan kata-kata sinis dan perang psikologi kepada masyarakat Arab serta wujudnya kumpulan teroris Yahudi iaitu pasukan Irgun dan pasukan Haganah. Kumpulan ini telah melakukan keganasan dan kezaliman terhadap warga Palestin.

Walaupun, Palestin ketika itu masih di bawah mandat British. Melalui kezaliman ini, telah menyebabkan masyarakat Palestin menjadi lemah dan telah membawa kepada kewujudan negara Israel. Maka, pada 14 Mei 1948 Ben-Gurion telah mengadakan upacara untukewartakan kelahiran negara baru iaitu Israel di Tel Aviv Museum.

Oleh yang demikian, pada tahun 1949 di bawah pemerintahan Ismet Inonu ini, Turki merupakan Negara Islam yang pertama telah mengakui kewujudan Negara Israel dan telah membuat pakatan dalam bekerjasama dengan Israel melalui dasar luarnya. Kerjasama dasar luar Turki ini merangkumi dari aspek diplomatik, ekonomi dan ketenteraan.

Dari aspek diplomatik, selepas Turki mengakui kewujudan negara Israel kedua negara tersebut telah menjalinkan kerjasama secara rasmi. Permulaan kerjasama ini melalui penyampaian surat kepercayaan Seyfullah Esin kepada presiden Israel waktu itu Chaim Weizman. Pada tahun 1952, Israel telah melantik Eliyahu Sasson sebagai duta Israel di Ankara. Akan tetapi, hubungan diplomatik Turki dengan Israel berkurangan pada tahun 1956 akibat dari krisis Terusan Suez. Kerjasama mereka mula membaik pada tahun 1958 apabila, Davis Ben-Gurion mengumumkan penubuhan „The Peripheral Pact“ bagi mengepung dunia Arab. Hubungan diplomatik mereka ini berlangsung hingga tahun 2000. Sejak pertengahan 2000 kerjasama antara Turki dan Israel mula mengalami perubahan.

Dari aspek ekonomi pula, pada tahun 1950 Turki dan Israel menandatangani perjanjian perdagangan di mana ruang udara antara Istanbul dan Tel Aviv telah dibuka. Pada tahun 1951, Turki telah menjemput Israel untuk mengambil bahagian di dalam „Pameran Industri Antarabangsa Izmir“. Pada tahun 1992, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Turki dan Israel iaitu „Kerjasama Pelancongan“ dan telah membuatkan seramai tiga ratus ribu pelancong dari Israel melawat Turki dan meningkat dari setiap tahun. Kerjasama ekonomi antara Turki dan Israel telah meningkat dari tahun 1995 hingga 2015.

Kerjasama dari aspek ketenteraan pula, sistem ketenteraan Turki yang dikenali Angkatan Tentera Turki (Türk Silah Kuvvetleri-TSK) yang memainkan peranan penting dalam kerjasama dengan Israel. Turki telah mengadakan tiga kesepakatan dalam sistem pertahanan ketenteraan dengan Israel. Pada tahun 1992, menteri pertahanan Turki dan Israel telah menandatangani dokumen kerjasama. Pada tahun 1993 pula, Turki dan Israel telah menandatangani „Memorandum mengenai Persefahaman Bersama dan Garis Panduan“. Pada bulan Mac 1996 pula, Turki dan Israel telah mengumumkan sepakatan untuk mengadakan latihan ketenteraan bersama.

Oleh itu, pada bulan April 1996 buat kali pertamanya, 8 buah pesawat tempur F-16 milik Israel telah berkunjung ke pengkalan udara Akinci Turki. Pada 7 Januari 1998 pertama kalinya Turki dan Israel bergabung untuk melakukan latihan bersama. Kerjasama dalam aspek ketenteraan ini mencapai kejayaan dari tahun 1996 hingga 1998.

Kerjasama dasar luar Turki dengan Israel ini berterusan dan berkekalan dari tahun 1949 sehingga 2002. Namun, pada abad ke-21, banyak perubahan yang akan berlaku terhadap kerjasama dasar luar antara Turki dan Israel setelah pemerintahan

Turki diperintah oleh Parti AKP (Adalet ve kalkınma Partisi) atau dikenali Parti Kemajuan Dan Keadilan nanti.

Universiti Malaya

BAB 3: BIOGRAFI RECEP TAYYIP ERDOGAN DAN SUMBANGANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TURKI

3.1 Pengenalan

Negara Turki telah mengalami norma baru pada abad ke-21 apabila sebuah parti yang dikenali „Adalet ve Kalkınma Partisi“ iaitu Parti Kemajuan dan Keadilan dengan singkatannya dipanggil AKP telah memasuki dunia politik dan pemerintahan Turki. Pengasasnya ialah seorang sosok ahli politik iaitu Recep Tayyip Erdogan. Selepas Turki membudayakan kehidupan sekular dalam pemerintahannya, sedikit demi sedikit telah berubah mengikut ke arah keIslaman. Banyak perubahan berlaku dalam pemerintahan Turki terutamanya selepas perantikan Perdana Menteri Turki yang baharu dari pihak AKP pada tahun 2003-2014 iaitu Recep Tayyip Erdogan.

Oleh itu, pada bab ini pengkaji akan menjelaskan dan menerangkan mengenai biografi Perdana Menteri Erdogan, sejarah penglibatan beliau dalam politik Turki, sumbangannya dalam membentuk negara Turki dan kesimpulan.

3.2 Biografi Recep Tayyip Erdogan

Nama sebenar beliau ialah Recep Tayyip Erdogan dan telah menjadi Perdana Menteri Turki dari tahun 2003-2014. Banyak perubahan yang telah Erdogan lakukan sekitar pemerintahannya sebagai Perdana Menteri Turki. Menurut Syarif Taghian¹ daripada tajuk bukunya, Erdogan merupakan seorang pembela rakyat, membangun pemerintahan bersih dan meruntuhkan sekularisme Turki. Pembaharuan terhadap Turki yang dilakukannya banyak memberi impak pada Negara Turki dan memberi kesan terhadap pakatan Turki dengan Israel terutamanya.

3.2.1 Sejarah kelahiran dan keluarga

Erdogan telah dilahirkan di Rize yang merupakan sebuah wilayah berhampiran Laut Hitam di utara Turki pada 26 Februari 1954. Erdogan dan keluarganya telah berhijrah ke Istanbul pada tahun 1967 ketika beliau berumur belasan tahun dan juga di besarkan di Kaptanpasa sebuah kawasan yang terletak dalam Kasimpasa, Istanbul². Keluarga Erdogan merupakan keluarga yang miskin dan kehidupan beliau sangat sederhana. Keluarga Erdogan berasal daripada Rize yang terletak di bahagian Timur laut Turki³. Bapanya bernama Ahmet dan ibunya bernama Tenzile. Bapanya seorang yang tegas dalam mendidik anak-anaknya. Menurut pendapat Mohammad Redzuan dan Mashitah Sulaiman di dalam bukunya, bapa Erdogan seorang yang tegas di dalam mendidik anak-

¹ Syarif Taghian, Recep Tayyip Erdogan : *Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, terj. Masturi Ilham dan Malik Supar (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2013).

² Ahmad Azam Ab Rahman et al., *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* (Selangor : PTS, 2016), 31.

³ Ibid.

anaknya terutama dalam pendidikan agama⁴ dan bapanya sangat taat pada perintah agama.

3.2.2 Pendidikan

Pendidikan awal Erdogan adalah bermula di sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Piyalepasa sebuah sekolah yang terletak di Kasimpasa. Pendidikan agama yang formal diterima Erdogan semasa belajar di Madrasah Imam Hatip⁵ dan merupakan pendidikan beliau pada peringkat sekolah tinggi. Beliau belajar di madrasah tersebut pada tahun 1965 dan menamatkan pengajiannya di sekolah yang sama pada tahun 1973⁶. Semasa belajar di madrasah, Erdogan telah menggilap kemahirannya sebagai seorang pemidato dan pembaca puisi yang baik serta di madrasah ini juga, beliau turut dikenali sebagai seorang pemain bola sepak yang handal.

Kemudiannya, Erdogan telah menyambung pengajiannya pada peringkat diploma di Sekolah Tinggi Eyup (Eyup Lisesi) dan seterusnya beliau menyambung pengajian di Universiti Marmara, Istanbul bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan. Di samping belajar, Erdogan turut aktif dalam persatuan dan sukan. Beliau mula aktif dari zaman belajar lagi dan menurut Ahmad Dzakirin di dalam bukunya⁷, Erdogan telah memulakan kerjaya politiknya pada usia yang sangat muda iaitu pada umur 15

⁴ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 102.

⁵ Ibid, 102.

⁶ Ahmad Azam Ab Rahman et al., *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*, 31.

⁷ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangkan Pilihan Raya Umum*. (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2012), 68.

tahun. Beliau pernah dilantik menjadi Pengerusi Kumpulan Belia Milli Selamet Partisi bagi cawangan Istanbul pada tahun 1983⁸.

3.2.3 Perkahwinan

Pada tahun 1978, ketika umur Erdogan 27 tahun beliau telah berkahwin dengan seorang wanita pilihannya yang merupakan seorang aktivis Persatuan Wanita Ideal iaitu Emine Gulbaran⁹. Hasil dari perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu dua orang lelaki dan dua orang perempuan dan dinamakan dengan Ahmet Burak, Necmettin Bilal, Esra dan Sumeyye¹⁰.

3.3 Sejarah Penglibatan Recep Tayyip Erdogan Dalam Politik Turki

Recep Tayyip Erdogan mula meminati dan menceburi dalam bidang politik semenjak dari zaman remaja lagi. Menurut Ahmad Junaidi di dalam jurnalnya¹¹ menerangkan, Erdogan telah menyertai Mili Selamet Partisi (Hizb Salamah Al-Wathani) singkatannya MSP sejak dari remaja lagi. Bagi pendapat Ahmad Dzakirin¹² di dalam bukunya pula, menerangkan Erdogan telah memulakan minatnya dalam politik dari usia 15 tahun lagi.

Jelas di sini menunjukkan, Erdogan telah menceburi bidang politik dari zaman remajanya lagi. Dalam kalangan rakan sepermainannya beliau dipanggil „abang“ kerana

⁸ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 103.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ahmad Junaidi, “Kebijakan Politik Recep Tayyip Erdogan dan Islamisme Turki Kontemporer”, *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia* 6, no. 1 (November 2016), 168.

¹² Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 68.

rakan-rakannya menyanjungi ciri-ciri kepimpinan yang ada pada diri beliau. Maka, dari situ telah nampak ketokohnya dalam memimpin sesuatu persatuan dan menjadi seorang ketua.

Organisasi pertama semasa remaja atau muda yang telah disertai oleh Erdogan ialah Parti Milli Selamat (MSP). Parti ini telah ditubuhkan pada 11 Oktober 1972 oleh Necmettin Erbakan dan merupakan parti Islam kedua yang ditubuhkan oleh Erbakan selepas parti pertama Turki iaitu Parti Milli Nizam (MNP) yang ditubuhkan oleh beliau juga. Tetapi, Parti Milli Nizam (MNP) ini telah diharamkan oleh Mahkamah Perlembagaan Turki pada tahun 1971¹³. Erdogan telah menceburkan diri di dalam bidang politik melalui peranan yang diberikan oleh Necmettin Erbakan kepada beliau. Erbakan telah nampak potensi yang dimiliki oleh Erdogan semasa beliau menuntut di Universiti Marmara.

Necmettin Erbakan merupakan seorang yang disegani oleh Erdogan dan beliau merupakan seorang tokoh idola yang disegani oleh Erdogan. Erbakan juga pernah memegang jawatan sebagai menteri Turki dan selepas itu menjadi Perdana Menteri yang pertama mengamalkan Islam selepas Negara Turki terbentuk dengan pemerintahan sistem sekular. Erdogan telah mengenali susuk tubuh Erbakan sejak dari belajar di Universiti Marmara lagi. Perkenalan dengan Erbakan telah membuka mata dan fikiran Erdogan mengenai politik. Beliau mula belajar dan mengenali politik dengan menyertai Parti Milli Selamat (MSP)¹⁴.

Selama keterlibatan Erdogan di dalam Parti Milli Selamat (MSP), beliau sangat aktif di dalam parti tersebut dan telah membuatkan beliau terpilih sebagai Ketua Pemuda Parti Milli Selamat MSP bahagian Beyoğlu pada tahun 1976. Pada tahun yang sama juga, beliau dilantik menjadi Ketua Pemuda Parti Milli Selamat MSP di wilayah

¹³ Ahmad Junaidi, "Kebijakan Politik Recep Tayyip Erdogan dan Islamisme Turki Kontemporer", 168.

¹⁴ Ibid.

Istanbul¹⁵ dan jawatan ini disandang oleh beliau sehingga tahun 1980 sahaja. Perkara ini, disebabkan oleh pada 12 September 1980 semua parti-parti politik telah diharamkan selepas askar campur tangan di dalam urusan politik. Sepanjang sejarah Turki sebagai Negara Republik telah mengalami rampasan kuasa oleh tentera atau dikenali Kudeta tentera sebanyak empat kali dan kali kelima berlaku pula semasa Recep Tayyip Erdogan menjadi Presiden Turki.

Empat kali rampasan kuasa oleh tentera ini berlaku pada tahun 1960, tahun 1971, tahun 1980 dan tahun 1997 yang juga dikenali sebagai rampasan kuasa pasca-modern atau *post-modern coup*¹⁶. Rampasan kuasa tentera pada 27 Mei 1960, ia berlaku apabila Angkatan Tentera Turki telah menggulingkan pemerintahan pimpinan Perdana Menteri Turki iaitu Adnan Menderes dan Presiden Celal Bayar dari Parti Demokrat. Semasa pemerintahan pimpinan Adnan Menderes ini, beliau telah melonggarkan sekatan terhadap mengamalkan ajaran Islam di Turki telah dianggap sebagai ancaman kepada sekularisme yang diperkenalkan dan diterapkan oleh Mustapha Kemal Ataturk. Dan akhirnya Adnan Menderes telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Pada waktu itu, kuasa tentera amat kuat sehinggakan rejim tentera dapat mencorakkan dan menentukan bentuk politik Turki sehinggakan mereka mampu membuat keputusan yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak pun.

Manakala, rampasan kuasa pada tahun 1971 pula telah berlaku ketika krisis ekonomi yang melanda Negara Turki dan krisis itu terjadi pada penghujung tahun 60-an. Ia juga telah menyebabkan berlakunya kekacauan dalam negara Turki. Maka, pada tahun 1971 Panglima Angkatan tentera pada waktu itu telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Turki iaitu Suleyman Demiral untuk meminta beliau meletakkan jawatan dan akhirnya beliau akur.

¹⁵ Ahmad Azam Ab Rahman, Najmuddin Mohd Nawi & Muhammad Suhail Ahmad, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* (Selangor: PTS Sdn Bhd., 2016), 33.

¹⁶ Ibid., 96.

Rampasan kuasa pada tahun 1980 pula, berlaku disebabkan oleh ketidakstabilan dan kekacauan politik di Turki. Ia berlaku pada 12 September 1980, pada waktu itu tentera telah memanfaatkan kumpulan parti sayap kanan ultranasionalis iaitu MHP (Milliyetçi Harekat Partisi) dikenali juga *Nationalist Movement Party* untuk memusnahkan pengaruh parti kiri. Pihak tentera juga telah membekalkan senjata kepada mereka untuk melakukan beberapa siri keganasan sepanjang tahun 1974 hingga 1980. Selain itu, turut dibenarkan campur tangan secara meluas di dalam politik. Tentera merasakan parti ini sesuai dijadikan sekutunya apabila parti ini pernah bertindak dalam proksi perang melawan Soviet Union. Rampasan kuasa kali ini telah mendapat dokongan daripada Amerika Syarikat. Ini adalah kerana Amerika Syarikat mempunyai kepentingan di dalam melaksanakan *Doktrin Monroe* untuk menghalang kesan pengaruh komunisme di sempadan Asia Tengah¹⁷.

Kudeta tahun 1980 ini merupakan peristiwa politik paling berdarah sepanjang Turki moden di mana seramai 650 ribu orang dipenjarakan dan disiksa dengan teruk. Malah, seramai 299 orang dalam kalangan mereka telah meninggal dunia dan 517 orang dikenakan hukuman mati. Bagi MHP (Milliyetçi Harekat Partisi) pula, parti ini telah dibubarkan. Tentera telah memberikan hukuman terhadap parti ini kerana di atas tuduhan pembunuhan sebanyak 694 kes. Tambahan pula, pemimpin kudeta waktu itu Jeneral Kenan Evres telah memperkuatkan dan memperkukuhkan kuasa ketenteraan dalam membentuk politik awam yang mana Majlis Keselamatan Negara berperanan sebagai alat kekuasaan tentera dalam pembentukan tersebut.

Ketika itu juga, pihak tentera hanya membenarkan pembentukan tiga parti politik sahaja yang menyertai Pilihan Raya Umum. Manakala, bagi ahli politiknya yang sudah berumur seperti Erbakan, Demiral dan Ecevit dilarang mencalonkan diri mereka

¹⁷ Ahmad Dzakirin, *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum* (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn Bhd), 114.

di dalam pilihanraya. Dari hasil kudeta itu juga, Kenan Evren telah dilantik sebagai presiden Turki bagi waktu tujuh tahun berikutnya¹⁸.

Pada tahun 1997 pula, rampasan kuasa tentera berlaku disebabkan kemenangan parti Islam iaitu Parti Refah yang telah dapat membentuk pemerintahan pada tahun 1995. Akhirnya telah membuatkan campur tangan oleh tentera berlaku kerana kerajaan pimpinan Perdana Menteri Necmettin Erbakan ini dilihat telah mengancam sekularisme Turki. Maka, Necmettin Erbakan terpaksa akur dengan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pihak tentera dan akhirnya beliau meletakkan jawatan.

Sepanjang sejarah penglibatan pihak tentera dalam hal ehwal politik, boleh dibahagikan dua jenis tindakan rejim tentera ini berdasarkan perspektif empat rampasan kuasa yang dilakukannya. Dua jenis rejim tersebut diistilahkan sebagai Rejim Pemelihara dan Rejim Veto. Rampasan kuasa tentera pada tahun 1960 dan tahun 1980 telah meletakkan pihak tentera bertindak sebagai Rejim Pemelihara. Campur tangan tentera tersebut dijustifikasikan sebagai melindungi Turki daripada musuh dalaman dan musuh luaran. Manakala, pihak tentera juga mendakwa, mereka dibolehkan dan perlu untuk membersihkan ahli politik yang membuat kacau.

Rampasan kuasa tentera pada tahun 1971 dan tahun 1997 pula dianggap tindakan tentera sebagai Rejim Veto kerana tentera dibolehkan mengambil alih pemerintahan politik secara tidak langsung. Akan tetapi, perlu menggunakan kuasa veto ke atas proses membuat keputusan. Di sini, tentera mempunyai kuasa sama seperti institusi politik awam tetapi berperanan di bawah bayang-bayang tentera¹⁹.

¹⁸ Ahmad Dzakirin, *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 114.

¹⁹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 174.

Berdasarkan jenis rampasan kuasa pula, jenis rampasan pada tahun 1960 dikenali sebagai Coup d'état. Rampasan kuasa tentera pada tahun 1971 pula, dipanggil Coup melalui memorandum dan jenis rampasan kuasa pada 1980 pula, dipanggil sebagai Coup d'état sama dengan rampasan kuasa tahun 1960. Jenis rampasan kuasa yang terakhir ialah Coup "pascamoden" memaksa kerajaan meletak jawatan melalui MGK iaitu Majlis Keselamatan Negara²⁰. Dalam sejarahnya Kudeta tentera ini, ada pemimpin zaman Republik Turki telah mati akibat dari rampasan kuasa tersebut. Di sini dapat dilihat peranan dan kekuatan yang ada pada tentera yang ditinggalkan oleh warisan Kemal Atatürk sangatlah kuat. Perubahan yang ingin dilakukan oleh pemimpin selepasnya terutama pemimpin yang ingin kembalikan semula suasana Islam dan ciri-ciri Daulah Uthmaniyah perlu mengambil masa yang panjang.

Setelah itu pada tahun 1983 selepas tamat pemerintahan tentera, Recep Tayyip Erdoğan telah kembali di dalam politik dengan melibatkan diri di dalam Parti Refah (RP). Parti ini ditubuhkan bagi meneruskan ciri-ciri politik Islam di Turki²¹. Erdoğan telah dipilih sebagai ketua Parti Refah (RP) Daerah Beyoğlu pada tahun 1984, sebagai ketua Parti Refah (RP) Wilayah Istanbul pada tahun 1985 dan beliau juga dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pusat Parti Refah²².

Oleh yang demikian, dengan jawatan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya Erdoğan telah membangunkan pelbagai projek dan membuatkan ramai masyarakat Turki melibatkan diri di dalam politik terutama dalam kalangan pemuda dan wanita Turki²³. Usaha beliau ini, telah membawa hasil yang positif apabila Parti Refah (RP) memenangi pilihan raya perbandaran Beyoğlu pada tahun 1989 dan memenangi 100 kerusi.

²⁰ Ibid., 174.

²¹ Ibid, 34.

²² Ibid, 34.

²³ Ahmad Azam Ab Rahman, Najmuddin Mohd Nawi & Muhammad Suhail Ahmad, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*, 35.

Selain itu, pada 24 Mac 1994 beliau telah dipilih sebagai Datuk Bandar Bandaraya Istanbul. Kepimpinan beliau sebagai Datuk Bandar telah membuahkan kejayaan dan pencapaian yang sangat luar biasa sehingga beliau berjaya memenangi hati dan keyakinan penduduk Istanbul. Walaubagaimanapun, telah berlaku perkara yang tidak dijangka pada 12 Disember 1997 ketika Erdogan menyampaikan ucapan di Siirt dengan membaca sebuah puisi yang dikatakan telah mengancam sekularisme. Rentetan daripada itu, Erdogan telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan. Beliau juga dilarang terlibat di dalam politik dan jawatannya sebagai Datuk Bandar Bandaraya Istanbul telah dipecat. Oleh itu, beliau tidak lagi aktif di dalam kancah politik selama yang diberikan tempoh sehingga pada 24 Julai 1999²⁴.

Selepas Recep Tayyip Erdogan dibebaskan dan tempoh larangan berpolitik beliau ditamatkan, beliau kembali aktif di dalam politik. Pada tahun 2001, Erdogan bersama dengan rakan-rakannya telah menubuhkan parti yang baru iaitu AK Parti (Adalet ve Kalkınma Partisi) atau dikenali Parti Kemajuan dan Keadilan.

Parti ini, ditubuhkan pada 14 Ogos 2001²⁵ dan Recep Tayyip Erdogan sebagai ketua bagi parti tersebut. Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini telah mencipta sejarah di Turki apabila telah memenangi Pilihan Raya Umum Turki sebanyak tiga kali berturut-turut iaitu pada penggal tahun 2002, 2007 dan 2011. Pada Pilihan Raya Umum Turki yang diadakan pada 3 November 2002, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) telah berjaya memenangi pilihan raya tersebut dengan mendapat 34.3 peratus undian²⁶. Dengan kejayaan ini, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) telah dapat membentuk pemerintahan yang baru di Turki pada tahun 2002.

²⁴ Ibid, 36.

²⁵ Syarif Taghian, 32.

²⁶ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 98.

Dalam Pilihan Raya Umum Turki 2002 ini, saingan terdekat Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ialah Parti Republikan Rakyat (CHP) atau dikenali Cumhuriyet Halk Partisi yang telah mendapat 19.4 peratus undi. Bagi Parti Demokratik Kiri (DSP) atau dikenali Demokratik Sol Partisi yang merupakan pimpinan bekas Perdana Menteri iaitu Bulent Ecevit pula hanya mendapat 1.2 peratus undi. Manakala, Nationalist Movement Party (MHP) atau dikenali Miliyetçi Harekat Partisi hanya mencapai 8.3 peratus undi dan Anavatan Partisi (ANAP) hanya mencapai 5.1 peratus undi. Kedua-dua parti tersebut yang merupakan rakan kerajaan campurannya. Parti-parti lain yang turut bertanding telah gagal mendapat sebarang kerusi di Parlimen. Antaranya ialah Doğru Yol Partisi (DYP) yang memperoleh 9.55 peratus undi, Parti Demokratik Rakyat (DEHAP) atau dikenali Demokratik Halk Partisi telah memperoleh 6.2 peratus undi dan Parti Belia (GP) atau dikenali Genc Partisi telah mencapai 7.25 peratus²⁷ undi.

Bagi Parti Baru Turki atau dikenali Yeni Türkiye Partisi (YTP) mencapai 1.2 peratus undi dan Parti Kesatuan Agung atau dikenali Büyük Birlik Partisi (BBP) mencapai 1 peratus undi. Dalam pilihan raya ini juga, parti yang dipimpin oleh Erbakan iaitu Saadet Partisi (SP) hanya berjaya memperoleh 2.5 peratus undi. Adapun, parti pimpinan Erbakan mengalami kekalahan beliau tetap mengucapkan tahniah di atas kejayaan Erdogan dan AKP serta bersedia untuk memberikan bantuan dan pertolongan kerajaan AKP membangunkan negara sama ada dalam pembangunan ekonomi dan juga pembangunan kerohanian. Berdasarkan peraturan pilihan raya di Turki ini, sesebuah parti perlu memperoleh sekurang-kurangnya sepuluh peratus undi popular sebelum diperuntukkan kerusi. Dalam Pilihan Raya Parlimen 2002 inii hanya AKP dan CHP sahaja yang layak untuk mendapatkan tempat di parlimen. Kejayaan yang dicapai telah membolehkan AKP membentuk kerajaan yang baru di Turki.

²⁷ Ibid., 98.

Di sini dapat dilihat, secara umumnya faktor kejayaan Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) menang dalam pilihanraya 2002 adalah kerana pada waktu itu masyarakat Turki masih lagi memberikan komitmen mereka terhadap gaya hidup dan hubungan dengan Barat akan tetapi, pendekatan Islam yang sederhana yang dibawa oleh Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini dan keyakinan rakyat terhadap mempercayai parti ini telah membolehkannya mendapat mandat daripada rakyat.

Selain itu, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) pada waktu itu bijak memanfaatkan dan membaca sentiment rakyat yang mana pada ketika itu rakyat ketandusan pemimpin yang berwibawa dan yang bertanggungjawab untuk mentadbir Negara. Oleh yang demikian, ketokohan dan penampilan pemimpin seperti Recep Tayyip Erdogan amat dinanti-nantikan oleh rakyat Turki dengan mengharap beliau dapat bersikap adil, bertolak ansur dan telus dalam membawa Negara ke arah pembangunan yang lebih pesat.

Maka, berdasarkan rekod prestasi Recep Tayyip Erdogan yang lepas semasa beliau menjadi Datuk Bandar Istanbul telah membuatkan rakyat yakin bahawa Erdogan mampu menggalas tanggungjawab yang lebih besar dalam memimpin Negara dan rakyat telah membuktikan sokongan mereka melalui peti undi. Selain itu, faktor lainnya rakyat merasa kecewa terhadap kegagalan dan janji kosong parti sekular yang terdiri daripada parti DYP (Doğru Yol Partisi) atau dikenali *True Path Party* dan juga parti ANAP (Anavatan Partisi) atau dikenali *Motherland Party* yang telah menyebabkan mereka menolak kedua-dua parti tersebut dan memberikan pengundian kepada Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP).

Pada Pilihan Raya Umum Turki yang diadakan pada 22 Julai 2007 pula, Parti Kemajuan dan Keadilan ini telah menang di dalam pilihan raya tersebut dengan mendapat 47²⁸ peratus undian dan makin bertambah pengundian dari Pilihan Raya

²⁸ Ibid., 109.

Umum yang lepas. Parti Kemajuan dan Keadilan ini memenangi dengan jumlah kerusi sebanyak 340. Pada Pilihan Raya Umum 2007 ini, AKP mendapat kurang kerusi walaupun berlaku pertambahan undi kerana AKP telah berkongsi kerusi dengan ahli parlimen parti yang lain iaitu Parti MHP, DTP, CHP dan ahli parlimen bebas²⁹.

Setiapnya mendapat undian yang diperolehi bagi MHP merupakan Milliyetçi Harekat Partisi atau dikenali Nationalist Movement Party mendapat 71 kerusi. DTP pula merupakan parti Democrat Turkey Partisi tidak diketahui berapa kerusinya dan CHP merupakan parti Cumhuriyet Halk Partisi atau dikenali sebagai Parti Republikan Rakyat telah mendapat 111 kerusi serta Parti Bebas telah mendapat 28 kerusi.

Manakala, Pilihan Raya Umum 2011 pula, berlaku pada tanggal 12 Jun 2011. Sekali lagi Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini telah menang dengan undi sebanyak 49.9 peratus dengan 327 kerusi³⁰ walaupun peratusnya meningkat sebanyak tiga peratus berbanding pilihan raya sebelumnya, namun jumlah kerusi Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) merosot berbanding dengan tahun 2007³¹. Pada pilihan raya kali ini, saingannya iaitu CHP di bawah kepimpinan Kemal Kilicdaroglu telah memperolehi 25.98 peratus undian. Manakala, MHP pula yang diketuai oleh Devlet Bahçeli telah mendapat sebanyak 13.03 peratus undi. Bagi calon bebas pula, blok undinya yang disokong oleh Parti Keamanan dan Demokrasi (BDP) telah memperolehi 6.57 peratus undi.

Berdasarkan pembahagian daripada undi ini secara keseluruhannya, CHP memenangi sebanyak 135, MHP memperolehi sebanyak 53 kerusi undi dan calon Bebas pula mendapat 35 kerusi undi daripada keseluruhan 550 kerusi parlimen. Dalam Pilihan Raya Umum 2011 ini, sebanyak 15 parti politik dan 200 calon Bebas bertanding bagi merebut 550 kerusi parlimen ini. Selain itu, seramai 349 muka baru telah muncul dalam

²⁹ Ibid., 110.

³⁰ Ibid., 115.

³¹ Ibid.

pilihan raya kali ini dan adanya pertambahan jumlah calon wanita yang memperolehi kerusi yang semakin meningkat daripada 45 pada tahun 2007 kepada 78 ahli dalam tahun 2011³².

Dari segi sejarah, pada pilihan raya kali ini, kemenangan yang dicapai oleh AKP ini sangat istimewa dan unik di dalam lipatan sejarah pelaksanaan politik yang perlbagai di Turki. Ini adalah kerana AKP telah memenangi tiga kali penggal pilihan raya berturut-turut selain daripada Parti Demokrat sahaja yang pernah berjaya mempertahankan tiga penggal pentadbiran di antara tahun 1950 hingga tahun 1960. Dalam perkara ini, yang membezakan kemenangan parti tersebut ialah AKP telah berjaya meningkatkan undi popularnya setiap kali pilihan raya manakala, DP pula telah mengalami kemerosotan dalam pengundian bagi penggal kedua dan ketiga pemerintahannya.

Dari segi demografi pula, pilihan raya kali ini merupakan pertama kali AKP mendominasi terhadap tujuh wilayah utama dengan mendapat undian tertinggi dan hampir memenangi sebahagian besar Majlis Perbandaraan ia termasuklah dua Bandar utama iaitu Istanbul dan Ankara. AKP juga telah berjaya mengalahkan CHP di wilayah Antalya yang merupakan kawasan kuatnya yang diwakili oleh bekas Pengerusi CHP iaitu Deniz Baykal.

Menurut pendapat Richard Falk dalam analisisnya³³, ekoran daripada Pilihan Raya Umum 2011 telah membawa kepada implikasi dua aspek penting terhadap Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) dan pemerintahan Erdogan ianya dari aspek dalaman dan luaran.

³² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 116.

³³ Ahmad Dzakirin, *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 50.

Bagi aspek dalaman, pada Pilihan Raya Umum 2011 AKP masih lagi belum cukup memperolehi majoriti kerusi di peringkat Parlimen. Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) memerlukan sebanyak tiga kerusi lagi untuk mencapai 330 kerusi bagi mendapat kelulusan referendum reformasi terhadap perlembagaan. Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) tidak dapat mengajukan pindaan perlembagaan tanpa bekerjasama dengan parti yang lain khususnya daripada Parti Republikan Rakyat (CHP) yang telah mendapat sebanyak 135 jumlah kerusi. Bagi MHP (Parti Gerakan Kebangsaan) pula, kecenderungan untuk AKP mendapat sokongan daripada parti tersebut semakin merosot akibat daripada kes yang melibatkan beberapa pemimpin tertingginya sebelum pilihan raya diadakan. Ia telah merosakkan imej parti tersebut.

Nasib keberuntungan telah memihak kepada Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) apabila parti properjuangan masyarakat Kurdi BDP (*Barış ve Demokrasi Partisi*) atau dikenali *Peace and Democracy Party* telah muncul sebagai parti yang semakin berpotensi dengan jumlah dan peratus undinya meningkat. Khususnya peningkatan pengundian di kawasan utama penduduk Kurdi iaitu di tenggara Turki. Untuk mendapatkan kerusi di parlimen, BDP telah bertanding di atas tiket bebas kerana calon bebas tidak terikat dengan peraturan 10 peratus undi di dalam sistem berdasarkan "proportional representation". Maka, dengan dasar dan reformasi Erdogan terhadap kaum Kurdi ini telah membuatkan BDP bergabung bagi Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) membentuk kerajaan di Turki.

Manakala dari aspek luaran pula, kemenangan AKP dalam Pilihan Raya Umum 2011 telah memberikan kesan yang positif dalam perkembangan demokrasi di Timur Tengah. Telah terjadi kerjasama diplomatik Turki di kawasan Timur Tengah dan telah memberikan jalan untuk menangani masalah campur tangan Amerika Syarikat (AS) dan Barat di kawasan Timur Tengah. Berdasarkan prestasi ekonomi yang meningkat dan kepimpinan Islam yang dibawa oleh AKP telah memberi daya tarikan bagi negara-

negara Islam yang lainnya. Menurut Richard Falk lagi, kemajuan dan matlamat kepimpinan AKP merupakan salah satu kemajuan politik yang paling menakjubkan di dalam abad ke-21 ini. Dalam ucapan Erdogan ada menyebutkan kemenangan AKP akan menjadi kemenangan bagi dunia Islam dan kawasan Timur tengah. Walau bagaimanapun, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini telah mencapai rekod tiga kali berturut-turut mendapat kemenangan di dalam Pilihan Raya Umum Turki.

Berdasarkan penubuhan Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) dan mendapat kemenangan di dalam Pilihan Raya Umum 2002, sepatutnya Erdogan dapat dilantik menjadi Perdana Menteri Turki. Namun, Erdogan tidak dapat dilantik menjadi Perdana Menteri ketika itu kerana hukuman yang pernah dikenakan terhadapnya yang melarang beliau berpolitik. Setelah itu, pindaan undang-undang telah dibuat ke atas beberapa peruntukan bagi melucutkan segala tuduhan dan hukuman terhadapnya dan beliau telah dibenarkan berpolitik³⁴. Setelah itu, pada tahun 2003 Erdogan telah bertanding di pilihan raya kecil yang dilakukan di tempat yang bernama Siirt. Beliau telah memenangi kerusi Parlimen Turki sebanyak 85 peratus di dalam pilihan raya tersebut.

Maka, pada 18 Mac 2003 Recep Tayyip Erdogan telah dilantik sebagai Perdana Menteri Turki bagi menggantikan Abdullah Gul yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Turki buat sementara waktu³⁵. Oleh yang demikian, telah terbentuknya kabinet di bawah pimpinan Erdogan yang anggotanya terdiri daripada kalangan professional dan para akademik dengan pelbagai latar belakang. Mereka ialah Abdullah Gul sebagai Menteri Negara dan Menteri Hubungan Luar, Dr Abdullah Sener dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Negara, Mehmet Ali Sahin juga sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Negara, Prof. Dr. Besir

³⁴ Ibid, 99.

³⁵ Ibid.

Atalay, Ali Babacan, Prof. Dr. Mehmet Aydin, Kursat Tuzmen dan Guldal Aksit yang masing-masingnya telah dilantik sebagai Menteri Negara³⁶.

Manakala, ahli lain yang turut dilantik ialah Cemil Cicek seorang pemimpin konservatif yang menyandang jawatan Menteri Keadilan, Mehmet Vecdi Gonul dilantik sebagai Menteri Pertahanan Negara, Abdul Kadir Aksu sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kemak Unakitan sebagai Menteri Kewangan, Huseyin Lelik sebagai Menteri Pelajaran, Zeki Ergezen sebagai Menteri Negara, Prof. Dr. Recep Akdag sebagai Menteri Kesihatan, Binali Yildirim sebagai Menteri Pengangkutan, Prof. Dr. Sami Guclu sebagai Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, Murat Baseskioglu sebagai Menteri Buruh dan Keselamatan Sosial, Ali Coskun sebagai Menteri Industri dan Perdagangan. Selain itu, mereka yang turut dilantik termasuklah Dr. Helmi Gulcer sebagai Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Erkan Mumcu sebagai Menteri Kebudayaan dan Pelancongan dan Osman Pepe dilantik sebagai Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan. Kepimpinan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan ini banyak mencorakkan hala tuju bagi kerajaan AKP.

Selepas kemenangan AKP pada tanggal 12 Jun 2011 pula, menjelang 5 Julai 2011 Recep Tayyip Erdogan selaku Perdana Menteri Turki telah mengumumkan kabinet yang baru setelah dipersetujui oleh Presiden Turki iaitu Abdullah Gul³⁷. Seramai 25 orang menteri telah dilantik ia terdiri daripada enam orang muka baru, seorang wanita dan lain-lainnya dikekalkan daripada kabinet yang lepas. Kabinet Kerajaan Turki yang ke-61 ini dibarisi oleh Timbalan Perdana Menteri Bülent Arınç, Ali Babacan, Beşir Atalay dan Bekir Bozdağ. Jawatan Menteri Keadilan pula disandang oleh Sadullah Ergin, Menteri Dasar Sosial dan Keluarga pula oleh Fatma Şahin, Egemen Bağış sebagai Menteri Teknologi, Industri dan Sains, Nihat Ergün pula sebagai

³⁶ Ibid., 101.

³⁷ Ibid., 121.

Menteri Keselamatan Sosial dan Buruh, Faruk Çelik sebagai Menteri Urbanisasi dan Alam Sekitar dan Ahmet Dovutoğlu sebagai Menteri Luar.

Selain itu juga, barisan kabinet ini juga terdiri daripada menteri-menteri yang berada di dalam bidang kuasa seperti Zafer Çağlayan sebagai Menteri Ekonomi, Tamer Yılmaz sebagai Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Suat Kılıç sebagai Menteri Belia dan Sukan, Mehmet Mehdi Eker sebagai Menteri Simpanan Bekalan, Pertanian dan Makanan, Hayati Yazıcı sebagai Menteri Perdagangan dan Cukai, İdris Naim sebagai Menteri Dalam Negeri, Cevdet Yılmaz sebagai Menteri Pembangunan, Ertuğrul Günay sebagai Menteri Budaya dan Mehmet Şimşek sebagai Menteri Kewangan³⁸.

Selain itu, antara jawatan yang terpenting dalam Kabinet kerajaan AKP adalah diwakili oleh Ömer Dinçer sebagai Menteri Pelajaran, İsmet Yılmaz sebagai Menteri Pertahanan, Veysel Eroğlu sebagai Menteri Sistem Bekalan Air dan Perhutanan, Recep Akdağ sebagai Menteri Kesihatan dan Binali Yıldırım sebagai Menteri Pengangkutan. Pengisytiharaan barisan Jemaah Menteri dan ahli kabinet kerajaan AKP bagi penggal ketiga ini menandakan bahawa adanya episod baharu bagi parti yang memperjuangkan nasib rakyat Turki di mana majoritinya beragama Islam.

3.4 Sumbangan dan Jasa Recep Tayyip Erdogan kepada Turki

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati banyak perubahan dan jasa yang dilakukan oleh Recep Tayyip Erdogan sehingga membuatkan rakyat Turki meminati dan menyokong Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki dan sekaligus membuatkan beliau pada tahun 2015 telah menjadi Presiden Turki.

³⁸ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, 121.

Antara jasa-jasa dan perubahan di Turki yang telah Recep Tayyip Erdogan lakukan ialah semasa beliau menjadi Datuk Bandar Istanbul pada tahun 1994, beliau telah menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku contohnya bekalan air yang tidak mencukupi dengan menambahkan lagi saluran paip sepanjang ratusan kilometer. Begitu juga dengan masalah sampah sarap di mana, Erdogan telah memperkenalkan sistem kitar semula yang moden dan telah menubuhkan Syarikat Pemprosesan Sisa Buangan dan Persekitaran Istanbul (ISTAC A.S.). Syarikat ini ditugaskan untuk mengutip sampah dan memproses mengitar semula serta pekerjaan ini dilakukan tanpa henti selama 24 jam sama ada dilakukan di darat atau pun di lautan.

Beliau juga telah mengurangkan pencemaran udara dengan memperkenalkan projek memindahkan gas semula jadi. Isu kesesakan lalu lintas juga terkawal apabila Erdogan menyuruh masyarakat Turki menggunakan pengangkutan awam dan telah membina lebih dari 50 buah jambatan baru³⁹. Selain itu, Recep Tayyip Erdogan juga telah berjaya menghapuskan amalan rasuah sehingga membolehkan membuat bayaran balik sebanyak lebih dari USD2 bilion hutang Majlis Bandaraya Istanbul yang dulu dan juga dapat menarik pelaburan yang baharu sebanyak USD4 bilion.

Antara sumbangan dan jasa yang dilakukan Recep Tayyip Erdogan semasa memegang tampuk pemerintahan Turki terutama semasa beliau menjadi Perdana Menteri Turki ialah antaranya beliau cuba sedaya upaya untuk mewujudkan persekitaran yang aman dan makmur untuk rakyat dan membina sebuah negara yang bersatu dengan kepelbagaian yang wujud. Hala tuju yang cuba dicapai ialah untuk mengamalkan demokrasi, berkembang secara dinamik dan menghidupkan hasrat menjadi bangsa yang terhormat.⁴⁰ Di dalam usaha untuk mempertingkatkan kebajikan rakyatnya, Erdogan telah merancang menyediakan insentif kepada golongan miskin yang mempunyai purata pendapatannya kurang dari TL 1,500 (USD 560). Golongan

³⁹ Ahmad Azam Ab Rahman, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*. (Publishing House : Selangor, 2016), 80.

⁴⁰ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 104.

miskin ini mereka diberikan pengecualian cukai dan pembayaran premium keselamatan sosial. Bagi membangunkan kawasan luar Bandar, tanah telah diperuntukkan kepada golongan petani dan pelabur. Erdogan mengambil langkah ini untuk menghapuskan jurang perbezaan di antara wilayah barat Turki yang lebih maju dengan wilayah timur Turki yang agak mundur.⁴¹

Selain itu, jasa dan sumbangan Erdogan yang paling membanggakan ialah membebaskan hutang Turki dengan membayar sebanyak USD23.5 bilion dengan jumlah yang penuh. Turki telah menjadi salah satu Negara daripada 11 buah Negara yang berjaya bebas dari hutang IMF (International Monetary Fund) atau dikenali Tabung Mata Wang Antarabangsa setelah 19 tahun dibelenggu hutang tersebut. Ini merupakan antara satu kejayaan yang besar apabila Negara Turki tergolong dalam satu per enam daripada 70 buah Negara yang berhutang dengan IMF (International Monetary Fund) ini.⁴²

Hal ini berkaitan dengan perubahan yang berlaku terhadap ekonomi Turki. Selepas (AKP) memenangi Pilihan Raya Umum pada 2002. Walaupun kejayaan AKP dapat membentuk kerajaan yang kukuh dan selesa di peringkat parlimen dilihat dapat menjuruskan ekonomi negara Turki ke kancang krisis ekonomi yang terbaru pada masa akan datang. Berdasarkan sokongan kuat dari rakyat, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) telah mengambil langkah dan strategi untuk cuba mengelakkan Turki daripada terus mengikut telunjuk Barat terutamanya Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Negara Turki telah lama diletakkan di bawah program bantuan kewangan IMF bagi memulihkan ekonominya tetapi telah menjerumuskan Turki ke kancang krisis ekonomi. Perkara ini, telah mengakibatkan negara Turki mendapat kawalan yang ketat terhadap

⁴¹ Ibid.

⁴² Ahmad Azam Ab Rahman, Erdogan Bukan Pejuang Islam? 81.

perbelanjaanya dan cukai telah dinaikkan sekali gus membuatkan kedudukan ekonomi makronya menjadi lemah⁴³.

Oleh itu, kerajaan Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) telah menunjukkan komitmen yang menyeluruh terutama di dalam proses bagi menstabilkan dasar fiskal di bawah kawalan seliaan pihak Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Maka, dua tahun selepas itu kerajaan AKP telah membuktikan bahawa mereka berjaya membawa ekonomi Turki ke peringkat yang lebih kukuh. Ini terbukti dengan beberapa pemulihan seperti penambahan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang jauh lebih tinggi sehinggakan mencecah kepada 12 peratus pada tahun 2004 dan juga inflasi yang lebih rendah daripada jangkaan IMF. Ini juga telah membuatkan keyakinan yang tinggi kepada pelabur asing dan tempataan untuk menjalankan perniagaan di negara Turki.

Kerajaan AKP ini telah berjaya mencapai sasaran pemulihan ekonomi lebih awal daripada yang disarankan oleh pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Hasil daripada pemulihan itu, pada tahun 2004 kerajaan AKP telah berjaya melakukan reformasi terhadap institusi kewangan dan perbankan Turki. Di sini, sistem kewangan Turki telah mengalami perubahan iaitu Perdana Menteri Erdogan telah memperkenalkan sistem mata wang yang baharu. Telah dihapuskan enam angka kosong di dalam mata wang Lira Turki oleh Bank Pusat. Penghapusan angka kosong ini telah dicadangkan dari tahun 2001 lagi jika terjadi kadar inflasi menurun. Apabila mendapat kelulusan Perhimpunan Agung Kebangsaan dan persetujuan kabinet, Perdana Menteri Turki iaitu Recep Tayyip Erdogan telah mengumumkan bahawa enam digit kosong terakhir pada Lira Turki dibuang. Ia berkuatkuasa pada 1 Januari 2005 dan sekali gus mata wang lira yang baharu telah diperkenalkan.

⁴³ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 125.

Perdana Menteri Erdogan juga menyatakan rasional sebab penyingkiran angka kosong ini ialah kerana untuk memberi keyakinan dan reputasi terhadap mata wang negara. Bagi Erdogan, mata wang yang dipenuhi angka kosong tidak akan membawa kepada penghormatan terhadap nilai mata wang negara itu. Pemansuhan enam digit kosong membolehkan satu YTL (Lira Turki Baharu) bersamaan dengan satu juta Lira yang lama. Maka, dalam dua tahun pemerintahan kerajaan Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) mata wang Turki menjadi semakin kukuh di mana menjadikan 1.5 Lira kepada satu dolar AS (Amerika Syarikat). Jika dibandingkan sebelum ini, Turki merupakan satau-satunya negara di dunia yang mengeluarkan nota bank 20 000 000 Lira Turki dan disebabkan mata wang yang baharu ini menjadikan angka tersebut kepada 20 YTL⁴⁴.

Menurut Perdana Menteri Erdogan, Lira Turki yang baharu ini menampakkan Turki sebagai sebuah negara yang ekonominya sangat kukuh. Walaupun, ada sesetengah pihak menganggap perubahan ini berbentuk sebagai „kosmetik“ namun, Erdogan menolak tanggapan tersebut. Pengisytiharaan simbol mata wang Lira Turki pula adalah pada 1 Mac 2012 dan diumumkan oleh Bank Pusat Turki. Perdana Menteri Erdogan telah menggambarkan cita-cita kerajaan AKP untuk terus mengukuhkan Lira Turki sebagai mata wang global dan memacukan negara sebagai „pemain utama“ di dalam ekonomi antarabangsa. Hasil kaji selidik dari Bank Pusat Triennial terhadap Aktiviti Tukaran Asing dan Pasaran Terbitan (Foreign Exchange and Derivatives Market Activity) dan Bank Penyelesaian Antarabangsa (Bank for International Settlements), institusi kewangan antarabangsa ini menyokong usaha mengukuhkan mata wang Lira ini⁴⁵.

Berdasarkan kajian tersebut, kitaran Lira di peringkat pasaran global telah meningkat mendadak tiga kali ganda di antara tahun 2007 hingga 2010 dan Lira juga

⁴⁴ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 127.

⁴⁵ Ibid., 128.

sebagai unsur pelaburan telah diperdagangkan di pasaran global selama 24 jam sehari. Perubahan ini merupakan motivasi yang penting bagi Turki setelah mengalami paras inflasi yang tinggi sejak sekian lama. Semenjak dari tahun 2004 juga, keadaan ekonomi makro Turki semakin pulih dan berupaya tahan jika mengalami sebarang masalah.

Selain itu, untuk menstabilkan ekonomi Turki dan membebaskan dari hutang luar negara Erdogan juga telah membuat proses penswastan syarikat milik negara dan sistem keselamatan sosial. Bagi mengukuhkan lagi ekonomi Turki, Erdogan juga telah membuat pendekatan kepada golongan pekerja atau buruh terutama pekerja kolar biru. Di Turki ada sebuah kesatuan pekerja yang terkenal iaitu Persekutuan Kesatuan Pedagang Turki atau dalam bahasa Turkiya *Türkiye İşçi Sendikaları Konfederasyonu* dipanggil juga Turk Is. Ia juga merupakan sebuah kesatuan perdagangan terbesar di negara itu. Kesatuan ini telah ditubuhkan sejak tahun 1952 lagi dan sekarang ahlinya seramai 1.9 juta⁴⁶. Berdasarkan sejarah, Turk Is ialah sebuah penubuhan perdagangan dan perniagaan yang bekerjasama dengan pihak kerajaan serta tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan juga tidak menentang kemasukan Turki ke dalam Kesatuan Eropah. Akan tetapi, kesatuan perdagangan ini menentang reformasi terhadap dasar buruh dalam negara itu.

Hasil inisiatif dari kerajaan AKP terhadap golongan pekerja ini, kadar pengangguran mampu berada pada tahap yang terkawal. Dalam tempoh tahun 2004 hingga 2007, purata kadar pengangguran di Turki 10.5 peratus sahaja tetapi meningkat sedikit kepada 12.3 peratus pada tahun 2008 hingga 2010 akibat dari penguncupan ekonomi Eropah. Namun, kadar tersebut berjaya dipulihkan kembali dalam pada masa setahun daripada 11.2 peratus pada bulan Oktober 2010 kepada 9.1 peratus pada Oktober 2011⁴⁷. Penurunannya beza sebanyak 2.1 peratus dan ini merupakan satu lagi

⁴⁶ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman., 134.

⁴⁷ Ibid., 135.

kejayaan dan sumbangan yang dicapai oleh Turki dalam menangani masalah ekonomi negara yang turut dibantu oleh kekuatan sumber manusia.

Permasalahan dan kemelut mengenai pengangguran golongan pekerja ini sebenarnya sudah melanda di negara Turki sejak sekian lamanya lagi dan diwarisi daripada kerajaan-kerajaan sebelumnya lagi. Sejak Parti Kemajuan dan Keadilan AKP mengambil alih kuasa kerajaan, segala permasalahan sedikit demi sedikit telah berjaya ditangani. Dengan dasar kepimpinan parti AKP yang berlatarbelakangkan Islam, Perdana Menteri Erdogan telah menggunakan pendekatan rundingan “persaudaraan” di antara pihak korporat dengan pekerja⁴⁸.

Disebabkan golongan pekerja ini tertakluk dengan syarat keahlian Kesatuan Eropah (EU) khususnya di dalam soal hubungan industri, telah menyumbangkan kerajaan AKP lebih mengambil berat untuk menyelesaikan masalah ini. Di bawah The Accession Partnership Document, Turki perlu meningkatkan lagi dialog sosial di antara pihak majikan dengan pihak pekerja bagi selaras dengan budaya dan model sosial Eropah. Setiap negara yang ahli EU perlu dan diwajibkan mengadakan budaya dialog sosial dan hubungan industri. Ia adalah demi memastikan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan dapat mewujudkan suasana perniagaan yang lebih mesra dan kondusif untuk pembangunan dan kemajuan bagi jangka masa panjang.

Perubahan lain yang dilakukan pula ialah, larangan bertudung bagi kaum wanita telah dimansuhkan. Didapati bahawa, sebelum ini Kemal Ataturk telah melarang kaum wanita memakai tudung dan kaum lelaki memakai tarbus atau dikenali sebagai *fez*. Larangan ini merupakan salah satu tindakan untuk memperkenalkan Reformasi Ataturk dan amalan pemaikaian ini telah dilarang oleh Ataturk sehingga wujudnya Undang-undang Topi 1925 dengan mengenakan hukuman bagi sesiapa yang memakai *fez*.

⁴⁸ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemeraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 136.

Namun, tindakan dan hukuman yang khusus untuk wanita yang bertudung pada zaman Kemal Ataturk tidak dikenakan. Namun, semasa junta tentera berjaya mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 1980 telah menguatkuasakan larangan pemakaian bertudung bagi kaum wanita sehingga kawasan larangan bertudung telah diperkenalkan terutama di tempat pejabat pentadbiran, universiti, sekolah dan hospital⁴⁹.

Hal ini, telah menyebabkan sebahagian kaum wanita terpaksa memakai rambut palsu sebagai usaha yang terakhir untuk mendapatkan pekerjaan dan belajar. Maka, selepas 90 tahun Negara Turki dibelenggu dengan pemerintahan sekular, Recep Tayyip Erdogan semasa berucap di Parlimen telah mengumumkan bahawa larangan bertudung dimansuhkan untuk kakitangan wanita dalam sektor pemerintah pada tahun 2013. Susulan dari usul pindaan kepada perlembagaan Negara Turki mendapat undi majoriti dan telah menampakkan tindak balas yang baik dan drastik apabila ramai wanita yang hadir bekerja keesokan harinya telah memakai tudung termasuklah isteri kepada Presiden Turki Abdullah Gul waktu itu. Pemansuhan larangan ini, telah dipanjangkan kepada peringkat sekolah dan universiti awam sehingga telah membenarkan pelajar perempuan berumur 10 tahun dan ke atas untuk memakai tudung⁵⁰.

Pemansuhan ini telah melegakan hati ramai ibu bapa yang mana mereka menginginkan anak-anak perempuan mereka menutup aurat sesuai dengan landasan dan ajaran Islam. Walaupun, di peringkat Parlimen telah dapat penentangan dari pihak pembangkang tetapi usaha yang dilakukan oleh pihak AK Parti (Adalet ve Kalkınma Partisi) ini atas dasar hak asasi manusia dan dasar kebebasan yang selari dengan perlembagaan negara. Di samping itu, Recep Tayyip Erdogan pernah berkata dari ucapannya “Zaman gelap sudah pun berakhir. Wanita bertudung juga adalah rakyat Republik Turki, sama seperti mereka yang tidak bertudung”.

⁴⁹ Ahmad Azam Ab Rahman, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*. (Publishing House : Selangor, 2016), 85.

⁵⁰ Ibid.

Sumbangan dan jasa yang lain yang dilakukan Recep Tayyip Erdogan ialah dengan memperbanyakkan masjid yang dianggap umpama masjid ini tumbuh bagai cendawan. Sejak dari tahun 1990-an lagi, niat Erdogan dengan perjuangan politiknya ingin memartabatkan institusi masjid iaitu dengan memperbanyakkan bilangan masjid untuk meninggikan syiar Islam selain menjadikannya pusat aktiviti komuniti Islam. Maka, di dalam tempoh tampuk pemerintahan Recep Tayyip Erdogan dari tahun 2003 sehingga 2013, beliau telah melakukan dengan membina 17000 masjid yang baharu⁵¹.

Didapati, kesemua masjid tersebut mengekalkan ciri-ciri masjid Daulah Uthmaniyah. Antara masjid terbesar yang baru dibina ialah masjid yang berada di kawasan perumahan mewah Ataşehir yang diberi nama Minar Sinan. Nama masjid berkenaan diambil sempena nama arkitek Daulah Uthmaniyah yang terkenal pada kurun 16 dan masjid ini luasnya 7000 meter persegi dan juga telah menelan belanja sebanyak USD21 juta⁵². Masjid ini bukan sahaja dibina untuk pada ruang solat tapi terdapat juga ruang dan tempat lain di dalam masjid itu dib seperti dewan, pusat jualan, bilik latihan dan halaman yang luas untuk pelbagai aktiviti. Bagi sesetengah masjid yang lain turut juga dibina madrasah iaitu sekolah pengajian Islam di dalam kawasan masjid. Senibina masjid yang mengekalkan ciri-ciri binaan Daulah Uthmaniyah telah menjadi tarikan pelancong untuk mengunjungi masjid tersebut. Ia juga telah membuatkan wujudnya aktiviti sosial di kawasan masjid dengan kedai-kedai jualan dibuka untuk pelancong.

Semasa Recep Tayyip Erdogan melawat masjid yang terletak di puncak Gunung Kible yang setinggi 1130 meter, beliau telah mengarahkan supaya masjid tersebut dibaiki dan dibaikpulihkan dengan menjadikan masjid bersejarah di Üsküdar iaitu masjid Şemsi Ahmet Paşa sebagai contoh model pembaikan. Masjid itu dibaiki akibat daripada binaan asalnya telah terbakar pada tahun 1960 dan digantikan dengan binaan

⁵¹ Ahmad Azam Ab Rahman, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*. (Publishing House : Selangor, 2016), 86

⁵² Ibid.

batu⁵³. Erdogan telah kembali ke masjid tersebut pada tahun 2015 semasa beliau menjadi Presiden Turki bagi merasmikan binaan baharu masjid tersebut. Kepimpinan Erdogan dengan penambahan masjid di seluruh Turki telah membuatkan bertambah yakin rakyat Turki dan mereka merasa sayang terhadap Erdogan. Hal ini kerana, nilai dan ciri estetika sejarah yang dikekalkan seolah-olah telah melambangkan kebangkitan semula Daulah Turki Uthmaniyah yang dapat dibayangi juga oleh masyarakat tempatan.

Erdogan juga menitikberatkan aspek perkembangan pendidikan. Walaupun dasar sekular diamalkan, pendidikan agama masih terus dilaksanakan dengan mengikut kerangka yang dibenarkan oleh perlembagaan. Bermula daripada tahun 2009, graduan dari Madrasah Imam Hatip telah dibenarkan melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi. Yuksek Ogretim Kurulu (YOK) atau dikenali Majlis Pendidikan Tinggi Turki telah menghapuskan sistem yang menggunakan koefisien rendah untuk mengira skor peperiksaan kemasukan ke universiti iaitu Peperiksaan Bagi Pemilihan Pelajar (OSS) bagi graduan sekolah tinggi vokasional⁵⁴.

Pemansuhan sistem ini membolehkan graduan daripada Madrasah Imam Hatip melanjutkan pengajian mereka ke bidang perubatan dan bidang-bidang lain di universiti. Bagi Madrasah Imam Hatip sebelum ini, telah dihadkan pengambilan pelajarinya dan pelbagai sekatan telah dikenakan untuk menghalang perkembangannya. Bagi masyarakat Islam, sekatan yang dikenakan ini boleh menyebabkan terhakisnya pegangan dan pengetahuan Islam terhadap generasi muda. Ia turut memberi kesan yang sangat besar terhadap kesinambungan institusi pendidikan Islam di dalam kalangan masyarakat Turki.

Di Turki terdapat lebih lima ratus buah Madrasah Imam Hatip dan seramai lebih 100,000 orang pelajar yang dididik. Sekolah ini mempunyai kurikulum yang boleh

⁵³ Ibid., 89.

⁵⁴ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemeraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 136.

diikuti sama dengan sekolah-sekolah lain dan mempunyai penambahan kursus lain yang berkaitan Islam. Sejak Januari 2010, kurikulum pendidikan yang telah dilaksanakan di madrasah ini telah dijadikan model bagi sekolah-sekolah pengajian Islam di Turki dan ia juga berkembang ke seluruh dunia. Madrasah ini juga telah menerima peningkatan permohonan pelajar dari 71 buah negara dari luar dan termasuk negara-negara di benua Afrika, bekas Soviet dan Balkan⁵⁵.

Di samping itu, teknik pembelajaran dan kualiti pengajaran di dalam sistem pendidikan turut dipertingkatkan mengikut keperluan semasa. Bagi Majlis Pendidikan Tinggi Turki (YOK) peranannya telah diperkasakan dan menjadi badan yang menyelia serta memastikan tahap pendidikan di universiti berkualiti. Tambahan pula, pada Januari 2003 sebuah Akademi Politik telah ditubuhkan untuk meningkatkan pengetahuan pentadbiran dan politik dalam kalangan pelajar. Ia juga bagi melahirkan generasi pelapis dan pemimpin dalam pentadbiran kerajaan pada masa hadapan. Perubahan di dalam sistem pendidikan ini juga membantu dalam memenuhi kriteria untuk penyertaan Turki ke Kesatuan Eropah.

Usaha dan sumbangan Recep Tayyip Erdogan di dalam pendidikan termasuklah juga beliau telah mewajibkan silibus agama di sekolah. Sebelum itu semasa berlaku Kudeta tentera pada tahun 1997, mereka berjaya menguasai tampuk pemerintahan Turki dan telah menggubal beberapa dasar baharu antaranya ialah dasar pendidikan. Di bawah dasar ini, semua anak-anak diwajibkan bersekolah selama lapan tahun berbanding lima tahun yang menurut undang-undang sebelum ini. Sebelum ini, ibu bapa bebas menghantar anak menyambung pengajian sama ada di peringkat sekolah menengah, sekolah kebangsaan, agama termasuk juga sekolah Imam Hatip yang asalnya

⁵⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 137.

merupakan sekolah yang melahirkan ramai imam dan pendakwah di masjid atau pun sekolah vokasional⁵⁶.

Sejak perubahan yang dilakukan oleh Kudeta tentera ini, ibu bapa sukar untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama. Peperiksaan untuk menilai anak-anak masuk ke universiti juga diperketatkan bagi menyukarkan pelajar lulusan dari sekolah agama Imam Hatip mengikuti pengajian selain agama di universiti. Tindakan yang dilakukan ini telah berjaya mengurangkan pelajar untuk memasuki ke sekolah Imam Hatip dengan kadar dua peratus berbanding sebelum ini sebelas peratus pelajar memasuki pelajaran di sekolah Imam Hatip ini. Ia berlaku juga, kadar kemasukan di universiti bagi lepasan dan lulusan dari sekolah Imam Hatip menurun secara drastik dari 75 peratus pelajar kepada 25 peratus pelajar. Maka, situasi ini berubah apabila Recep Tayyip Erdogan mula mengambil alih tampuk pemerintahan.

Bermula pada tahun 2002 dari tahun AK Parti memenangi pilihan raya, seramai 65000 pelajar telah mengikuti pengajian di sekolah Imam Hatip dan bilangan pelajarinya semakin bertambah serta meningkat kepada 658000 orang pelajar pada tahun 2013⁵⁷. Perubahan ini berlaku disebabkan apabila semua pelajar diwajibkan mengambil peperiksaan untuk memasuki sekolah menengah kecuali bagi memasuki sekolah Imam Hatip tidak perlu menduduki peperiksaan. Jadinya, bagi sesiapa yang tidak melepasi peperiksaan tersebut tiada pilihan lain selain dari memasuki dan menyambung pengajian di sekolah Imam Hatip⁵⁸.

Selain dari Erdogan berjaya menambahkan jumlah pelajar ke sekolah agama, beliau juga telah memperkenalkan mata pelajaran baru iaitu Pendidikan Moral Dan Budaya Beragama di seluruh sekolah yang mewajibkan hafazan beberapa ayat al-Quran dan doa-doa. Pembaharuan di sekolah ini, dipejuangkan oleh Erdogan berdasarkan atas

⁵⁶ Ahmad Azam Ab Rahman, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*. 91.

⁵⁷ Ahmad Azam Ab Rahman, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*. (Publishing House : Selangor, 2016), 91.

⁵⁸ Ibid.

nama hak asasi, kenegaraan dan demokrasi. Kursus elektif juga telah diperkenalkan di sekolah-sekolah untuk pelajar sendiri yang memilih mana-mana pelajaran yang ditawarkan. Kursus elektif yang ditawarkan dan disediakan itu ialah mata pelajaran Sirah Nabawi dan Pengajian al-Quran⁵⁹. Semua tindakan yang dilakukan oleh Erdogan ini bukanlah dibuat sewenang-wenangnya tetapi dibuat secara berstrategi menurut undang-undang dalam usaha untuk mengembalikan jati diri umat Islam Turki. Oleh itu, ini hanyalah sebahagian jasa dan sumbangan yang dilakukan oleh Recep Tayyip Erdogan yang membolehkan rakyat dan masyarakat Turki mempercayai beliau dan kini majoritinya memandang tinggi kepada beliau.

Selain itu, sumbangan yang dilakukan Erdogan dalam kerajaan yang dipimpin ini bagi tujuan usaha reformasi dalam menangani isu keselamatan Negara dan masalah domestik ialah yang berkaitan dengan isu masyarakat Kurdi. Pada bulan Ogos 2005 Erdogan ada mengeluarkan kenyataan bahawa Turki diakui telah menghadapi masalah dengan masyarakat Kurdi yang mana, etnik kurdi ini telah lama berada di wilayah Negara Turki sejak dari pemerintah Daulah Uthmaniyah pada abad ke-15 lagi dengan diberi hibah tanah pada mereka. Pada waktu itu, telah terjadi peperangan antara Daulah Turki Uthmaniyah dengan Kerajaan Dinasti Safawiyah. Dikatakan pemerintah Daulah Turki Uthmaniyah pada waktu itu telah membuat perjanjian dengan etnik Kurdi dalam membantu dan mengikuti peperangan bersama Daulah Uthmaniyah dan menyebabkan peperangan tersebut dimenangi oleh Uthmaniyah. Sebagai penghargaan daripada kerjasama dan bantuan pihak etnik Kurdi dalam mengalahkan kerajaan Safawiyah.

Oleh itu, sebahagian wilayah pemerintahan Daulah Uthmaniyah telah diberikan kepada etnis Kurdi. Bagi menyelesaikan masalah ini, pendekatan secara demokratik diperlukan dan juga bagi memulihkan serta integrasi hak etnik minoriti Kurdi ini. Hal ini penting untuk memastikan keberkesanan kerajaan Parti Keadilan dan Pembangunan

⁵⁹ Ibid., 92.

AKP dalam menangani isu domestik ini yang sering kali diabaikan oleh regim sekular. Oleh itu, telah diperkenalkan dasar “Democratic Opening Policy” atau dikenali Demokratik Achilim yang mana dasar ini merupakan sebagai satu pendekatan yang bukan jenis ketenteraan bagi mencari jalan penyelesaian kepada kemelut yang dihadapi oleh masyarakat Kurdi tersebut. Hal ini, ia jauh berbeza dengan pendekatan jenis ketenteraan yang digunakan oleh kerajaan sekular sebelum ini.

Pengenalan dasar ini, diakui oleh penganalisis dari *Carnegie Endowment for International Peace* iaitu Henry Barkey yang mengatakan bahawa pengenalan dasar ini merupakan satu peluang Turki untuk menyelesaikan isu domestiknya yang telah berlaku sejak tahun 1993 lagi secara aman⁶⁰. Dengan cara diperkenalkan dasar ini, kerajaan Parti Kemajuan dan Keadilan AKP berharap agar aktiviti keganasan yang dilakukan oleh pihak PKK (Partiya Karkerên Kurdistanê) atau dikenali Kurdistan Workers’ Party dapat diatasi. Dasar ini juga, sangat mengalu-alukan terhadap mereka sebagai jalan untuk penyelesaian secara diplomasi dalam menangani isu etnik Kurdi ini. Menurut Kemal Kirisci dari Universiti Bogazici Istanbul, menyatakan bahawa kerajaan Parti Kemajuan dan Keadilan AKP ini telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha membina keyakinan terhadap dasar tersebut.

Antara inisiatif yang dilakukan ialah telah membenarkan imam bangsa Kurdi berkhidmat di masjid masyarakat tersebut dan telah menukarkan nama Bandar yang didiami oleh kebanyakan etnik Kurdi daripada nama bahasa Turki kepada nama bahasa Kurdi. Inisiatif kedua bagi dasar tersebut ialah melibatkan jaminan pengampunan kepada kumpulan militant (Partiya Karkerên Kurdistanê) PKK. Dan inisiatif terakhir dan yang paling sukar untuk dilaksanakan ialah pindaan perlembagaan yang memerlukan pendefinisian semula kewarganegaraan Turki yang mana mereka kurang

⁶⁰ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 144.

bersifat etnik dan juga untuk membenarkan kelas bahasa Kurdi diajar di sekolah⁶¹. Dasar ini juga, dilihat telah memberi kesan terhadap kepada perubahan perlembagaan, mentafsirkan semula taraf kerakyatan Turki dan juga hak autonomi budaya yang memberi keistimewaan kepada perkembangan bahasa Turki dan budaya di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Tambahan pula, mulai 1 Januari 2009 kerajaan Turki telah melancarkan saluran TRT 6 yang mana, ia bersiaran selama 24 jam sehari di dalam bahasa Kurdi dan sebelum itu kerajaan hanya membenarkan program dijalankan selama 30 minit yang berbentuk dokumentari dan berita di dalam bahasa Kurdi pada Jun 2004. Syarikat Radio dan Televisyen Turki (TRT) adalah merupakan stesen televisyen milik kerajaan⁶². Pelancaran TRT 6 ini merupakan pengiktirafan terhadap identity dan budaya masyarakat Kurdi yang selama ini dinafikan kewujudannya. Ia berlaku semasa rampasan kuasa tentera sejak 1980 hingga 1991 yang mana, penggunaan bahasa Kurdi dianggap satu kesalahan dan pertuturan bahasa tersebut dilarang dan tidak boleh digunakan di tempat awam di Turki. Oleh yang demikian, semua perubahan yang sebelum ini dianggap gagal dan tidak mungkin berhasil telah berjaya dilaksanakan oleh pemerintah di bawah AKP „Adalet ve Kalkınma Partisi“ atau dikenali sebagai Parti Kemajuan dan Keadilan.

Sumbangan yang diberikan oleh Recep Tayyip Erodgan ini telah membuatkan prestasi negara Turki semakin maju. Sifat kepimpinannya menampakkan beliau seorang yang bertanggungjawab dan membuatkan masyarakat Turki tertarik dan meminatinya. Ini merupakan salah satu sebab juga Parti Kemajuan Keadilan (AKP) telah menang pada pilihan raya umum 2011. Dan juga Perdana Menteri Erdogan telah memenangi dalam Pilhan Raya Presiden pada 10 Ogos 2014.

⁶¹ Ibid., 144.

⁶² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemeraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 145.

3.5 Kesimpulan

Berdasarkan bab ini, perbahasan mengenai biografi Recep Tayyip Erdogan beliau telah dilahirkan pada 26 Februari 1954 di Rize dan dibesarkan di Istanbul. Ayahnya bernama Ahmet dan ibunya bernama Tenzile, bapanya seorang yang tegas di dalam mendidik anak-anak terutama dididikan agama.

Erdogan telah mendapat didikan awal di Sekolah Rendah Piyalepasa yang terletak di Kasimpasa. Bagi pendidikan agama pula, Erdogan telah belajar di Madrasah Imam Hatip. Beliau belajar di madrasah tersebut bermula tahun 1965 dan menamatkan pengajiannya pada tahun 1973. Kemudiannya Erdogan telah menyambung pengajian peringkat diploma di Sekolah Tinggi Eyup atau dikenali Eyup Lisesi. Bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda pula, beliau menyambung pelajarannya di Universiti Marmara, Istanbul di dalam bidang Pengurusan Perniagaan. Semasa umur 27 tahun, Erdogan telah berkahwin pada tahun 1978 dengan seorang wanita pilihan hatinya iaitu Emine Gulbaran. Hasil dari perkahwinan mereka dikurniakan empat cahaya mata, dua orang lelaki dan dua orang perempuan.

Penglibatan Erdogan di dalam politik bermula dari minatnya dalam kepimpinan semasa masih belajar. Organisasi pertama yang disertai oleh Erdogan semasa muda ialah Parti Milli Selamat (MSP). Erdogan telah menceburi di dalam bidang politik kerana peranan yang dimainkan oleh Necmettin Erbakan yang disegani oleh Erdogan sejak masih belajar lagi. Semasa di dalam Parti Milli Selamat (MSP), Erdogan sangat aktif dan membuatkan terpilih sebagai ketua pemuda Parti Milli Selamat (MSP) di Beyoğlu pada tahun 1976. Pada tahun yang sama Erdogan dilantik sebagai ketua pemuda Parti Milli Selamat (MSP) di wilayah Istanbul pula.

Jawatan tersebut dipegang oleh Erdogan sehingga tahun 1980 sahaja. Hal ini kerana, pada waktu itu semua parti telah diharamkan di Turki selepas campur tangan tentera di dalam urusan politik Turki. Sepanjang sejarah, pemerintahan Turki telah

mengalami campur tangan tentera yang dikenali kudeta tentera. Kudeta di Turki pernah terjadi sebanyak empat kali dan kali kelima berlaku semasa Erdogan menjadi presiden Turki. Empat kali kudeta tersebut berlaku pada tahun 1960, 1971, 1980 dan 1997.

Selepas tamat pemerintahan kudeta tentera, Recep Tayyip Erdogan telah kembali aktif di dalam politik. Kali ini, beliau telah melibatkan diri di dalam Parti Refah (RP). Di dalam parti ini beliau dilantik sebagai ketua Parti Refah (RP) bahagian Daerah Beyoğlu pada tahun 1984 dan ketua parti itu di wilayah Istanbul pada tahun 1985.

Pada 24 Mac 1994, beliau telah dilantik sebagai Datuk Bandar Bandaraya Istanbul. Namun, pada 12 Disember 1997 ketika Erdogan sedang menyampaikan ucapan dengan membaca puisi dikatakan ucapannya telah mengancam sekularisme. Maka, beliau telah didakwa dan dijatuhi hukuman penjara selama 10 bulan. Selepas Erdogan dibebaskan, beliau telah menubuhkan parti baru iaitu Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP).

Parti ini telah ditubuhkan pada 14 Ogos 2001 dan Erdogan sebagai ketuanya. Parti ini telah mencipta sejarah apabila telah memenangi Pilihan Raya Umum Turki sebanyak tiga kali berturut-turut iaitu pada penggal 2002, 2007 dan 2011. Ketika Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 2002, negara Turki telah diambil alih pemerintahannya dan terciptalah pemerintahan yang baharu. maka, pada Mac 2003 Recep Tayyip Erdogan telah dilantik menjadi Perdana Menteri Turki.

Apabila Turki dipegang oleh kerajaan AKP, banyak pembaharuan dan sumbangan yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri Erdogan. Antara sumbangan Erdogan dalam pembentukan Turki ialah beliau banyak menyelesaikan masalah-masalah masyarakat seperti masalah bekalan air dengan ditambahkan saluran paip sepanjang ratusan kilometer. Erdogan juga telah memperkenalkan sistem kitar semula moden yang ditubuhkan oleh Syarikat Pemprosesan Sisa Buangan dan Persekitaran

Istanbul (ISTAC A.S.). beliau juga telah memperkenalkan projek pemindahan gas semula jadi bagi mengurangkan pencemaran udara.

Beliau juga, berjaya menghapuskan amalan rasuah dan bagi golongan miskin beliau telah menyediakan intensif bagi pendapatan yang puratanya kurang dari TL 1,500 (USD 560) serta telah memberi pengecualian cukai dan juga golongan petani yang tinggal di kawasan luar Bandar telah diberikan tanah.

Sumbangan yang paling ketara dilakukan oleh Erdogan ialah telah memperkenalkan sistem mata wang Turki yang baharu iaitu enam digit kosong terakhir pada Lira Turki telah dihapuskan. Enam angka kosong yang dihapuskan itu menjadikan satu YTL (Lira Turki Baharu) bersamaan dengan satu juta Lira yang lama. Maka itu, telah menjadikan 1.5 Lira kepada satu dollar AS (Amerika Syarikat). Dengan usaha untuk meningkatkan ekonomi negara ini, telah membuatkan Turki bebas hutang dari IMF (International Monetary Fund) iaitu Tabung Mata Wang Antarabangsa. Negara Turki telah berjaya membayar hutang sebanyak USD 23.5 bilion dengan jumlah penuh.

Selain itu, Erdogan juga telah membuat pendekatan dengan golongan pekerja di mana menggunakan pendekatan rundingan „persaudaraan“ di antara majikan dan pekerja. Dengan demikian, adanya suasana bekerja yang lebih mesra dan memudahkan sistem pekerjaan atau perniagaan berjalan dengan lancar.

Perubahan dan sumbangan yang lain ialah larangan bertudung bagi kaum wanita. Larangan yang diperkenalkan pada zaman Kemal Ataturk ini telah dimansuhkan oleh Erdogan. Pada tahun 2003, Erdogan telah mengumumkan pemansuhan larangan bertudung kepada sektor kakitangan awam. Seterusnya diikuti dan dipanjangkan kepada peringkat universiti awam dan sekolah. Selain itu, Erdogan juga telah memperbanyakkan masjid-masjid dengan membina 17 000 masjid sejak dari tahun 2003 hingga tahun 2013. Masjid tersebut dibina dengan mengekalkan ciri-ciri binaan Daulah Uthmaniyah dan telah menjadi tarikan pelancong.

Selain itu juga, Erdogan sangat mengambil berat mengenai sektor pendidikan terutama didikan agama. Maka, bermula daripada tahun 2009 graduan daripada Madrasah Imam Hatip telah dibenarkan melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Sistem yang menggunakan koefisien rendah untuk mengira skor peperiksaan iaitu Peperiksaan Bagi Pemilihan Pelajar (OSS) telah dihapuskan. Pemansuhan ini membolehkan graduan Madrasah Imam Hatip melanjutkan pengajian ke bidang perubatan dan bidang-bidang lain di universiti. Silibus agama juga telah diwajibkan di sekolah.

Di samping itu, Erdogan juga telah menyelesaikan masalah masyarakat Kurdi yang sekian lama terjadi dari zaman pemerintahan Daulah Islam Uthmaniyah lagi. Dengan itu, telah diperkenalkan satu dasar iaitu “Democratic Opening Policy” atau dikenali Demokratik Achilim. Berdasarkan dasar ini, beberapa inisiatif telah dilakukan antaranya membenarkan imam bangsa Kurdi berkhidmat di masjid masyarakat tersebut. Nama bandar yang didiami mereka juga telah ditukarkan daripada nama bahasa Turki kepada nama bahasa Kurdi. Selain itu, mengampunkan kumpulan militan Kurdi iaitu (Partiya Karkerên Kurdistanê) PKK dan terakhirnya hak autonomi diberi keistimewaan di mana saluran radio dan televisyen di Turki ada di dalam bahasa Kurdi.

Maka, dilihat di sini apabila kejayaan telah tercapai pada pihak parti AKP walaupun Erdogan mengatakan bahawa Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) bukanlah parti agama namun, nilai-nilai keagamaan dan ke-Islaman tetap dititikberatkan. Semua perjuangan yang dilakukan oleh Recep Tayyip Erdogan ini adalah untuk melahirkan „New Ottoman“ dalam sistem Republik Turki yang moden ke arah pembentukan semula Daulah Uthmaniyah. Dengan pembaharuan yang dilakukan oleh Erdogan sedikit sebanyak telah membuatkan Turki menjadi negara yang makmur. Ia termasuk juga pembaharuan di dalam dasar luar Turki.

BAB 4: HUBUNGAN TURKI DAN ISRAEL PADA ZAMAN PEMERINTAHAN PERDANA MENTERI RECEP TAYYIP ERDOGAN (2003-2014)

4.1 Pengenalan

Kerjasama dasar luar Turki dan Israel telah lama terjalin sejak negara Turki mengiktiraf kewujudan negara Israel, kerjasama mereka tetap utuh walaupun ada pasang surut. Namun, selepas kenaikan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki beliau telah melakukan pembaharuan terhadap dasar luar Turki yang menggunakan pendekatan “Neo – Ottomanisme” iaitu polisi tidak bermasalah dengan Negara jiran atau dikenali “zero problems with neighbors” telah menyebabkan sekaligus telah menggugat hubungan dasar luar Turki dengan Israel.

Oleh yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis Recep Tayyip Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki dan pembaharuan yang dilakukan terhadap dasar luar Turki, krisis-krisis antara Turki dan Israel semasa Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki, pembaharuan dasar luar Turki dan Israel ketika Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki, implikasi hubungan Turki dan Israel pada masa depan dan kesimpulan.

4.2 Recep Tayyip Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki Dan Pembaharuan Yang Dilakukan Terhadap Dasar Luar Turki

Menurut Ahmad Dzakirin¹, apabila Erdogan telah keluar dari Parti Fezilat beliau telah mendirikan parti sendiri iaitu AKP „Adalet ve Kalkınma Partisi“ atau dikenali sebagai Parti Kemajuan dan Keadilan. Erdogan telah menafikan bahawa AKP bukanlah parti agama dan lebih senang jika menyebutnya parti konservatif dalam tradisi demokrasi.

Secara umumnya, Parti Keadilan dan Pembangunan AKP telah memenangi PRU pada tahun 2002, 2007 dan 2014. Parti ini merupakan kejayaan yang besar di dalam saingan parti politik sepanjang 55 tahun di Turki. Oleh yang demikian, pada 2003 Erdogan telah dilantik sebagai Perdana Menteri Turki hasil dari kemenangan pilihanraya tersebut. Selepas Parti Keadilan dan Pembangunan iaitu AKP (*Adalet ve Kalkınma Partisi*) memenangi pilihanraya di Turki, parti ini telah membawa kepada pemerintahan yang baru. Pembaharuan yang dilakukan dapat dilihat apabila Perdana Menteri Turki iaitu Erdogan telah membuat perubahan terutamanya dari segi dasar luar politik Turki.

Menurut Mohamad Redzuan & Mashitah² di dalam kajian buku mereka mengatakan bahawa, Perdana Menteri Erdogan telah melantik Professor Dr. Ahmet Dovutoğlu sebagai Menteri Luar Turki yang baru bagi memperkukuhkan hubungan luarnya dengan negara lain. Serba sedikit mengenai biografi Ahmet Dovutoğlu ini, beliau merupakan anak kelahiran Konya, di Turki dan beliau juga mempunyai empat orang cahaya mata. Beliau telah menamatkan pengajiannya di peringkat sarjana di dalam bidang pentadbiran awam dan Doktor Falsafah (Ph.D) di dalam bidang hubungan

¹ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 69.

² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemeraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. 138.

antarabangsa di Jabatan Politik, Universiti Bogazicy, Istanbul Turki³. Ahmet Dovutoğlu juga, pernah menjadi Penolong Profesor dan Profesor Madya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Malaysia.

Di sini dapat dilihat, Ahmet Dovutoğlu telah memainkan peranan untuk menubuhkan dan mengetuai Jabatan Sains Politik sehingga tahun 1993 dan juga beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Sains politik. Ahmet Dovutoğlu juga, pernah berkhidmat sebagai Profesor di Universiti Marmara pada tahun 1993 sehingga tahun 1995 dan juga menjadi Profesor di Universiti Beykent, Istanbul dari tahun 1995 sehingga tahun 2004⁴. Ahmet Dovutoğlu juga, pernah menjadi Penasihat Polisi Luar Turki sejak dari tahun 2002 dan beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Erdogan.

Di samping beliau menjadi Penasihat Polisi Luar Turki, beliau menjadi Pensyarah Pelawat di Akademi Tentera dan Akademi Perang antara tahun 1998 hingga tahun 2002 dan juga beliau merupakan sarjana pelawat di Universiti Marmara⁵. Ahmet Dovutoğlu juga, telah dilantik sebagai Perdana Menteri Turki yang ke-26 pada tahun 2014 menggantikan Erdogan yang dilantik menjadi Presiden Turki. Pada waktu itu juga, Ahmet Dovutoğlu dilantik sebagai pengerusi parti bagi AK Parti dalam kongres yang telah diadakan pada 27 Ogos 2014. Maka, Dovutoğlu dikenali sebagai perancang dalam mempengaruhi dasar luar Turki yang sebelum ini dasar luarnya, bersifat retorik berubah kepada amalan dasar yang lebih dinamik dan berorientasikan dimensi yang pelbagai⁶.

³ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan. 138.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

Menurut Syarif Taghian⁷, politik luar kerajaan AKP telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Strategi Intensif dan Politik Multi Dimensi. Maksud multi dimensi ini ialah Turki harus mengembangkan hubungan luar yang tidak terbatas pada kawasan Barat sahaja tetapi perlu ke kawasan yang lebih luas terutama dengan negara-negara yang masih memiliki hubungan geopolitik, kebudayaan dan sejarah dengan Turki.

Menurut Ahmad Dzakirin⁸ pula, Dovutoğlu mengidentifikasikan ada dua syarat untuk Turki berjaya dalam mewujudkan strategi globalnya iaitu yang pertama, keadaan yang berkaitan dengan politik domestik. Turki harus dapat menyelesaikan permasalahan minoriti masyarakat Kurdi yang menjadi pokok pangkal perdebatan Islam dan sekular yang berlangsung selama tiga dekad ini. Dengan selesai permasalahan ini barulah Turki boleh menyelesaikan politik antarabangnya. Keduanya, berkaitan dengan politik antarabangsa, Dovutoğlu memperkenalkan polisi zero masalah (zero problem policy) dengan negara-negara jiran iaitu Turki harus memberhentikan perselisihan faham dengan negara jiran dan menjalinkan kerjasama dengan negara-negara jirannya.

Maka, disini dapat lihat pembaharuan dasar luar Turki semasa zaman Perdana Menteri Erdogan ialah dari konsep yang diperkenalkan oleh Ahmet Dovutoğlu iaitu „Strategic Depth“. Konsep ini, merupakan pelbagai dimensi yang dipegang kepada kefahaman latar belakang sejarah dan kedudukan geopolitik Turki yang strategik. Beliau merumuskan, peranan dan dasar luar Turki sebagai sumber kekuatan bagi pembangunan politik dalam dan luar Negara Turki⁹.

Berlatar belakangkan sejarah dan kedudukan geopolitik yang strategik dapat diterangkan disini dari perspektif sejarah, Turki memainkan peranan penting sebagai

⁷ Syarif Taghian, *Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 250.

⁸ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 163.

⁹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemeraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. 139.

penyatu dunia Islam kerana menghubungkan kawasan Balkan, Asia Tengah dan Timur Tengah serta memiliki kekuatan utama dalam dunia Islam dan juga menjadi kekuatan dalam interaksi dengan Barat. Berdasarkan kedua-dua potensi ini, Turki bebas menjalankan kerjasama dan perhubungan dengan mana-mana kuasa atau negara yang bersesuaian dengan kepentingan nasional dan antarabangsa.

Maka, dapat dilihat di sini Turki tidak perlu bergantung dengan Barat atau kekuatan politik antarabangsa yang lain. Turki menggunakan potensi *Soft Power* yang dimilikinya dalam bentuk ikatan budaya dan sejarah dengan semua kawasan sekitarnya seperti Turki berusaha mengukuhkan kerjasama dalam sektor ekonomi dengan kawasan atau negara yang mempunyai pertalian sejarah dan budaya dengan Turki yang mana, dari satu sudut dapat mencegah campur tangan kuasa besar dan aktiviti keganasan domestik. Salah satu kekuatan dasar luar Turki ialah proses mengintegrasikan semula negara tersebut dengan jirannya¹⁰.

Dari konteks geografi pula, Turki berada dalam kedudukan yang unik dan strategik serta merupakan sebuah negara yang bersaiz besar dan terletak di tengah-tengah blok Afro-Eurasia yang disifatkan sebagai pusat kepada kepelbagaian identiti masyarakat sama ada dari Asia dan Afrika. Turki juga memiliki kepelbagaian kaum yang datang daripada pelbagai benua dan memiliki kelebihan serta pengaruh terutamanya dalam konteks politik antarabangsa. Dengan itu, kerajaan AKP ini telah berjaya menyuntik idea baharu dengan memperkenalkan polisi mengurangkan masalah dengan negara-negara jiran¹¹.

¹⁰ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 140.

¹¹ Ibid., 145.

Oleh yang demikian, berdasarkan pembaharuan dasar luar ini, Dovutoğlu telah meletakkan empat prinsip utama sebagai garis panduan kepada konsep yang diperkenalkan itu¹²:

1. Turki akan meneruskan dasar luar Negara berdasarkan nilai dan manfaatnya iaitu Turki akan memainkan peranan penting sebagai pengantara dalam penyelesaian pelbagai konflik, menghulurkan bantuan kemanusiaan dan memberi sumbangan dalam bentuk resolusi di pelbagai isu serantau dan antarabangsa.
2. Turki meletakkan dirinya dalam proses transformasi sejarah yang besar dengan kebolehan sedia ada yang amat diyakini sebagai „negara yang seharusnya dirujuk“ atau *wise country*. Turki juga telah meningkatkan hubungan diplomatiknya dengan negara luar dengan menambah bilangan duta. Sejak tahun 2010 Turki telah membuka 30 kedutaan baru di pelbagai negara di dunia termasuk 22 Afrika, 5 di Amerika Latin dan 3 di Asia Timur.
3. Dasar luar Turki dikendalikan secara autonomi dan bebas tanpa pengaruh dan tekanan kuasa lain.
4. Dasar luar Turki berasaskan visi dan wawasan untuk mewujudkan keseimbangan yang sihat di antara pengurusan krisis dan pengurusan visi. Contohnya, Turki berusaha menyelesaikan pelbagai konflik yang berlaku di Timur Tengah, Balkan, Caucasus dan Eropah.

Oleh yang demikian, dari pembaharuan dasar luar Turki yang baru ini. Telah banyak memberi impak terhadap negara-negara jirannya. Antaranya telah memberi implikasi berdasarkan hubungan diplomatik dan politik luar Turki. Dan Turki telah memainkan peranan di arena antarabangsa dan tidak hanya tertumpu pada benua Eropah sahaja. Turki juga telah mula meluaskan kerjasama diplomasinya dan memberi

¹² Ibid., 141.

perhatian dalam menangani krisis-krisis di Asia Barat, Rusia, Georgia, isu Pulau Cyprus dan melakukan kerjasama diplomasinya dengan negara lain seperti Indonesia, Malaysia, India dan benua Afrika¹³. Perdana Menteri Erdogan juga telah melakukan rundingan dengan negara-negara jiran seperti Azerbaijan dan Rusia supaya krisis ini tidak menular ke negara-negara sekitar Laut Hitam¹⁴. Beliau juga, berperanan untuk menjadi orang tengah di dalam krisis di Gaza. Malah, Perdana Menteri Erdogan dan Menteri Luar Turki Ahmet Davutoğlu telah berkunjung ke Damsyik dan Kaherah untuk memujuk dua negara tersebut memberi perhatian dan bantuan kemanusiaan terhadap penduduk Gaza.

Disamping itu, berdasarkan konsep dasar luar yang baharu ini, Turki merasakan perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam melakukan transformasi demokrasi di Timur Tengah dan negara-negara Islam. Hal ini kerana, Turki pernah menjadi penaung kepada dunia Islam pada zaman era Kesultanan Khalifah Islam Uthmaniyah¹⁵. Dasar luar yang baharu ini, Turki juga telah berusaha membina kepercayaan politik terhadap negara-negara di rantau Timur Tengah dan negara-negara Islam melalui ikatan budaya dan agama.

Semasa dunia digemparkan mengenai peristiwa bencana tsunami yang berlaku di Aceh, Turki merupakan negara yang terawal yang telah menghantar bantuan kemanusiaan yang mana Pertubuhan Bulan Sabit Merah Turki telah tiba 10 hari selepas kejadian dengan mendirikan sebuah klinik di Barat Banda Aceh¹⁶. Perdana Menteri Erdogan juga telah menegaskan harus meningkatkan jumlah perdagangan dengan Indonesia lantaran wilayah Aceh dan Turki telah pun wujud hubungan kerjasama sejak dari pemerintahan Daulah Turki Uthmaniyah lagi.

¹³ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerikasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 145.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerikasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 146.

¹⁶ Ibid., 146.

Dasar polisi Turki yang baru ini juga, telah berjaya membawa kerajaan AKP bekerjasama ke dimensi yang baharu terutama dalam soal hubungan dengan Palestin¹⁷. Mengenai isu Palestine, Perdana Menteri Turki Erdogan telah mengambil tindakan berani dengan menjalinkan hubungan dengan kerajaan HAMAS (Harakat al-Muqawamah al-Islamiyyah). Ketika HAMAS memenangi pilihanraya 2005/2006, Turki telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan mereka yang mana waktu itu kerajaan seluruh dunia enggan mengiktiraf kemenangan HAMAS¹⁸. Turki juga, mengetahui HAMAS memerlukan rakan sekutu terutama dari Barat untuk proses damai dan sebelum ini, HAMAS hanya bergantung kepada Syria dan Hezbollah¹⁹. Dengan mengiktiraf HAMAS, Turki telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan pemimpin HAMAS iaitu Khaled Meshaal. Kerjasama ini telah membawa kepada proses rundingan untuk menjadi perantara dalam menyelesaikan konflik antara Israel dengan Palestin²⁰.

Malah, Perdana Menteri Erdogan juga berperanan dalam rundingan perdamaian antara kumpulan Fatah dengan HAMAS untuk mereka berdamai bagi kepentingan rakyat Palestin. Usaha perdamaian ini disambut baik oleh pemimpin HAMAS iaitu Ismail Haniyeh dan wakil Fatah. Turki juga, memainkan peranan sebagai orang tengah dalam rundingan HAMAS dengan Israel apabila lebih 1000 rakyat Palestin telah berjaya dibebaskan dari penjara Israel di dalam persetujuan pertukaran banduan yang mana, Israel ingin tentera mereka dibebaskan iaitu Gilad Shalit²¹.

Selain itu, Turki juga bekerjasama dengan Mesir di mana Negara Turki banyak persamaan dengan Mesir dari aspek pertalian budaya dan sejarah²². Turki dan Mesir telah mengambil inisiatif untuk menjaga keamanan dan meningkatkan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara tersebut terutamanya selepas kejatuhan Presiden Hosni

¹⁷ Ibid., 147.

¹⁸ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 147.

¹⁹ Ibid., 147.

²⁰ Ibid., 147.

²¹ Ibid., 148.

²² Ibid., 148.

Mubarak. Kejatuhan Presiden Mesir ini telah menaikkan pemerintahan yang baru iaitu Parti Keadilan dan Kebebasan atau dikenali Hizb Al-Hurriya Wal-Adala (FJP) di bawah kepimpinan Mohamed Morsi²³. Semasa pemerintahan Hosni Mubarak, Turki dan Mesir pernah menandatangani perjanjian iaitu Memorandum Bagi Rangka Kerja Strategik untuk Dialog Turki-Mesir pada 3 November 2007, yang diwakili oleh Menteri Luar Negeri bagi kedua-dua negara tersebut dan perjanjian tersebut diadakan di Istanbul. Objektif utama perjanjian persefahaman tersebut ialah untuk mengukuhkan kerjasama dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan di antara Turki dan Mesir²⁴.

Selepas penggulingan rejim Mubarak, Presiden Turki dan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan telah berkunjung ke Kaherah bagi memberikan sokongan kepada perjuangan rakyat Mesir pada waktu itu. Kedua-dua negara ini juga telah membentuk Majlis Tertinggi Kerjasama Strategik (HSCC) semasa lawatan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan ke Republik Arab Mesir pada 12-14 September 2011. Penubuhan majlis tersebut merupakan langkah penting ke arah penambahbaikan hubungan diplomasi dua hala di antara Mesir dengan Turki²⁵.

Oleh yang demikian, Turki dan Mesir telah menjadi rakan strategik di Timur Tengah dan Mediterranean semenjak Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) memenangi pilihan raya Turki pada Jun 2011 dan Parti Keadilan dan Kebebasan (FJP) menduduki jawatan Presiden pada Jun 2012 serta berlatarbelakangkan gerakan Islam²⁶. Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) dianggap mempunyai pengalaman yang luas dalam percaturan politik demokrasi yang didominasi oleh sistem sekular dan cengkaman pihak tentera. Atas inisiatif Perdana Menteri Erdogan, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP)

²³ Ibid.

²⁴ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 148.

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid., 149.

telah mengambil peluang berkongsi pengalamannya dengan Morsi di Mesir yang turut mengalami pengaruh tentera yang amat kuat ke atas kerajaan²⁷.

Selepas Morsi menjadi Presiden Mesir, Kerajaan Morsi telah mendapat bantuan Turki melalui suntikan pinjaman sebanyak USD2 bilion yang diperlukan dalam pembangunan ekonomi. Hubungan diplomatik di antara Turki dengan kerajaan Morsi di Mesir menjadi bertambah baik sehinggalah kerajaan Morsi ditumbang oleh pimpinan tentera yang diketuai oleh Jeneral Abdul Fatah al-Sisi yang mana, menandakan bermulanya era baru dalam hubungan Turki dengan Mesir²⁸.

Disamping itu, berdasarkan dasar luar yang baru ini, Turki juga turut menonjol dalam memberi peranan penting yang dimainkannya dalam misi bantuan kemanusiaan ke Palestin. Semasa misi bantuan ke Palestin pada 30 Mei 2010, sebuah organisasi kemanusiaan Turki iaitu Ihsani Yardim Vakfi (IHH) telah menaja misi bantuan tersebut²⁹. Misi bantuan ke Palestin itu telah membawa 600 sukarelawan ke Gaza bersama-sama enam buah kapal flotilla dan para aktivitis tersebut dari 37 buah Negara. Namun, misi bantuan tersebut telah diserang oleh Israel di atas kapal yang dikenali Mavi Marmara. Insiden ini telah mengorbankan seramai sembilan orang aktivitis kemanusiaan warga Turki dan yang lainnya cedera³⁰. Dari misi bantuan ini, Turki merupakan negara yang paling ke hadapan dengan peranannya yang dimainkan untuk memberi bantuan di dalam peringkat serantau, hubungan dengan negara-negara Barat dan dalam kalangan negara-negara Islam³¹.

Selain itu, Turki aktif sebagai orang tengah dalam usaha mencari jalan penyelesaian terhadap krisis yang telah berlaku di Iraq juga. Turki telah meminta supaya Liga Arab dan OIC agar lebih aktif dalam menyelesaikan krisis di rantau Teluk

²⁷ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 149.

²⁸ Ibid., 150.

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

³¹ Ibid.

itu. Oleh yang demikian, Ankara telah berjaya meyakinkan golongan puak Sunnah Iraq dan Tentera Bersekutu untuk ke meja rundingan. Hasilnya, puak Sunnah bersetuju meletakkan senjata manakala, Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat pula memberi jaminan keselamatan sehingga membolehkan pilihanraya yang adil dan bebas diadakan pada Jun 2005. Turki juga turut membangunkan proses demokrasi Iraq dengan melatih 350 ahli politik dalam pelbagai parti dengan harapan golongan ini dapat menyertai proses demokrasi di negara itu pada masa akan datang³².

Usaha yang dilakukan ini menunjukkan kepada dunia bahawa Turki boleh memainkan peranan untuk membina jalan penghubung di dalam konflik yang berlaku terutamanya di Timur Tengah. Berdasarkan usaha yang dilakukan ini, Barack Obama Presiden Amerika Syarikat telah menjadikan Negara Turki sebagai „Model Kerjasama“ yang ideal bagi menangani masalah di Asia Barat dari Iraq sehinggalah ke Afghanistan³³.

Turki juga telah bekerjasama dengan Tunisia yang mana, kedua-dua negara ini telah mewujudkan majlis tertinggi dalam kerjasama strategik yang diselia oleh Perdana Menteri kedua-dua negara tersebut dan telah mengadakan mesyuarat di antara kedua-dua pihak secara tahunan dengan silih berganti³⁴. Tujuan Turki mewujudkan kerjasama dengan Negara Afrika Utara ini ialah untuk memperluaskan perundingan politik dan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang termasuk bidang budaya dan pendidikan³⁵. Turki dan Tunisia juga, telah menandatangani perjanjian dalam mewujudkan perdagangan bebas pada tahun 2015. Perdagangan antara kedua-dua negara ini telah meningkat dan melebihi satu juta dolar (USD)³⁶.

³² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 151.

³³ *Ibid.*, 151.

³⁴ *Ibid.*, 152.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 152.

Selain itu, berdasarkan konsep dasar luar yang baru ini Turki juga telah mengambil tindakan dalam krisis-krisis yang melanda masyarakat majoriti Islam Rohingya di Myanmar. Menurut statistik rasmi, terdapat lebih 1000 orang Islam Rohingya di Myanmar telah dibunuh dan lebih 90 000 orang lagi kehilangan tempat tinggal disebabkan keganasan yang dilakukan terhadap masyarakat Islam di Rantau Arakan ini sejak Jun 2012 lagi³⁷. Terdapat seramai dalam anggaran 8532 pelarian dipindahkan ke kem yang dibiayai oleh kerajaan Turki dan sebanyak 801 buah khemah telah disediakan. Bantuan ini turut diagihkan kepada mangsa dan penghuni kem yang terdiri daripada masyarakat Buddha³⁸.

Misi Turki dalam dasar luarnya di negara-negara Asia dan Asia Tenggara termasuklah negara Indonesia dan Malaysia. Kerjasama Turki dengan Malaysia boleh dilihat semakin meningkat apabila Perdana Menteri Malaysia ketika itu iaitu Datuk Seri Najib telah ke Turki pada 24 Februari 2011. Peningkatan hubungan diplomatik dua hala ini dalam pelbagai bidang seperti perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pelancongan, perbankan dan kewangan, bantuan teknikal, pertahanan dan pembangunan keupayaan manusia serta sains dan teknologi untuk faedah dan kebaikan bersama kedua-dua belah pihak³⁹.

Hasil dari pertemuan empat mata di antara Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Turki itu di Ankara, kedua-dua buah negara tersebut bersetuju menandatangani perjanjian yang menggariskan bidang-bidang yang dianggap strategik oleh kedua-dua buah negara untuk dimajukan secara bersama⁴⁰. Selain itu, Turki juga merupakan rakan perdagangan kelima terbesar bagi Malaysia dari Asia Barat dan yang ke 41 secara keseluruhan. Dari sektor pelancongan pula, pelancong Turki ke Malaysia semakin meningkat. Kedua-dua buah negara juga, bersetuju untuk menghapuskan visa

³⁷ Ibid., 152.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ibid., 153.

bagi rakyat masing-masing untuk melawat Negara antara satu sama lain yang berkuatkuasa serta-merta⁴¹. Kedua-dua negara juga mencapai kata sepakat menganjurkan Kempen Melawat Malaysia di Turki dan Kempen Melawat ke Turki di Malaysia.

Erdogan telah memberi cadangan kepada Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu iaitu Datuk Seri Najib supaya jumlah dagangan di antara kedua-dua buah negara tersebut ditingkatkan daripada USD1.3 bilion kepada USD5 bilion. Ia menggambarkan hasrat pemimpin Turki untuk menggesa sektor swasta kedua-dua negara tersebut, dapat mencari peluang untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang perniagaan dan pelaburan. Kerjasama Turki dan Malaysia juga melihat berkemungkinan, ingin memperluaskan kerjasama dalam bidang industri automobil dengan Proton. Selain itu, dipertingkatkan lagi kerjasama dalam bidang pertahanan di antara FNSS Defense System Inc. dengan DRB-Hicom Berhad bagi tujuan kepentingan kedua-dua belah pihak dalam sektor industri berat.

Tambahan lagi, Perdana Menteri Turki juga turut mengambil inisiatif merapatkan lagi hubungannya dengan Malaysia melalui kunjungan rasmi selama dua hari pada 9 dan 10 Januari 2014. Lawatan ini dilakukan diatas jemputan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib dan juga sempena meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Turki yang terjalin sejak 1964 lagi⁴².

Di dalam perjumpaan tersebut, Erdogan bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala ke tahap lebih tinggi kerana Malaysia dan Turki merupakan dua buah negara yang mempunyai persamaan dalam kepercayaan agama dan nilai budaya⁴³. Malaysia juga, merupakan negara kelima yang menandatangani rangka kerja kerjasama strategik dengan Turki selepas negara Jepun, China, Korea Selatan dan Indonesia. Ia

⁴¹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 153.

⁴² *Ibid.*, 154.

⁴³ *Ibid.*

juga telah membuatkan Ankara dan Kuala Lumpur mempunyai hubungan yang baik dari aspek ekonomi.

Pada bidang perdagangan, kedua-dua negara ini telah bersetuju untuk meningkatkan nilai dagangan dua hala daripada USD1.5 bilion bersamaan RM4.9 bilion setahun kepada USD5 bilion bersamaan RM16.34 bilion dalam tempoh lima tahun. Bagi menggiatkan lagi hubungan perdagangan Turki dan Malaysia, kedua-dua negara tersebut bakal menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA) ketika kunjungan balas Perdana Menteri Malaysia ke Turki pada April 2014. Pada Januari hingga Oktober 2013, jumlah dagangan hubungan dua hala antara Turki dan Malaysia ialah USD918 juta.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib telah membuat lawatan dan kunjungan balas selama 3 hari iaitu 16, 17 dan 18 April 2014. Malaysia dan Turki telah menandatangani beberapa perjanjian persefahaman bagi meningkatkan lagi hubungan erat di antara kedua-dua buah negara ini. Terutamanya, Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (Free Trade Agreement) atau dikenali FTA⁴⁴. Dalam perjanjian ini, kerajaan Malaysia diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Mustapa Mohamed manakala Turki diwakili oleh Menteri Ekonomi Nihat Zoybekci. Perjanjian ini telah menjadi pemangkin dalam meningkatkan perdagangan dua hala daripada USD 1.5 bilion pada tahun 2013 kepada USD 5 bilion pada tahun 2018⁴⁵. Melalui perjanjian ini juga, pelabur dan peniaga Turki boleh memanfaatkan lokasi strategik Malaysia dan meneroka peluang perniagaan ke seluruh Asia.

Manakala, pelabur Malaysia pula dapat peluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka di Turki sebagai pintu masuk ke pasaran Eropah⁴⁶. Ini dapat dilihat, beberapa buah syarikat Malaysia seperti Khazanah Nasional Berhad (Khazanah)

⁴⁴ Ibid., 156.

⁴⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 156.

⁴⁶ Ibid., 157.

sehingga kini telah melaburkan sebanyak USD 1.4 bilion bagi menguruskan 20 hospital di Turki. Khazanah ini juga, telah meningkatkan nilai pegangan saham di Lapangan Terbang Istanbul kedua iaitu Lapangan Terbang Sabiha Gocken daripada 20 peratus kepada 60 peratus dan ia melalui, Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB). Perkara ini juga, telah memberi peluang kepada MAHB untuk menguruskan lapangan terbang berkenaan yang merupakan antara lapangan terbang terbesar di dunia dan menguruskan jug lima landasan yang akan dibina dalam masa terdekat.

Tambahan pula, FTA dapat mengukuhkan kerjasama ekonomi dan teknikal dalam bidang-bidang seperti perusahaan kecil dan sederhana, perkhidmatan, pertanian, e-dagang, makanan, penjagaan kesihatan, penyelidikan dan pembangunan, tenaga dan sektor automotif. Di samping itu, buat masa ini syarikat Turki iaitu Eyvap Sabun telah melaburkan sebanyak USD85 juta di Malaysia dan telah banyak membantu mewujudkan 190 peluang pekerjaan. Ditambah pula, Eyvap telah menjalinkan kerjasama dengan FELDA Global Ventures telah membantu mewujudkan satu daripada loji petrokimia di Malaysia. Ia telah menggalakkan perkembangan perniagaan syarikat Turki di Asia Pasifik. Perdana Menteri Datuk Seri Najib juga telah menyeru agar syarikat-syarikat Turki merebut peluang pelaburan dalam sektor Halal dan Koridor Ekonomi Malaysia yang semakin berkembang.

Selain itu, berdasarkan bidang pendidikan pula, Negara Malaysia melalui UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang akademik dengan Universiti Hacettepe dan juga UKM - Universiti Ankara⁴⁷. Dalam bidang pelancongan pula, Turki dan Malaysia bersetuju supaya dipertingkatkan kekerapan penerbangan Turkish Airlines dari Istanbul ke Kuala Lumpur kepada enam kali seminggu. Dengan peranan yang dimainkan Turki ini dalam kalangan negara-negara Islam menggambarkan sikap tanggungjawab Turki terhadap dunia Islam.

⁴⁷ Ibid.

Peranan dan tanggungjawab Turki ini seolah-olah telah mengembalikan semula peranan yang pernah dilakukan oleh Daulah Turki Uthmaniyah yang dulu di dalam memimpin Dunia Islam, memberi perlindungan dan bantuan kepada wilayah-wilayah yang dinaunginya⁴⁸.

Berdasarkan pendekatan “Neo-Ottomanism” yang mana menggunakan polisi tidak bermasalah dengan Negara-negara jirannya atau pun “zero problems with neighbors” ini. Selain Turki memainkan peranan di rantau Asia Barat, negara jirannya dan negara-negara Islam. Turki juga turut memberi perhatian di dalam kerjasama dengan Barat khususnya dengan Amerika Syarikat⁴⁹. Matlamat utama Turki bekerjasama dengan Amerika Syarikat adalah untuk mendekatkan negara tersebut dengan Barat dan menunjukkan komitmen terhadap EU (European Union) atau dikenali Kesatuan Eropah.

Hal ini kerana, bagi pandangan Erdogan usaha Turki untuk memasuki EU (European Union) adalah bagi merealisasikan tuntutan Negara Turki untuk menjadikan sebuah masyarakat yang demokratik, adil, liberal dan makmur. Walaupun, Erdogan merasakan dan menyedari bahawa kemasukan Turki ke EU (European Union) merupakan jalan yang sangat sukar namun, beliau telah meletakkan azam dan harapan yang tinggi bagi melihat negara Turki dan masyarakatnya terus maju. Impian dan hasrat beliau itu dinyatakan di hadapan rakyat dengan menyatakan bahawa kerajaan Turki telah mengambil satu lagi langkah yang besar di dalam persaingan untuk menuju ke arah Kesatuan Eropah.

Namun begitu, Erdogan tetap menyedari bahawa adalah mustahil bagi Negara Turki masuk ke dalam Kesatuan Eropah tersebut kerana telah dihalang oleh Negara Eropah yang terdiri dari 27 blok bangsa Eropah termasuklah Perancis sehingga

⁴⁸ Ibid., 159.

⁴⁹ Ibid., 320.

menyebabkan Negara Turki masih menunggu di muka pintunya selama lebih lima puluh tahun.

Berdasarkan kerjasama dengan Amerika Syarikat ini, sesetengah negara Barat yang lain merasa gusar dengan hubungan diplomasi tersebut. Namun, ia dianggap tidak membahayakan hubungan diplomatik Turki dengan Amerika Syarikat. Kerjasama mereka dianggap oleh Presiden Amerika Syarikat iaitu Barack Obama sebagai sekutu Amerika Syarikat dalam kalangan Negara-negara Islam yang lain. Pada pendapat Amerika Syarikat, Negara Turki bebas untuk berperanan di dalam politik antarabangnya dengan menggunakan dasar dan agenda tersendiri yang mungkin barangkali berbeza dengan pendekatan politik antarabangsa Amerika Syarikat⁵⁰. Misalnya, dalam isu berkaitan dengan Afghanistan, Amerika Syarikat telah memberi kebebasan kepada Turki untuk membuat keputusan berhubung dengan usul yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat bagi menambahkan pasukan tentera ke Negara yang bergolak itu.

Selain itu, semasa berlaku perang di Iraq Turki telah berjaya mengelakkan diri daripada terjerumus ke kancas krisis apabila Turki tidak membenarkan kemasukan tentera Amerika Syarikat dari utara Iraq. Pada peringkat awal kerjasama Turki dengan Amerika Syarikat agak dingin disebabkan oleh terletusnya krisis Iraq namun, hubungan antara Turki dan Amerika Syarikat kembali pulih apabila termeterainya satu usaha sama yang dikenali “Kenyataan Perkongsian Visi”.

Tujuan usaha sama tersebut adalah untuk merangka peningkatan dialog strategik antara kedua-dua buah negara tersebut dan ianya dipersetujui pada 5 Julai 2006. Ianya diikuti pada November 2007 semasa Erdogan membuat lawatan ke Washington, Amerika Syarikat bersedia di dalam membantu Turki untuk mengadakan kerjasama perisikan dan ketenteraan yang lebih rapat lagi bagi menangani masalah keganasan yang dilakukan oleh Parti Buruh Kudistan (PKK). Hubungan Turki dan Amerika Syarikat

⁵⁰ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 142.

semakin erat apabila pada 5 hingga 7 April 2009 telah dilakukan kunjungan balas yang dilakukan oleh Presiden Barack Obama ke Turki bagi mengeratkan lagi kerjasama serantau bagi mendapatkan faedah kepada kedua-dua belah pihak.

Dengan itu sekaligus, Erdogan dan Barack Obama telah melancarkan “Rangka Kerjasama Strategik Ekonomi dan Komersial” singkatannya FSECC pada 7 Disember 2009⁵¹. Ini merupakan langkah inisiatif kabinet baru bagi Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) dalam menaikkan ikatan pelaburan dan perdagangan. Ditambah pula, Turki dan Amerika Syarikat juga telah mengadakan mesyuarat Majlis Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) dan Suruhanjaya Perkongsian Ekonomi (Economic Partnership Commission)⁵².

Oleh yang demikian, menjelang bulan Jun 2011 perdagangan dua hala antara Turki dan Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 50 peratus sejak tahun 2010 lagi yang mana sebanyak USD6.9 bilion kepada USD10.4 bilion. Pengeksportan Amerika Syarikat ke Turki pula, meningkat sebanyak 58 peratus yang mana daripada USD4.9 bilion kepada USD7.8 bilion. Manakala, pengeksportan Turki ke Amerika Syarikat pula telah meningkat sebanyak 32 peratus iaitu daripada USD2 bilion kepada USD2.6 bilion⁵³. Situasi ini telah mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Turki dengan Blok Eropah selain dapat membantu menghubungkan Barat dengan Timur Tengah.

Oleh itu, berdasarkan pembaharuan dasar luar Turki ini telah mendatangkan kesan yang negatif terhadap kerjasama Turki dengan Israel. Pendekatan dan konsep „Strategic Depth“ ini lebih menggunakan istilah “No political problem in the region can be resolved without [utilizing] Ottoman archives” yang bermaksud tidak ada masalah politik di rantau ini yang boleh diselesaikan tanpa menggunakan arkib Daulah

⁵¹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 142.

⁵² Ibid.

⁵³ Ibid., 143.

Uthmaniyah⁵⁴. Turki membawa pengalaman Daulah Uthmaniyah yang lepas ke dalam peranan dan kedudukan Turki untuk keamanan di Timur Tengah pada masa kini. Akibatnya, timbul krisis-krisis yang menampakkan Turki telah „mengurangkan“ tahap kerjasamanya dengan Israel lebih-lebih lagi apabila isu yang berkaitan dengan Palestin secara khusus dan amnya apabila Turki telah meluaskan pengaruhnya ke arena antarabangsa dan negara-negara jiran yang berhampiran.

4.3 Krisis-Krisis Antara Turki Dan Israel Semasa Recep Tayyip Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki Pada Tahun 2003-2014

Setelah diperkenalkan dasar luar yang baharu ini, telah timbul krisis-krisis antara Turki dengan Israel. Berdasarkan krisis-krisis ini, telah berlaku pembaharuan terhadap hubungan dasar luar Turki dengan Israel dari segi politik, ekonomi dan ketenteraan. Krisis-krisis ini berlaku sepanjang Erdogan menjadi Perdana Menteri Turki. Antara krisis-krisis tersebut ialah :

4.3.1 Isu Serangan Israel Terhadap Gaza

Hubungan Turki dan Israel menjadi semakin teruk akibat dari perlakuan Israel terhadap Gaza. Menurut pendapat Khalis & Roslan⁵⁵ dalam kajian mereka, Operasi *Cast Lead* yang dilancarkan oleh Israel terhadap Gaza merupakan titik mula kemerosotan hubungan dua hala antara Turki dan Israel yang lebih serius.

⁵⁴ Ibid., 160.

⁵⁵ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(1), (2018), 7.

Serangan ini bermula pada 27 Disember 2008 dan berpanjangan selama tiga minggu.

Perdana Menteri Erdogan merasa terhina dengan tragedi tersebut disebabkan dua hari sebelum serangan ke atas Gaza, Turki telah menerima kunjungan daripada Perdana Menteri Israel. Dalam kunjungan tersebut Turki menjadi orang tengah bagi rundingan damai antara Syria dan Israel⁵⁶. Menurut Ahmad Dzakirin⁵⁷ (2012), Turki merasa dikhianati ketika negara tersebut bertindak sebagai fasilitator pembicaraan damai Israel-Syria. Serangan itu terjadi selepas dua hari setelah Erdogan dan Olmert bertemu di Ankara. Erdogan telah melontarkan kritikan pedas terhadap Israel dan mengatakan bahawa serangan tentera Israel di Semenanjung Gaza pada waktu itu adalah penganas. Beliau juga, meminta Israel bertanggungjawab di atas kezaliman yang dilakukan⁵⁸. Malah, pada waktu itu rakyat Turki telah membuat demonstrasi untuk menunjukkan perasaan terhadap kezaliman Israel.

4.3.2 Kerjasama Turki dengan negara Islam dan Arab

Antara faktor-faktor secara umumnya berlaku ketegangan antara Turki dengan Israel adalah disebabkan hubungan Turki dengan dunia Arab lebih erat terutama terhadap Palestin.

Erdogan telah mengiktiraf kewujudan Hamas dan menafikan Hamas sebagai rangkaian penganas. Semasa, Hamas telah memenangi Pilihan Raya Umum Palestin pada Januari 2006 Turki telah memberi kesempatan pada

⁵⁶ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 457.

⁵⁷ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 204.

⁵⁸ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 458.

Hamis untuk mengunjungi ibu Kota Turki dan bertemu dengan Menteri Luar Turki iaitu Abdullah Gul. Maka Turki telah menerima kunjungan pemimpin Hamas iaitu Khalid Misyal pada 16 Februari di Ankara. Turki juga telah berusaha bekerjasama dengan Hamas meskipun mendapat tentangan daripada Barat dan Israel⁵⁹. Turki juga, telah mengadakan rundingan persahabatan antara Hamas dan Fatah untuk menyelesaikan masalah Palestin.

Selain itu, Turki juga telah bekerjasama dengan Syria dengan menubuhkan Dewan Kerjasama Strategik Syria-Turki pada 13 Oktober 2009 di Halab, Syria. Dan telah membuatkan Israel menganggap suatu langkah yang merbahaya yang mana, akan mengganggu tindakan politik Israel terhadap Syria pada masa akan datang. Negara Turki juga, dilihat telah menolak penggunaan kawasan dan wilayahnya untuk Amerika Syarikat menyerang Iran. Hal ini, Turki telah bertegas menghalang dan melarang semua pesawat yang melewati wilayah udaranya untuk menyerang negara Syiah Iran tersebut.

Selain itu, semasa majlis berbuka puasa yang diadakan pada bulan Ramadhan tahun 2009 Erdogan telah menolak dengan tegas penggunaan istilah al-Irhab al-Islami iaitu „keganasan Islam“ yang menggambarkan sesuatu kejadian yang bersenjata dengan agama. Diistilahkan di sini ialah pengganas dan tidak mahu sikap serta fikiran seperti itu berkembang dalam diri manusia. Majlis tersebut dihadiri oleh Setiusaha Agung Pertubuhan Pertahanan Atlantik Utara dari Denmark iaitu Andres Fogh Rasmussen⁶⁰.

⁵⁹ Ibid., 450.

⁶⁰ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 452.

4.3.3 Forum Ekonomi Dunia Di Davos

Selepas tragedi serangan ke atas Gaza, hubungan Turki dan Israel semakin merosot. Pada 29 Januari 2009 di dalam sebuah Forum Ekonomi Dunia di Davos, Erdogan telah berdebat dengan Shimon Peres mengenai isu kekejaman Israel di Gaza dan disebabkan sikap biadab kata-kata Shimon Peres, serta ketidakadilan David Ignatius seorang wartawan *Washington Post* yang memimpin forum tersebut memberhentikan Erdogan untuk membalas jawab terhadap Shimon Peres, telah membuatkan Erdogan meninggalkan persidangan tersebut. Selepas peristiwa ini berlaku, Shimon Peres telah meminta maaf terhadap Erdogan⁶¹.

4.3.4 Peristiwa Kapal Mavi Marmara

Tragedi *Mavi Marmara* yang telah berlaku pada 31 Mei 2010 yang mana, kapal tersebut telah membawa sukarelawan untuk misi *Freedom Flotilla* bagi memberi bantuan kepada Gaza. Misi ini yang ditaja oleh organisasi kemanusiaan Turki iaitu Insani Yardim Vakfi (IHH) atau dikenali *Humanitarian Relief Foundation* dan telah membawa 600 orang sukarelawan ke Gaza bersama-sama dengan enam buah kapal flotilla. Misi bantuan ini telah membawa ramai sukarelawan yang terdiri daripada 37 buah Negara.

Pada tanggal tersebut, Israel telah menyerang kapal tersebut dan seramai 9 orang sukarelawan terbunuh manakala 53 orang yang lain cedera⁶². Sembilan orang sukarelawan yang terbunuh adalah sukarelawan dari Turki. Sehari selepas

⁶¹ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 465- 470.

⁶²Ruzanah Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor. Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza, 11.

serangan keganasan tersebut, Recep Tayyip Erdogan telah menyampaikan pesanan di hadapan anggota Parlimen Turki di atas serangan yang biadap ini dan telah membuatkan Ankara hilang sabar dengan tindakan yang dilakukan oleh Israel ini. Serangan Israel ini telah membawa perubahan kepada politik Turki terhadap Israel⁶³.

Hubungan Turki dengan Israel terus mengalami ketegangan akibat dari keangkuhan Israel rejim zionis yang enggan memohon maaf kepada Ankara. Pada 2 September 2011, Turki telah mengurangkan hubungan diplomatik dengan Israel oleh kerana Israel tidak bersedia meminta maaf kepada Turki, membayar pampasan dan menarik sekatan laut ke atas Gaza⁶⁴. Hal ini telah membuatkan Erdogan menyuruh Duta Israel telah diusir dari Turki dan duta Turki di Israel dipanggil pulang ke Turki⁶⁵.

Namun begitu, pada Mac 2013 Presiden Amerika Syarikat pada masa itu iaitu Barack Obama telah mendesak Israel untuk memohon maaf kepada Turki dan akhirnya Israel memohon permintaan maaf terhadap Turki di atas serangan yang dilakukan oleh rejim zionis pada 31 Mei 2010⁶⁶. Permohonan maaf itu dilakukan oleh Perdana Menteri Israel iaitu Benjamin Netanyahu sendiri melalui telefon kepada Perdana Menteri Turki iaitu Erdogan di atas insiden *Flotilla Gaza*. Benjamin Netanyahu menyatakan permohonan maaf ini ketika mengiringi keberangkatan pulang Presiden Barack Obama daripada lawatan beliau ke Israel selama dua hari.

⁶³ Syarif Taghian (Eds.).

⁶⁴ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 205.

⁶⁵ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. *Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan*, 8.

⁶⁶ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdoğan*, 251.

4.3.5 Latihan Ketenteraan (Helang Anatoli)

Menurut pendapat Amalia⁶⁷ didalam artikelnya, Turki dan Israel telah bersepakat bekerjasama dalam latihan ketenteraan atau dikenali *Military Training Cooperation Agreement* (MTCA) pada tahun 1996. Di dalam perjanjian tersebut Turki dan Israel akan melakukan latihan ketenteraan bersama. Sepatutnya, pada tahun 2009 telah diadakan latihan perang berkod „Reliant Mermaid X“ antara Israel, Turki dan A.S (NATO) di kawasan Mediterranean tetapi latihan tersebut harus diberhentikan sejak Turki memutuskan kerjasama ketenteraan dengan Israel⁶⁸.

Bagi pendapat Syarif Taghian⁶⁹ (2013) didalam bukunya, Erdogan telah menolak sebanyak dua kali pada tahun 2009 dan 2010 terhadap penyertaan Israel dalam beberapa latihan tentera Helang Anatoli yang diadakan setiap tahun. Ia merupakan latihan tentera terpenting dan terbesar merangkumi tiga Negara iaitu Turki, Israel dan NATO. Latihan-latihan ini biasanya dilakukan oleh Israel dengan Turki sejak tahun 2001 lagi.

Selama dua tahun berturut-turut Turki menolak Israel turut serta dalam latihan tersebut yang diadakan di pangkalan udara Helang Anatoli dan tema latihan tersebut dinamakan Helang Anatoli. Sepatutnya latihan pada tahun 2009 perlu dilakukan di pangkalan udara Turki yang terletak di kota Konya selatan Ankara. Latihan itu melibatkan beberapa pesawat tempur hak milik NATO dan latihannya berfokus kepada melancarkan serangan di udara, serangan-serangan di daratan, mengisi bahan bakar di udara dan juga menyerang sistem pertahanan udara.

⁶⁷ Amalia Putri Handayani. Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010, 10.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Syarif Taghian (Eds.), 461.

Pada latihan tahun 2010 pula, dengan tema Helang Anatoli 2-2010 yang diadakan pada 7 Jun dilakukan latihannya di pangkalan udara ketiga di kota Konya juga. Latihan ini telah melibatkan Turki dengan 39 pesawat tempur, Amerika Syarikat dengan 15 pesawat, Itali dengan 5 pesawat IMX, Emiriah Arab Bersatu dengan 6 pesawat, Sepanyol dengan 6 pesawat F 18 dan NATO dengan sebuah pesawat AWACS (Airborn Warning And Control System) bagi menghantar isyarat peringatan awal dari jenis 1-3 I⁷⁰. latihan ini, tidak membenarkan Israel turut serta.

Hal ini terjadi kerana, serangan Israel terhadap konvoi kapal Mavi Marmara untuk misi bantuan ke Gaza. Perdana Menteri Erdogan telah mengatakan dalam wawancara di sebuah televisyen *Qanah al-Arabiyyah* bahawa faktor yang mendorong hal ini berlaku adalah disebabkan Israel telah melakukan kejahatan luar biasa terhadap rakyat Palestin di Gaza⁷¹.

Oleh itu, di sini pengkaji dapat lihat bahawa selepas AKP dapat memerintah Turki, suatu sistem baru telah diperkenalkan dan telah membuatkan perubahan terhadap dasar luar Turki dengan Israel terutamanya.

4.4 Pembaharuan Dasar Luar Turki Dengan Israel Ketika Recep Tayyip Erdogan Sebagai Perdana Menteri Turki Dari Tahun 2003-2014.

Apa yang pengkaji dapat menganalisis adalah yang membawa kepada pembaharuan dasar luar Turki dengan Israel adalah bertitik tolak terhadap krisis-krisis yang berlaku antara Turki dengan Israel. Antara krisis-krisis yang jelas dan memburukkan lagi

⁷⁰ Syarif Taghian (Eds.), 464.

⁷¹ Ibid., 463.

hubungan Turki dan Israel ialah serangan Israel terhadap Gaza dan peristiwa Mavi Marmara serta sekaligus telah memberi kesan terhadap perubahan dasar luar Turki dengan Israel khususnya dari segi diplomatik, ekonomi dan ketenteraan.

4.4.1 Diplomatik

Dari segi politik, pembaharuan yang berlaku adalah bersangkut-paut juga dengan ekonomi dan ketenteraan dalam kerjasama dengan Israel. Perdana Menteri Erdogan menyatakan kerjasama dari aspek diplomatik Turki dengan Israel akan diteruskan dan semakin meluas.

Pada tahun 2003, Turki dan Israel saling melakukan lawatan di mana Menteri Pertahanan Israel iaitu Shaul Mofaz telah melawat Turki untuk membincangkan mengenai kerjasama anti-terorisme. Pada bulan Jun 2003 pula, Ketua Jeneral Angkatan Bersenjata Turki iaitu Hilmi Özkök telah melawat Israel⁷². Pada bulan Mei 2005 pula, Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan telah bertemu dengan Perdana Menteri Ariel Sharon di Israel untuk menjadi pengantara bagi menyelesaikan masalah perdamaian Palestin dengan Israel. Sebelum itu, pada tahun 2004 Turki telah menandatangani sebuah kesepakatan dengan Israel bagi mengeksport sebanyak lima puluh juta meter padu air Turki ke Israel setiap tahun selama sepanjang 20 tahun.

Namun, semasa berlaku peristiwa pembunuhan ketua Hamas iaitu Syeikh Ahmad Yassin. Erdogan telah mengkritik tindakan Israel tersebut dan menyatakan perkara itu merupakan satu keganasan dan kezaliman.

⁷² Amir Mohammad Haji Yousefi & Hemat Elmani, Turkey-Israel Relationship in the Past Decade and its Consequences for Iran. *Iranian Review of Foreign Affairs*, Vol. 2, No. 3, (Fall 2011), 70.

Pada bulan Februari 2007 pula, Perdana Menteri Israel Ehud Olmert telah mengunjungi Ankara. Dalam kunjungan itu, Erdogan telah meyakinkan Ehud Olmert untuk menerima sebuah suruhanjaya Turki untuk meneliti terowong Israel di bawah Masjid al-Aqsa. Akan tetapi, suruhanjaya tersebut tidak diterima dan telah berlaku perselisihan faham antara Turki dan Israel.

Pada tahun yang sama bulan November, Ankara telah menerima sebuah kunjungan daripada Presiden Shimon Peres untuk bertemu dengan Presiden Mahmut Abbas. Pada waktu itu, Presiden Shimon Peres telah mendapat sambutan yang luar biasa dan telah menyampaikan pidato di bangunan Parlimen Turki⁷³. Pada 2 September 2011, Turki telah mengurangkan hubungan diplomatik dengan Israel oleh kerana Israel tidak bersedia meminta maaf kepada Turki, membayar pampasan dan menarik sekatan laut ke atas Gaza. Hal ini telah membuatkan Erdogan menyuruh Duta Israel telah diusir dari Turki dan duta Turki di Israel dipanggil pulang ke Turki.

4.4.2 Ekonomi

Pembaharuan yang berlaku terhadap hubungan Turki dengan Israel boleh dilihat terhadap dasar luarnya dari segi ekonomi. Selepas berlaku peristiwa Mavi Marmara, telah memberi kesan terhadap hubungan Turki dan Israel yang mana pada bidang perdagangan, pada tahun 2011 Turki telah membatalkan kerjasama dengan Israel dalam ekonomi dan ketenteraan dan telah menyebabkan pada tahun 2012, perdagangan Negara Turki dan Israel merosot dan menurun, ia terjadi dalam sektor industri bahan-bahan kimia⁷⁴. Jumlah penurunan perdagangan kedua-dua negara tersebut ialah USD 400 juta dalam tempoh satu

⁷³ Syarif Taghian (Eds.), 451.

⁷⁴ Andraina Ary Fericandra, Ambivalensi Implementasi Neo-Ottomanisme dalam Kebijakan Luar Negeri Turki terhadap Israel (2009-2014). *Jurnal Hubungan Internasional*. 9(1), (2016), 162.

tahun di mana, jumlahnya daripada USD 444 juta pada tahun 2011 telah menurun kepada USD 403 juta pada tahun 2012.

Bagi bidang pelaburan pula, nilai pelaburan Israel dan Turki menurun terutama pada sektor perlombongan minyak dan perbankan akibat dari pembatalan kerjasama ekonomi Turki terhadap Israel berdasarkan insiden Mavi Marmara pada tahun 2010. Di mana, kadar pelaburan Israel di Turki telah menurun secara drastik daripada USD 997 juta pada tahun 2010 kepada USD 427 juta pada tahun 2011. Ia telah menyebabkan sektor perlombongan minyak hanya memiliki 13% sahaja dan sektor perbankan sebanyak 11% sahaja⁷⁵. Menurut ketua dalam *Turkish-Israel Business Council* iaitu Menashe Carmon mengatakan krisis antara Turki dan Israel telah menyebabkan para pelabur Israel telah berfikir banyak kali dan menunda untuk melaburkan dan bekerjasama dalam jangka masa panjang dengan Turki. Ia juga telah membuatkan para pelabur Turki di Israel terkesan dengan insiden Mavi Marmara itu.

Misalnya, pelabur Zorlu Group yang telah mengurangkan aktiviti dan operasi dalam projek gas asli di Israel disebabkan tekanan dan sensitiviti orang awam. Selain itu, pelabur Yilmazlar Construction Group ia merupakan perusahaan Turki yang bergerak dalam bidang kontraktor di Israel sejak daripada tahun 1993. Perusahaan ini telah memberikan peluang pekerjaan kepada 700 tenaga kerja Israel dan telah menyatakan asset-aset perusahaan mereka sebesar jutaan dolar AS (Amerika Syarikat) harus dibekukan sebagai protes terhadap tindakan Israel kepada insiden Mavi Marmara.

Manakala, sektor pelancongan pula Turki telah mengurangkan lawatan pelancong dari Israel ke Turki. Di sini dapat dilihat, industri pelancongan telah menjadi sektor ekonomi yang paling nampak kesannya apabila berlaku krisis

⁷⁵ Andraina Ary Fericandra, *Ambivalensi Implementasi Neo-Ottomanisme dalam Kebijakan Luar Negeri Turki terhadap Israel (2009-2014)*, 163.

antara Turki dan Israel. Hal ini, terbukti terhadap sikap Turki yang telah mengkritik tindakan Israel sejak dari tahun 2009 lagi dan telah menyebabkan penurunan terhadap kunjungan pelancong Israel ke Turki. Penurunan tersebut daripada jumlah 558 183 pelancong pada tahun 2008 telah berkurangan kepada 316 466 pelancong pada tahun 2009.

Apabila selepas berlakunya insiden Mavi Marmara, Menteri Luar Negeri Israel telah mengumumkan „Travel Warning“ atau amaran perjalanan yang telah menyebabkan jumlah lawatan Israel yang melawat Turki semakin berkurang iaitu 110 322 pelancong pada tahun 2010 kepada 99 420 pelancong pada tahun 2011. Pengurangan lawatan pelancong Israel ke Turki ini turut juga terkesan pada pendapatan ekonomi pelancongan Turki iaitu daripada jumlahnya USD 120 juta pada tahun 2009 menjadi hanya USD 61 juta pada tahun 2011.

Namun, pembatalan kerjasama Turki terhadap Israel telah memberi kesan yang merosot terhadap ekonomi Turki. Maka, pemerintah Turki mengambil keputusan untuk bekerjasama semula dengan Israel dalam bidang ekonomi tetapi, memutuskan hubungan perdagangan dengan Israel hanya dalam sektor yang berkaitan dengan pertahanan dan ketenteraan sahaja. Oleh itu, pada tahun 2013 hubungan Turki dan Israel dalam bidang ekonomi semakin meningkat sehingga tahun-tahun berikutnya. Pada 22 Mac 2013, perdana menteri Israel Benjamin Netanyahu secara rasmi memohon maaf kepada perdana menteri Erdogan atas insiden Mavi Marmara dan telah memperbaiki kerjasama antara mereka⁷⁶.

⁷⁶ Ibid., 166.

4.4.3 Ketenteraan

Berdasarkan dari pembatalan dasar luar Turki dalam kerjasama ekonomi, Turki telah melakukan pembaharuan hubungan dasar luarnya dengan Israel dari kerjasama ketenteraan kepada memutuskan dan membatalkan kerjasama tersebut. Selepas peristiwa penyerangan Israel terhadap kapal konvoi Freedom Flotilla iaitu Mavi Marmara, pemerintah Turki telah memberhentikan kerjasama tersebut.

Sebelumnya, Turki dan Israel telah bersepakat dan bersetuju bekerjasama di dalam latihan ketenteraan atau dikenali Military Training Cooperation Agreement (MTCA) melalui perjanjian yang disepakati pada bulan Februari 1996. Kesepakatan tersebut telah membuatkan Turki dan Israel mengadakan latihan penerbangan di sempadan negara bersama-sama dalam empat kali setahun dan latihan angkatan laut, adanya pertukaran petugas, kerjasama dalam perisikan, lawatan perwakilan ketenteraan, pertemuan dialog untuk strategi bersama dan kerjasama dalam industri pertahanan.

Oleh itu, antara tindakan yang dilakukan oleh Turki dalam kerjasama aspek ketenteraan ialah pembekuan persenjataan ketenteraan yang mana, pada tanggal 18 Jun 2010 Turki telah membekukan sekitar 16 kesepakatan jual beli senjata dengan Israel seperti projek peluru kendali, baiki pesawat tempur dan lain-lainnya⁷⁷.

Selain itu, terjadinya pembatalan latihan ketenteraan, ia berlaku selepas peristiwa serangan Israel terhadap Gaza dan berlanjutan serangan terhadap kapal Mavi Marmara. Pemerintah Turki telah membatalkan tiga latihan ketenteraan dengan Israel, latihan tersebut kebiasaannya akan dilakukan Turki dan Israel bersama selepas mereka melakukan perjanjian latihan ketenteraan pada tahun

⁷⁷ Amalia Putri Handayani. Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010. *Jurnal Transnasional*. 3(2), (2012), 8.

1996 namun, telah dibatalkan akibat dari kekejaman yang dilakukan oleh Israel. Latihan tersebut sepatutnya dilakukan pada 17 hingga 21 Ogos 2009 yang dinamakan latihan „*Reliant Mermaid X*“ di kawasan Mediteranian. Tujuannya untuk melatih bagaimana mengetahui koordinat ketika operasi pencarian dan penyelamatan ketika situasi genting.

Seterusnya, maklumat risikan ketenteraan telah dibekukan⁷⁸. Sejak Kesepakatan Kerjasama Pelatihan Ketenteraan di tandatangani Turki selalu melakukan pertukaran maklumat dan informasi kepada Israel. Ekoran terjadinya serangan Israel terhadap kapal bantuan Gaza Mavi Marmara, telah berlaku perubahan terhadap informasi perisikan tersebut. Di mana, Organisasi Perisikan Antarabangsa Turki telah memberhentikan kerjasama yang sangat tegas terhadap Mossad Israel sejak terjadinya peristiwa itu. Berdasarkan perkara Israel dianggap telah melanggar peraturan dan norma internasional kerana telah menyerang orang awam yang dalam kegiatan sukarelawan tersebut.

Dan juga, larangan penerbangan terhadap tentera Israel yang mana sebanyak dua kali Turki menolak permohonan pesawat Israel melewati ruang udara Turki. Salah satu daripadanya, Turki melarang pesawat tentera Israel yang membawa lebih 100 askar untuk melewati ruang udara Turki. Pesawat tersebut dalam perjalanan dari Israel ke Auschwitz untuk melawat tugu peringatan dan kem tahanan Yahudi yang ada di Polandia⁷⁹. Penerbangan tersebut telah menggunakan pesawat kargo Boeing 707 dan terpaksa tentera Israel menggunakan jalan alternatif yang lain.

⁷⁸ Ruzanah Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor. Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza. *International Journal of West Asian Studies*. 8(1), (2016), 12.

⁷⁹ Amalia Putri Handayani, 12.

Maka, pengkaji melihat hubung kait sesuatu peristiwa dan tragedi oleh tindakan, serangan atau kekejaman oleh Israel telah menyebabkan Turki membuat keputusan untuk melakukan pembaharuan terhadap dasar luarnya dengan Israel.

4.5 Implikasi Hubungan Turki Dan Israel Pada Masa Depan

Dengan pembaharuan dasar luar Turki yang baru ini, dapat dilihat bahawa hubungan Turki dengan Israel menunjukkan tindak balas yang negatif. Turki mula menunjukkan minatnya terhadap negara-negara Arab termasuk Palestin dan bekerjasama dengan negara tersebut. Kekuatan yang ada pada Turki membuatkan Israel terasa kesannya. Antara faktor-faktor lain yang membuatkan Israel terasa terkesan ialah Turki mula mendekati Rusia dengan membekalkan gas aslinya kepada negara tersebut yang mana, pada 13 Ogos 2009 kedua-dua negara tersebut telah menandatangani sebuah kesepakatan untuk mewujudkan projek pemasangan paip gas Naboko bagi mengalirkan gas ke laut Qazwin menuju ke Eropah.

Selain itu, Turki juga telah bekerjasama dengan negara di kawasan Asia Tengah iaitu Iran dan Rusia. Turki mula ingin keluar dari NATO yang membuatkan Israel bimbang kerana latihan bersama dengan Turki yang terletak di Ankara tidak lagi dijalankan. Selain itu, Turki mula memandang kepada jiran besarnya iaitu dunia Arab yang mana mereka memiliki hubungan sejarah, peradaban, budaya dan agama yang sama ini membuatkan lagi kurangnya kerjasama Turki dengan Israel.

Oleh yang demikian, dengan kekuatan yang Turki ada pada pakatan dengan negara-negara berhampirannya membuatkan Turki akan melawan dan mengambil

tindakan tegas terhadap Israel apabila mereka melakukan kekejaman, kebiadaban dan kekerasan terhadap negara yang Turki membuat pakatan terutamanya Palestin. Namun, kerjasama antara Turki dan Israel masih lagi dikekalkan diatas aspek yang memberi keberuntungan pada mereka samaada pada pihak negara Turki atau kepada pihak Israel.

4.6 Kesimpulan

Selepas kenaikan Recep Tayyip Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki, beliau telah banyak membawa perubahan dan pembaharuan di dalam sistem pemerintahan Turki yang sebelum ini mengamalkan sekular. Perubahan dan pembaharuan yang dilakukan tersebut ialah terutamanya pembaharuan dalam dasar luar Turki. Pembaharuan dalam dasar luar Turki ini telah banyak membawa perubahan dalam politik dan pentadbiran di Turki.

Pada waktu itu, Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan telah melantik Profesor Dr. Ahmet Davutoğlu sebagai Menteri Luar Turki dan beliau merupakan perancang di dalam perubahan dan pembaharuan dasar luar Turki ini yang dipimpin oleh Erdogan. Ahmet Davutoğlu telah menggunakan pendekatan berdasarkan konsep *Strategic Depth* untuk merangka dasar luar Turki ini. Maka, berdasarkan dari konsep ini juga pendekatan polisi yang disebut “Neo – Ottomanism” yang mana ia menerangkan bahawa polisi tidak bermasalah dengan Negara-negara jiran atau pun „zero problems with neighbours” telah digunakan. Ia juga merujuk kepada menjaga hubungan baik dengan Negara-negara jirannya dan juga dengan rakan di dalam hubungan diplomatik sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa.

Maka, Turki bebas bekerjasama dengan mana-mana kuasa atau negara yang bersesuaian. Antara negara Turki bekerjasama selepas pembaharuan dasar luar ini ialah negara jirannya seperti Azerbaijan dan Rusia. Turki juga bekerjasama dengan negara-negara Arab, rantau Timur Tengah dan negara Islam seperti Damsyik, Kaherah, Syria, dan Iraq. Turki juga telah bekerjasama dengan Hamas untuk membantu Palestin. Ia termasuk juga kerjasama dengan Mesir yang mempunyai pertalian dengan Turki dari aspek budaya dan sejarah.

Turki juga telah menonjol di dalam melakukan misi bantuan kemanusiaan. Terutama bagi masyarakat Palestin, Aceh, dan rakyat Rohingya serta Tunisia. Selain itu juga, Turki telah bekerjasama dengan negara Asia Tenggara termasuklah negara Indonesia dan Malaysia. Seterusnya, Turki telah memberi perhatian kerjasama dengan Barat terutamanya Amerika Syarikat (AS).

Oleh yang demikian, berdasarkan konsep dasar luar Turki yang baru ini sedikit sebanyak telah memberi kesan yang negatif terutamanya terhadap hubungan Turki dengan Israel. Hal ini berlaku kerana, dasar luar Turki yang pelbagai dan memandang ke negara-negara jirannya. Di sini, ia berfokus kepada kerjasama dasar luar Turki dengan negara Arab dan Islam terutamanya Palestin. Telah membuatkan Israel merasa sedikit tergugat kerana Palestin merupakan negara yang ditakluk oleh Israel dan mengiktiraf Palestin sebagai tanah milik mereka.

Akibatnya, hubungan Turki dan Israel merosot dan perkara ini juga berpunca daripada krisis-krisis yang berlaku antara Turki dan Israel ketika zaman Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan. Antaranya ialah berlakunya serangan Israel terhadap Gaza yang telah membuatkan Perdana Menteri Erdogan merasa terhina dan marah. Beliau telah meminta Israel bertanggungjawab terhadap kezaliman yang dilakukannya.

Selain itu, pembaharuan dasar luar Turki yang telah bekerjasama dengan negara Arab telah membuatkan Israel merasa tercabar dan disisihkan. Israel merasakan ketidakpuasan terhadap Turki apabila bekerjasama dengan negara Arab seperti Mesir, Palestin, Syria, Iran dan Iraq.

Di samping itu, semasa program Forum Ekonomi Dunia di Davos pada 29 Januari 2009 Erdogan telah meninggalkan persidangan tersebut yang sedang berlangsung akibat dari sifat dan kelakuan Shimon Peres dalam perdebatan mengenai tindakan serangan Israel terhadap Gaza. Tambahan pula, telah berlaku krisis di mana sebuah kapal Mavi Marmara milik Turki telah diserang oleh militan Israel. Peristiwa tersebut telah berlaku pada 31 Mei 2010 semasa misi Freedom Flotilla untuk memberi bantuan kepada Gaza. Dalam kejadian serangan tersebut, sukarelawan daripada Turki seramai Sembilan orang telah terbunuh.

Di samping itu, Perdana Menteri Erdogan telah memberhentikan latihan ketenteraan bersama dengan Israel. Di sini, Erdogan telah menolak sebanyak dua kali terhadap penyertaan Israel di dalam latihan ketenteraan pada tahun 2009 dan 2010. Latihan tersebut dipanggil Helang Anatoli bersempena nama pangkalan tersebut.

Oleh yang demikian, berdasarkan krisis-krisis yang berlaku di antara Turki dengan Israel telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap kerjasama Turki dengan Israel. Perubahan tersebut merangkumi aspek diplomatik, ekonomi dan ketenteraan. Dari aspek diplomatik, hubungan Turki dan Israel bermula tahun 2003 selepas AKP memerintah Turki menampakkan kesan yang positif sehingga tahun 2004. Akan tetapi, semasa berlaku pembunuhan ketua Hamas iaitu Syeikh Ahmad Yassir, Israel telah dikritik di atas tindakannya. Pada tahun 2005 hingga 2008 kerjasama diplomatik Turki dengan Israel mula membaik. Akan tetapi, pada 2 September 2011 Turki telah mengurangkan hubungan diplomatiknya dengan Israel akibat daripada

serangan Israel terhadap Gaza dan kapal Mavi Marmara. Ini telah membuatkan duta Israel dihalau keluar daripada Turki dan duta Turki dibawa pulang dari Israel.

Dari aspek ekonomi pula, Turki telah membatalkan kerjasama dengan Israel dalam bidang perdagangan pada tahun 2011. Akibatnya, perdagangan Turki dan Israel telah merosot pada tahun 2012. Bagi bidang pelaburan pula, nilai pelaburan Turki dan Israel telah menurun bagi sektor minyak dan perbankan. Dalam sektor pelancongan Turki dengan Israel telah dikurangkan lawatan pelancong dari Israel ke Turki. Namun, pembatalan kerjasama Turki dengan Israel telah membuatkan ekonomi Turki menurun. Maka, Turki telah memperbaiki semula kerjasama dengan Israel dalam aspek ekonomi tetapi tidak berkaitan dengan sektor peralatan ketenteraan.

Dari aspek ketenteraan pula, Turki telah membatalkan kerjasama tersebut. Selepas berlakunya peristiwa serangan Israel terhadap Gaza, Turki telah membatalkan latihan bersama ketenteraan dengan Israel dan melarang pesawat tentera Israel melalui ruang udara Turki.

Berdasarkan konsep dasar luar Turki yang lebih dinamik dan zero problem dengan Negara jirannya dan juga, Turki telah bekerjasama dengan Negara Arab bagi memperbaiki hubungan dengan Negara-negara Islam terutamanya, telah membuatkan dasar luar dengan Israel semakin merosot dan telah menimbulkan krisis-krisis yang menyebabkan Turki kurang bekerjasama dengan Israel. Namun, hal itu berlaku akibat dari perbuatan dan kekejaman yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin dan serangan Israel terhadap kapal Mavi Marmara yang mengundang Turki untuk menurunkan hubungan luarnya dengan Israel dari aspek diplomati, ekonomi dan ketenteraan.

Oleh itu, pembaharuan dasar luar Turki terhadap Israel adalah berdasarkan keganasan atau kekejaman yang dilakukan oleh Israel terhadap Negara-negara yang bekerjasama dengan Turki terutamanya Palestin. Maka, berdasarkan pembaharuan yang

berlaku terhadap hubungan Turki dan Israel kesannya pada masa akan datang adalah berdasarkan tindakan Israel itu sendiri. Hal ini bermaksud, kerjasama antara Turki dan Israel akan dikekalkan apabila ia memberi manfaat dan keberuntungan kepada negara tersebut sama ada pada Turki atau pada Israel.

Universiti Malaya

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Berdasarkan kajian Hubungan Turki Dan Israel Pada Zaman Pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014) merupakan satu kajian yang amat mencabar sekali. Banyak maklumat-maklumat dan data-data yang dapat dikumpulkan dan dicari walaupun kebanyakannya dari luar Malaysia. Menerusi maklumat-maklumat tersebut, pengkaji dapat menganalisis kajian ini. Oleh yang demikian, bab lima ini akan menerangkan rumusan bagi hasil kajian mengenai hubungan Turki dan Israel, implikasi dari kajian tersebut dan cadangan untuk kajian ini atau lanjutan kajian.

5.2 Rumusan

Rumusan bagi kajian mengenai hubungan Turki dan Israel pada zaman pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014) akan diterangkan secara sub topik bab iaitu dari bab dua sehingga bab empat.

5.2.1 Rumusan Bab 2 : Sejarah Awal Perkembangan Hubungan Turki dan Israel.

Sejarah awal perkembangan hubungan Turki dan Israel membahas mengenai kejatuhan Daulah Turki Uthmaniyah serta penubuhan republik Turki yang diperkenalkan oleh Kemal Ataturk selepas kejatuhan Khalifah Turki Uthmaniyah, seterusnya dibahas mengenai dasar luar Turki dengan Israel dari tahun 1948 hingga 2002. Melalui data-data dan sumber-sumber yang diperolehi, didapati bahawa hubungan Turki dan Israel telah wujud dari zaman pemerintah khalifah Islam Turki Uthmaniyah lagi, tetapi itu secara tidak rasmi.

Pemerintah Uthmaniyah pada ketika itu pernah memberi penempatan terhadap keluarga Yahudi di kawasan jajahannya. Mengenai kejatuhan Turki Uthmaniyah pula berlaku disebabkan isu-isu dalaman dan luaran. Banyak kuasa dan pengaruh luar telah masuk ke dalam pemerintahan Daulah Turki Uthmaniyah. Lebih-lebih lagi apabila, Turki Uthmaniyah telah menyertai Perang Dunia I dan menyebabkan mengalami kekalahan yang teruk, membuatkan lagi pemerintahan Daulah Turki Uthmaniyah semakin merosot.

Pemerintahan Daulah Uthmaniyah telah dijatuhkan oleh sebuah organisasi yang dikenali Young Turk yang diketuai oleh Kemal Ataturk. Selepas kejatuhan Daulah Islam Turki Uthmaniyah, pemerintah Turki telah berubah kepada sekular dan dikenali Republik Turki. Ia diperkenalkan oleh Kemal Ataturk dan beliau menjadi Presiden Turki yang pertama. Semasa pemerintahannya, banyak perubahan yang telah dilakukan dengan menggunakan prinsip yang baharu yang dipanggil Kemalisme atau „Nilai Kemalis“ dan ia terdiri daripada enam prinsip. Prinsip inilah yang akan membentuk pemerintahan yang baharu di Turki.

Enam prinsip itu ialah republikanisme, nasionalisme, populisme, etatisme, sekularisme dan revolusionisme. dan Kemal telah mengubah Turki seratus peratus mengikut budaya Eropah dan memutuskan semua rantaian yang berkait dengan Islam. Menerusi sistem pemerintah sekular ini, selepas kematian Kemal Ataturk warisan sekular ini diikuti oleh presiden seterusnya terutama Ismet Inonu. Beliau meneruskan pemerintahan sekular ini sehingga presiden selepasnya. Pemerintahan sekular mengalami perubahan selepas kenaikan pemerintah baru iaitu selepas AKP memegang pemerintahan Turki. Semasa pemerintahan Ismet Inonu ini, pada tahun 1949 Turki merupakan Negara majoritinya Islam telah mengakui kewujudan Negara Israel.

Di sini, pengkaji ada menerangkan mengenai sejarah kewujudan negara Israel di dalam bab dua ini. Kewujudan negara Israel adalah bermula semasa Perang Dunia Kedua. Waktu itu, orang Yahudi telah berkhidmat di dalam tentera. Mereka terlibat di dalam peperangan adalah untuk mendapatkan pertolongan daripada pihak Inggeris untuk mereka kembali ke Palestin. Hal ini adalah kerana telah munculnya anti Yahudi atau dikenali anti-Semitisme sebelum Perang Dunia Kedua. Mereka percaya bahawa Palestin merupakan tempat terbaik untuk membina semula kehidupan dan bangsa mereka yang telah rosak. Akibat dari anti-Semitisme ini ramai orang Yahudi telah menjadi pelarian, mereka juga terkenal dengan panggilan displaced person (DP). Maka, dalam kalangan mereka yang melarikan diri ke Palestin. Pada waktu itu juga, Yahudi Amerika telah melobi kepada kerajaan Amerika untuk menyokong dan menolong mereka. Hasilnya, negara Israel telah ditubuhkan dengan sokongan yang diberikan oleh Amerika. Jadinya, pada April 1948 Harry Truman telah dilantik menjadi Presiden Israel.

Apabila negara Israel terbentuk, selepas Turki mengakui kewujudannya, termeterainya secara rasmi hubungan diplomatik antara Turki dan Israel. Hubungan dasar luar Turki dan Israel merangkumi aspek politik, ekonomi dan ketenteraan.

Perkembangan awal hubungan Turki dan Israel dari tahun 1948 hingga 2002 merangkumi aspek politik, ekonomi dan ketenteraan. Analisis dari data-data yang diperolehi dari aspek politik hubungan, hubungan Turki dan Israel banyak berkaitan dengan kerjasama mereka dalam pakatan-pakatan dan perjanjian-perjanjian yang dipersetujui bersama serta duta Israel telah ditempatkan di Turki. Ekonomi pula, didapati Turki dan Israel mengembangkan sektor perdagangan bersama serta di dalam sektor pelancongan juga. Manakala,

dari aspek ketenteraan pula Turki telah mengadakan kesepakatan dalam sistem tentera dan sistem pertahanan Negara. Sistem ketenteraan Turki dikenali Angkatan Tentera Turki (TSK) telah bekerjasama dengan Israel. Pada tahun 1996, pihak tentera Turki dan Israel telah bersepakat dalam mengadakan latihan ketenteraan bersama.

Kerjasama dalam semua aspek ini dikekalkan sehingga tahun 2000. Akan tetapi, apabila tampuk pemerintahan diambil alih oleh AKP, banyak perubahan dalam kerjasama antara Turki dan Israel. Terutama, apabila Recep Tayyip Erdogan dilantik menjadi Perdana Menteri Turki pada waktu itu dan beliau telah melakukan pembaharuan dasar luar Turki yang baru. Perubahan kerjasama Turki dan Israel ini boleh dilihat semasa Erdogan menjadi Perdana Menteri dari tahun 2003 hingga 2014.

5.2.2 Rumusan Bab 3 : Biografi Recep Tayyip Erdogan dan Sumbanganya Sebagai Perdana Menteri Turki

Sebelum mengetahui mengenai bagaimana hubungan Turki dengan Israel pada pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erodgan (2003-2014), terlebih dahulu dibincangkan mengenai biografi Recep Tayyip Erdogan bagi mengetahui diri beliau, asal usulnya, pendidikannya dan pemerintahannya sebagai Perdana Menteri Turki pada waktu itu. Beliau dilahirkan pada 26 Februari 1954 dan dibesarkan di Kaptanşa, Istanbul. Ibu beliau bernama Tenzile dan bapanya bernama Ahmet Erdogan.

Pendidikan awal beliau bermula dari Sekolah Rendah Piyalepasa. Setelah itu, Erdogan telah meneruskan pendidikannya di peringkat sekolah tinggi di Sekolah Imam Hatip dari tahun 1965 hingga 1973 dan beliau mendapat diploma dari Sekolah Tinggi Eyüp (Eyüp Lisesi). Selepas itu, beliau menyambung

pengajiannya di Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan di Universiti Marmara dan menamatkan pengajiannya pada tahun 1981. pada tahun 1978 pula, beliau telah berkahwin dengan Emine Gülbaran dan dikurniakan dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan.

Penglibatan Erdogan di dalam politik adalah bermula daripada remaja lagi yang mana ketika belajar, beliau sangat aktif di dalam persatuan dan mempunyai sifat kepimpinan. Persatuan yang beliau sertai ialah MSP (Mili Salamat Partisi) dikenali juga Hizb Salamah al-Wathani. Semasa di dalam parti ini, beliau sangat aktif dan telah dilantik menjadi ketua Pemuda MSP di wilayah Istanbul. Seterusnya, pada tahun 1983, beliau telah melibatkan diri dalam Parti Refah (RP) dan menjadi ketua RP di Daerah Beyoğlu pada tahun 1984 dan ketua RP di wilayah Istanbul pada tahun 1985 pula. Melalui sifat bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh Erdogan ini telah membuatkan masyarakat Turki menyanjung beliau. Hal ini telah menyebabkan Parti Refah memenangi pilihanraya perbandaran Beyoğlu pada tahun 1989. Pada tahun 1994, Erdogan telah dilantik sebagai Datuk Bandar Bandaraya Istanbul. Pada tahun 1997, beliau pernah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan disebabkan, ucapan Erdogan di Siirt yang dikatakan mengancam sekular.

Selepas dibebaskan daripada penjara, Erdogan kembali aktif di dalam politik. Pada tahun 2000, beliau bersama rakan-rakannya telah menubuhkan parti baru iaitu AKP (Adelet ve Kalkinma Partisi) dan dipanggil Parti Kemajuan dan Keadilan. Pada tahun 2002 AKP ini telah memenangi Pilihanraya Umum Turki dengan mendapat 34.3 peratus undian. Maka, kejayaan yang diperolehi ini telah membentuk pemerintahan yang baru di Turki. Oleh itu, pada tahun 2003 Recep Tayyip Erdogan telah dilantik menjadi Perdana Menteri Turki.

Semasa Recep Tayyip menjadi Datuk Bandar dan Perdana Menteri, banyak sumbangan yang telah beliau buat untuk membangunkan Turki. Semasa menjadi Datuk Bandar pada tahun 1994, beliau telah menyelesaikan masalah-masalah keperluan masyarakat seperti bekalan air yang tidak mencukupi ditambahkan saluran paip sepanjang ratusan kilometer. Begitu juga masalah sampah dengan diperkenalkan sistem kitar semula yang moden dan ditubuhkan Syarikat Pemprosesan Sisa Buangan dan Persekitaran Istanbul (ISTAC A.S.). Bagi mengurangkan pencemaran udara, beliau telah memperkenalkan projek memindahkan gas semula jadi. Isu mengenai kesesakan lalu lintas juga terkawal dengan pembinaan lima puluh buah jambatan yang baru. Beliau juga dapat menghapuskan amalan rasuah di Istanbul.

Selain itu, antara sumbangan beliau semasa memegang tampuk pemerintahan Turki pula, telah memberi insentif kepada golongan miskin dan telah memberikan tanah kepada golongan petani yang tinggal di kawasan luar bandar. Antara sumbangan Erdogan yang sangat membanggakan ialah beliau telah memperkenalkan sistem wang yang baharu. Sistem wang tersebut telah dihapuskan enam digit kosong di dalam mata wang Lira Turki. Dengan pemansuhan enam angka digit kosong ini membolehkan satu YTL (Lira Turki Baharu) bersamaan dengan satu juta Lira yang lama. Maka, mata wang Turki telah menjadi 1.5 Lira kepada satu dollar A.S (Amerika Syarikat). Berdasarkan pembaharuan mata wang ini, ekonomi Turki semakin meningkat. Turki juga, merupakan negara yang telah bebas hutang dengan IMF (International Monetary Fund) yang mana Turki dapat membayar sebanyak USD 23.5 bilion dengan jumlah penuh.

Di samping itu, Erdogan telah membuat pendekatan dengan golongan pekerja. Hasilnya, kadar pengangguran di Turki terkawal. Erdogan telah

menggunakan pendekatan rundingan „persaudaraan“ antara pihak korporat dengan pekerja. Sumbangan lain yang dilakukan oleh Erdogan ialah mengenai larangan bertudung dalam kalangan wanita. Pada tahun 2013, Erdogan telah mengumumkan larangan bertudung dimansuhkan untuk kakitangan awam dan dipanjangkan kepada peringkat sekolah dan universiti awam. Seterusnya, Erdogan telah memperbanyakkan pembinaan masjid dengan mengekalkan ciri-ciri binaan Daulah Turki Uthmaniyah dan telah menjadikan masjid sebagai tempat lawatan pelancong.

Erdogan juga telah menitikberatkan perkembangan pendidikan terutama didikan agama. Bermula dari tahun 2009 graduan daripada Madrasah Imam Hatip telah dibenarkan melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi di dalam bidang perubatan dan bidang-bidang yang lain di universiti.

Selain itu, Erdogan juga telah menyelesaikan masalah masyarakat Kurdi yang telah lama berada di wilayah Turki sejak zaman Daulah Islam Uthmaniyah lagi. Oleh itu, Erdogan telah memperkenalkan dasar “Democratic Opening Policy” atau dikenali Demokratik Achilim yang merupakan pendekatan yang boleh menyelesaikan masalah masyarakat Kurdi. Daripada dasar tersebut, Erdogan telah mengambil beberapa inisiatif untuk berdamai dengan mereka seperti membenarkan imam bangsa Kurdi berkhidmat di masjid, menukar nama Bandar yang didiami mereka ke dalam bahasa Kurdi, membenarkan bahasa Kurdi diajar di sekolah dan lain-lain lagi.

Sumbangan dan perubahan yang dilakukan oleh Recep Tayyip Erdogan ini telah menampakkan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada dirinya. Ini merupakan salah satu sebab AKP telah memenangi di dalam Pilihan Raya Umum 2011.

5.2.3 Rumusan Bab 4 : Hubungan Turki dan Israel pada Zaman Pemerintahan

Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014).

Berdasarkan analisis mengenai hubungan Turki dan Israel pada zaman pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan dari tahun 2003 hingga 2014 telah berlaku perubahan apabila dasar luar Turki telah berlaku pembaharuan.

Semasa pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri Turki, beliau telah melakukan pembaharuan kepada dasar luar Turki dengan negara-negara luar untuk memperkukuhkan lagi hubungan luarnya dengan negara tersebut.

Pembaharuan dasar luar yang dilakukannya, beliau telah melantik Profesor Dr Ahmet Dovutoglu sebagai Menteri Luar Turki yang baru. Dovutoglu merupakan perancang bagi pembaharuan dasar luar ini. Beliau telah meletakkan dua syarat untuk Turki berjaya di dalam sistem globalnya iaitu pertama, keadaan yang berkaitan dengan politik domestik dan keduanya, berkaitan dengan politik antarabangsa. Pembaharuan dasar luar Turki ini menggunakan konsep yang dinamai „Strategic Depth“ diperkenalkan oleh Dovutoglu. Konsep ini memegang kepada kefahaman latar belakang sejarah dan kedudukan geopolitik Turki yang strategik.

Oleh itu, berdasarkan pembaharuan dasar luar Turki ini telah mendatangkan kesan yang negatif terhadap kerjasama Turki dengan Israel. Telah timbul krisis-krisis yang menyebabkan Turki telah „mengurangkan“ tahap kerjasamanya dengan Israel terutama yang berkaitan dengan Palestin.

Pembaharuan dasar luar Turki dengan Israel pada waktu itu boleh dilihat dari krisis-krisis yang berlaku antara Turki dan Israel yang telah menyebabkan berlaku perubahan terhadap kerjasama mereka.

Manakala, krisis-krisis yang menyebabkan berlakunya perubahan pada kerjasama Turki dengan Israel adalah disebabkan beberapa faktor antaranya isu serangan Israel terhadap Gaza, kerjasama Turki dengan negara Arab terutama Mesir, Syria, Palestin, Iran dan Iraq, forum ekonomi dunia di Davos yang telah menyebabkan Erdogan meninggalkan persidangan tersebut, peristiwa Mavi Marmara dan latihan ketenteraan (Helang Anatoli).

Pengkaji mengkategorikan pembaharuan dasar luar Turki dengan Israel kepada tiga aspek iaitu diplomatik, ekonomi dan ketenteraan. Dari aspek diplomatik, selepas AKP memerintah Turki pada tahun 2003 kerjasama Turki dan Israel menunjukkan kesan yang positif. Namun pada tahun 2011, Turki telah mengurangkan kerjasama dengan Israel dengan menghalau duta Israel di Turki dan menyuruh duta Turki di Israel pulang akibat dari serangan Israel terhadap Gaza dan peristiwa Mavi Marmara.

Sementara aspek ekonomi pula, Turki telah membatalkan kerjasama dengan Israel dalam sektor perdagangan. Dan menyebabkan pada tahun 2012, perdagangan Turki dan Israel merosot. Bagi sektor pelancongan pula, Turki telah mengurangkan lawatan pelancong Israel ke Turki. Akibat dari ekonomi merosot, Turki telah memperbaiki hubungan kerjasama ekonomi dengan Israel. Dari aspek ketenteraan pula, Turki telah membatalkan terus kerjasama dengan Israel dan latihan ketenteraan bersama juga dibatalkan. Erdogan juga, telah melarang pesawat tentera Israel masuk ke ruang udara Turki.

Oleh yang demikian, pembaharuan dasar luar Turki yang baru ini telah menyebabkan berlaku perubahan kerjasama dengan Israel. Pengkaji mendapati

bahawa, hubungan kerjasama antara Turki dengan Israel mempunyai pasang surut yang mana mereka bekerjasama di dalam aspek yang akan memberi keuntungan terhadap Turki dan Israel.

Maka, dapat disimpulkan daripada tajuk kajian Hubungan Turki Dan Israel Pada Zaman Pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014) sebagai berikut.:

Pertamanya, selepas kejatuhan Khalifah Daulah Turki Uthmaniyah pemerintahannya telah diambil alih oleh Presiden Kemal Ataturk. Di mana beliau telah membawa perubahan pemerintahan kepada Republik Turki yang mengamalkan sistem sekular.

Keduanya, kesinambungan warisan pemerintahan republik ini telah diwarisi oleh pemimpin selepasnya terutama pemerintah Ismet Inonu. Semasa pemerintahannya pada tahun 1949 negara Turki yang majoritinya orang Islam telah mengakui kewujudan negara Israel dan telah bekerjasama dengan Israel melalui dasar luarnya dari aspek diplomatik, ekonomi dan ketenteraan.

Ketiga pula, apabila pemerintahan Turki beralah kepada kerajaan Parti Keadilan dan Kemajuan (AKP) dan Recep Tayyip Erdogan telah dilantik menjadi Perdana Menteri telah membawa perubahan kepada sistem pemerintahan Turki.

Keempatnya, perubahan yang dilakukan Perdana Menteri Erdogan terutamanya dalam pembaharuan dasar luar Turki iaitu konsep *Strategic Depth* yang mengamalkan „zero problem“ dengan negara-negara jirannya dan juga negara yang bekerjasama dengannya. Telah membuatkan berlaku perubahan dalam hubungan kerjasama dengan Israel.

Kelimanya pula, perubahan dalam dasar luar ini melibatkan krisis-krisis yang berlaku antara Turki dengan Israel iaitu isu serangan Israel terhadap Gaza, kerjasama

dengan negara Islam dan Arab, isu forum ekonomi duniadi Davos, isu peristiwa kapal Mavi Marmara dan isu latihan ketenteraan (Helang Anatoli).

Terakhir sekali yang keenam, perubahan hubungan Turki dan Israel merangkumi aspek diplomatik, ekonomi dan ketenteraan yang bersangkutan paut dengan kekejaman Israel terhadap Palestin. Kerjasama antara Turki dan Israel akan dikekalkan diatas aspek yang memberi keberuntungan pada mereka samaada pada pihak negara Turki atau kepada pihak Israel.

5.3 Implikasi Kajian

Menerusi daripada dapatan kajian pengkaji, banyak data-data dan maklumat yang dapat dimanfaatkan kepada pengkaji, individu dan masyarakat. Implikasi hubungan Turki dan Israel pada zaman pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014) ialah dapat mengetahui sejarah kejatuhan Daulah Turki Islam Uthmaniyah dan terbentuknya sistem sekular di Turki. Seterusnya, Negara Malaysia khususnya dapat memanfaatkan idea yang telah dibuat oleh negara Turki untuk membangunkan Malaysia dengan lebih maju. Adapun, berdasarkan tajuk pengkaji dapat memberi pengajaran kepada diri, individu dan masyarakat mengenai kerjasama yang dilakukan oleh Turki dengan Israel yang mana, harus berwaspada apabila berkerjasama dengan sesetengah pihak umpama kata musuh dari sahabatku adalah sahabatku.

5.4 Cadangan

Menerusi kajian pengkaji, terdapat kajian lanjutan yang boleh dan ingin dicadangkan oleh pengkaji. Pertama, kajian yang ingin dicadangkan adalah kajian lanjutan hubungan Turki dengan Israel ketika zaman Recep Tayyip Erdogan sebagai Presiden Turki. Keduaanya, mengenai isu Palestin yang semakin hangat dibincangkan dewasa ini. Negara Turki merupakan sebuah negara yang telah membantu Palestin dan membuatkan Israel sedikit terancam maka, satu kajian boleh dilakukan mengenai hubungan Turki dan Palestin : Ancaman kepada Israel atau Zionist. Ketiga, berdasarkan pembaharuan dasar luar Turki yang bekerjasama dengan negara Arab. Satu kajian mengenai Kerjasama Turki dengan negara Arab : Kesan terhadap hubungan Turki dengan Israel.

Oleh itu, kajian mengenai hubungan Turki dengan Israel pada zaman pemerintahan Perdana Menteri Recep Tayyip Erdogan (2003-2014) merupakan satu kajian yang amat mencabar dan sukar dikaji tetapi sangat seronok dan menarik untuk dikaji. Peranan Erdogan sebagai Perdana Menteri ketika itu banyak memainkan peranan untuk menaikkan negara Turki walaupun banyak cabaran dan dugaan yang dihadapi. Kerjasama dengan Israel dan tindakan yang dilakukan merupakan keberanian beliau sebagai seorang pemimpin. Menerusi kajian ini, dapat dilihat betapa negara Turki yang mengamalkan sekular berubah perlahan-lahan ke arah kegemilangan Daulah Turki Islam Uthmaniyah semula. Dengan ini, pengkaji berharap pembaca dapat manfaat dengan kajian pengkaji mengenai hubungan Turki dengan Israel semasa Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki pada zaman tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Abadi, J. (1995). Israel and Turkey: From Covert to Overt Relations. *Journal of Conflict Studies*. 15. 2 (1995), 1-15.
- Abdul Hamid. Hikāyat Atātürk wal Islām. Mesir, 1993.
- Abu Hanifah Idris & Mohammad Redzuan Othman, “Kemal Ataturk Dan Pembaharuan Di Turki : Polemik Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an Dan 1930-an”, *Jurnal Sejarah* : (2011), 105-133.
- Ahmad Azam Ab Rahman, Najmuddin Mohd Nawawi & Muhammad Suhail Ahmad, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?.* Selangor: PTS Sdn Bhd., 2016.
- Ahmad Junaidi, “Kebijakan Politik Recep Tayyip Erdogan dan Islamisme Turki Kontemporer”, *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia* 6, no. 1 (November 2016), 142-200.
- Ahmad Dzakirin (Eds.)... *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangkan Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd. 2012
- Ahmad Syahrul *Normalisasi Hubungan Turki Dengan Israel Paska Tragedi Mavi Marmara 2016*. Master thesis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2017.
- Allison Good *East Mediterranean Natural Gas and Israel’s Regional Foreign Policy*. Master thesis, The George Washington University, 2014.

Amalia Putri Handayani, “Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer Dengan Israel Tahun 2010”, *Jurnal Transnasional* 3, no. 2 (Februari 2012), 1-20.

Andraina Ary Fericandra. Ambivalensi Implementasi Neo-Ottomanisme dalam Kebijakan Luar Negeri Turki terhadap Israel (2009-2014). *Jurnal Hubungan Internasional*. 9(1), (2016), 153-172.

Antonius Pramudya Adityas. Serangan Israel terhadap Kapal Bantuan Kemanusiaan Mavi Marmara Tahun 2010. *Journal of International Relations*. 3(1) (2017), 59-69.

Arda Baykal, “Recep Tayyip Erdoğan,” House of Commons Library, 22 December 2009.

Berch Berberoglu. *Turkey in Crisis From State Capitalism to Neo-colonialism*. London : Zed Press, 1982.

Bilal Sambur, “The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan,” *European Journal of Economic and Political Studies* 2, no.2 (2009), 117-127.

Bruce Maddy-Weitzman Dan Asher Susser, ed., *Turkish – Israeli Relations In A Trans-Atlantic Context : Wider Europe and The Greater Middle East*. Moshe Dayan Centre, Universiti Tel Aviv, 2005.

Crescent News, *Kamus Am*, ed. Ke-1 (Kuala Lumpur : Crescent News (K.L) Sdn. Bhd., 1997)

Dan Arbell, “The U.S. – Turkey – Israel Triangle”, *Analysis Paper*, no. 34 (Oktober 2014) : 1-54.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan (Edisi Baru)* (Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994)

_____, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008)

Derviş Fikret Ünal (2016) *Turkey's Relations With Israel In The 2000s: a Constructivist Perspective*. PhD thesis, Middle East Technical University (unpublished).

Efraim Inbar, "Israeli – Turkish Tensions and Their International Ramifications", *Orbis*, 4 (1), (Winter 2011) : 132-146.

Elaine D. Smith. *Turkey : Origins of the Kemalist Movement and the Government of the Grand National Assembly (1919-1923)*. United States : Washington D.C., 1959.

Eyal Berelovich. Turkish-Israeli Military Relations and Security Cooperation. *Turkish Review*. 4(6), (2014), 616-624. Diperolehi pada 9 Oktober 2019 daripada https://www.researchgate.net/publication/310426533_Turkish-Israeli_military_relations_and_security_cooperation

Geoffrey Lewis. *Modern Turkey*. London : Ernest Benn Limited, 1974.

Ghazi Muhammad Al-Qani. *Menyingkap Kejahatan Yahudi*. Johor : Perniagaan Jahabersa, 2001.

Galen Olson (2013) *Normalizing Turkish-Israeli Relations And The Possibilities For U.S. Involvement*. Master thesis, Boston University.

Graham E. Fuller, Ian O. Lesser, Paul and J.F. Brown. *Turkey's New Geopolitics From the Balkans to Western China*. United States : Westview Press, 1993.

Haitham Al-Kailani. *Siapa Teroris Dunia*, Terj. Muhammad Zainal Arifin. Jakarta : Pustaka Al-Kautsar, 2001.

Harry N. Howard. *Turkey, the Straits and U.S. Policy*. London : The John Hopkins University Press, 1974.

Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan dalam Pengajian Islam*. Shah Alam : Kamil dan Shaki Sdn. Bhd., 2009.

Ilhan Güll & Miraç Yazıcı.. Describing Turkey-Israel Relationships With Its Trade Dimension. *International Journal of Economics, Commerce and Management*. 4(10), (2016), 103-114.

İrfan Arik dan Cevit Yavuz, “The Importance Of Leadership In International Relations (Recep Tayyip Erdoğan Sample)”, *International Journal of Research in Social Science* 4, no. 9 (Januari, 2015), 142-148.

Jay Alan Sekulow, “Turkey-Israel Relations”, *Journal of Oxford Centre for the Study of Law and Public Policy* 1, no. 1 (2015), 1-25.

Johan Wahyudhi, “Pandangan Abdurrahman Wahid Terhadap Konflik Palestina – Israel”, (Tesis Sarjana Humaniora, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2011).

Kemal H. Karpel and Contributors. *Turkey's Foreign In Transition 1950-1974*. Leiden, Washington : E. J. Brill, 1975.

Laurence Evans. *United States Policy And The Partition of Turkey, 1914-1924*. America : The Johns Hopkins Press, 1965.

- M. Philips Price, *A History of Turkey: from Empire to Republic*. London : George Allen & Unwin Ltd, 1956.
- Meliha Benli Altunışık and Özlem Tür. *Turkey : Challenges of Continuity and Change*. New York : RoutledgeCurzon, 2005.
- Mensur Akgün, Sabiha Senyücel Gündoğar & Aybars Görgülü, “Politics in Troubled Times: Israel-Turkey Relations,” *TESEV* 15, 41 (December 2014), 1-12.
- Metin Heper, “Islam, Conservatism, and Democracy in Turkey: Comparing Turgut Özal and Recep Tayyip Erdoğan”, *Insight Turkey* 15, no. 2 (Spring, 2013) : 141-156.
- Mohammad Shauki Mohd Razi. *Proses Pembaratan Dalam Daulah Uthmaniyah 1789-1876*. Kota Kinabalu, Sabah : University Malaysia Sabah, 2012.
- Mohd Roslan Mohd Nor, “Meneladani Sejarah Umat Islam Dalam Membentuk Masyarakat Hadhari Yang Gemilang Abad Ke-21”, *Jurnal Hadhari* 2, no. 2 (2010) : 19-40.
- Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015).
- Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. “Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan”. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(1), (2018), 1-14.
- Muhammad Zikril Aziz. Normalisasi Hubungan Diplomatik Turki-Israel Tahun 2016. *JOM FISIP*. 5(1), (2018), 1-15.

_____. “Sejarah Kejatuhan Palestin Dan Kewujudan Israel dalam *Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*”. Makalah, Persatuan Ulama“ Malaysia, (Shah Alam, Selangor, 2010), 37-50.

_____. “Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyah dalam *Baladatun Tayyibah : Model Uthmaniyah*”. Seminar Persatuan Ulama Malaysia, (Shah Alam, 2011), 1-24.

Muhammad Takiyuddin Ismail. *Aliran Neokonservatif dalam Dasar Luar A.S. : Satu Analisis Terhadap Pengembangan Idea, Peranan Dan Pengaruh*. Sintok, Kedah : Universiti Utara Malaysia, 2007.

Murat Yeşiltaş. The New Era in Turkish Foreign Policy: Critiques and Challenges. *Insight Turkey*. 16(3), (2014), 25-36.

Ni Luh Desriani Utami, “Dampak Peristiwa Mavi Marmara Terhadap Hubungan Diplomatic Turki Israel”, *Artikel Ilmiah Hasil Penilaian Mahasiswa* 1, no. 1 (2012), 1-5.

Niyazi Berkers. *The Development Of Secularism In Turkey*. Canada : Mc Gill University Press, 1964.

Pauline Lim Meng Juak. *Kemal Ataturk and The Building of A Modern Turkish Civilization*. Kuala Lumpur : University Malaya Press, 2004.

Pelanduk Publication, *Kamus Bahasa Melayu* (Selangor : Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 2002).

Rafeedah Awang, “Mustafa Kamal Artaturk : Kajian Dari Sudut Kepimpinan dan Peranannya Pada Era Keruntuhan Turki Uthmaniyah”, (tesis ijazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013).

Rahmatullah, “Peran Amerika Serikat dalam Menciptakan Perdamaian dan Penyelesaian Konflik Israel dan Palestina”, *Jurnal Ilmiah WIDYA* 3, no. 1 (Januari – April 2015) : 1-7.

Romanos-Antonios Trechlis. (2014) *A Comparative Study of The Turkey-Israel Partnership And The Greece-Cyprus-Israel Axis*. Centre d'Etudes Diplomatiques et Strategiques d'Athenes – CEDS.

Ruzanah Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor. Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza. *International Journal of West Asian Studies*. 8(1), (2016), 7-17.

Sadiq ALbayrak. *Religious Struggle in Turkey : During the Transformation from Caliphate to Secular Republic*, terj. Muhammad Khan Kayani. Pakistan : Al-Manar Book Centre, 1992.

Syarif Taghian, *Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, terj. Masturi Ilham dan Malik Supar (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2013).

Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984)

Tolga Turan. (2008) *Turkish Foreign Policy Towards Israel: The Implications Of Turkey's Relations With The West*. Master thesis, Middle East Technical University.

Trikoyo Lestari, “Kebijakan-Kebijakan Pemerintahan Usman Bin Erthogrol”, (tesis ijazah, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2008).

Walter F. Weaker. *The Turkish Revolution : Aspects Of Military Politics*. Washington : The Brooking Institution, 1963.

Wardah Sālim. “al-Ḥalqāt al-Turkiyyah al-Isrāīliyyah wa ta’thīriha a’la al-qadiyyah al-falastīniyyah”. Tesis Sarjana, Universiti Mohamed Boudiaf M’sil, Algeria, 2015.

William Guy Carr. *Yahudi Menggenggam Dunia*, terj. Mustholah Maufur. Jakarta : Pustaka Al-Kautsar, 2004.

William Hale and Ergun Özbudun. *Islamism, Democracy and Liberalism in Turkey : The Case Of the AKP*. New York : Routledge, 2010.

_____. *Facts About Turkey*. Turkey : Turkish New Agency, 1998.

Umut Azak. *Islam and Secularism in Turkey : Kemalism, Religion, and the Nation State*. London : I.B.Tauris & Co Ltd, 2010.